



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN PENGAJARAN BIDANG IBADAH DALAM KALANGAN GURU  
PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA  
NEGERI PERAK**

**ZAKI BIN ISMAIL**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran bidang ibadah dalam kalangan guru dan penguasaan ibadah dalam kalangan murid-murid Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) negeri Perak. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang guru dan 85 orang murid dari 10 buah SJKC di negeri Perak. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik kepada guru dan murid serta satu set ujian yang dijalankan kepada murid-murid Islam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Analisis data dalam kajian ini menggunakan kekerapan, peratus, min, ujian-t, ANOVA dan ujian korelasi Spearman. Pengumpulan data maklumat yang dikaji diperoleh melalui soal selidik dan dianalisis secara kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru berdasarkan persepsi guru dan murid berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala penguasaan bidang ibadah murid berada pada tahap sederhana rendah. Ujian t dan ANOVA pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara penguasaan ibadah murid berdasarkan latar belakang demografi dari segi lokasi, jantina, sekolah agama, bangsa dan tinggal bersama. Ujian korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian penguasaan murid. Ujian korelasi juga menunjukkan bahawa elemen pengetahuan terhadap tahap murid, kaedah motivasi, keperibadian dan profesionalisme keguruan merupakan di antara faktor penguasaan murid dalam bidang ibadah. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penguasaan murid dalam bidang ibadah di SJKC masih perlu diperbaiki. Manakala Guru Pendidikan Islam di SJKC perlu mempertingkatkan kaedah pengajaran ibadah, pengetahuan terhadap murid, kaedah motivasi serta mempunyai keperibadian dan profesionalisme keguruan agar penguasaan ibadah murid dapat diperbaiki. Implikasi kajian ini menentukan beberapa kaedah dalam pengajaran ibadah yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh Guru Pendidikan Islam di SJKC.





## DEGREE OF IBADAH TEACHING PRACTICE AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN CHINESE NATIONAL TYPE SCHOOL IN PERAK

### ABSTRACT

The primary purpose of this study is to identify the practices in the teaching of ibadah among teachers' of Islamic Education and the level of achievement among Muslim pupils in National Type Chinese Schools (SJKC) in the state of Perak. The sample for this research consists of 30 teachers and 85 pupils from 10 SJKC schools in Perak. This research is a survey research using the instrument of questionnaire for the teachers concerned and one set of evaluation administered to Muslim pupils in these National Type Chinese Schools (SJKC). The data analysis in this research is base on frequency, percentage, mean, the t-Test, ANOVA and Spearman Correlation Test. The comprehensive information in the data collected was gained through questionnaires and was analysed quantitatively. This research clearly shows that the teaching practices perception of the teacher and pupils involved are at a high intermediate level. The acquisition of ibadah knowledge among the pupils was at the lower intermediate level. The t-Test and ANOVA showed no significant difference in the pupils mastery of ibadah based on demographic background in the aspect of location, gender, religious schools, race and with whom they live. The Spearman Correlation test shows the presence of an intermediate significant connection between the teachers' teaching practices and the level of the pupils achievement. The correlation test also shows that among the elements that influenced the pupils comprehensive acquired knowledge of ibadah includes the teachers' knowledge of the pupils level of ibadah, the method of motivation, the personality and level of professionalism teacher concerned. This research shows that the level of the Muslim pupils knowledge acquirement on ibadah in SJKC schools needs to be comprehensively improved. It is pertinet that the Islamic Education teachers in SJKC schools need to optimise their level in the methods and strategies of teaching ibadah, in their knowledge of the level of their pupils, their motivational techniques, and have a high degree of personality and teaching professionalism to further enhance the level of ibadah competency and knowledge among the pupils. The finding of the research focuses on strategies in the teaching of Islamic Education that has to be give the due consideration by Islamic Education teachers in SJKC schools.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Soalan Kajian	17
1.6 Hipotesis Kajian	18
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.7.1 Teori Al-Ghazali	21
1.7.2 Standard 4 Pencerapan Pembelajaran dan Pengajaran	24
1.8 Kepentingan Kajian	27
1.9 Batasan Kajian	28
1.10 Huraian Istilah	28
1.10.1 Amalan	29

1.10.2	Pengajaran	29
1.10.3	Ibadah	30
1.10.4	Guru Pendidikan Islam	30
1.10.5	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	30
1.11	Penutup	31

## **BAB 2      TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Konsep Pendidikan Islam	34
2.2.1	Definisi Pendidikan Islam	36
2.2.2	Kurikulum Pendidikan Islam	37
2.2.3	Falsafah Pendidikan Islam	39
2.2.4	Matlamat Pendidikan Islam	41
2.2.5	Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam	41
2.2.6	Prinsip-Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam	42
2.3	Organisasi Kandungan Pendidikan Islam	43
2.3.1	Bidang Ibadah	43
2.4	Pengertian Ibadah	46
2.4.1	Pembahagian dan Matlamat Ibadah	47
2.4.2	Syarat-Syarat bagi Sesuatu Amalan (Adat) Menjadi Ibadah	48
2.4.3	Konsep Ibadah	49
2.4.4	Kepentingan Ibadah	49
2.5	Sejarah dan Perkembangan SJKC	53
2.6	Kajian Berkaitan	57

2.6.1 Kajian amalan pengajaran guru Pendidikan Islam 57

2.6.2 Kajian berkaitan penguasaan murid dalam bidang Ibadah 63

2.7 Penutup 66

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 67

3.2 Rekabentuk Kajian 68

3.3 Lokasi Kajian 69

3.4 Populasi Kajian 70

3.5 Sampel dan Kaedah Persampelan 70

3.6 Instrumen Kajian 72

3.6.1 Soal Selidik Guru 73

3.6.2 Soal Selidik Murid 75

3.7 Kesahan Instrumen Kajian 79

3.8 Kajian Rintis 80

3.9 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 82

3.10 Prosedur Pengumpulan Data 84

3.10.1 Pengumpulan Soal Selidik 84

3.11 Tatacara Analisis Data 85

3.11.1 Analisis Data Kuantitatif 86

3.11.1.1 Analisis Deskriptif 86

3.11.1.2 Analisis Statistik Inferensi 87

3.12 Penutup 89

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 90

4.2	Profil Responden Kajian	91
4.2.1	Profil Guru SJKC	91
4.2.2	Profil Murid SJKC	95
4.3	Analisis Deskriptif	97
4.3.1	Amalan Pengajaran Guru	97
4.3.1.1	Objektif Pengajaran dan Pembelajaran	98
4.3.1.2	Tahap Murid	101
4.3.1.3	Set Induksi	107
4.3.1.4	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	111
4.3.1.5	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	116
4.3.1.6	Pujian dan Peneguhan	121
4.3.1.7	Rumusan dan Penilaian	125
4.3.1.8	Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan	131
4.3.2	Tahap Pencapaian Murid Dalam Bidang Ibadah	137
4.4	Analisis Statistik Inferensi	137
4.4.1	Analisis Perbezaan	138
4.4.1.1	Analisis Perbezaan Berdasarkan Demografi	138
4.4.2	Analisis Hubungan	143
4.5	Penutup	145
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	146
5.2	Ringkasan Kajian	147
5.3	Perbincangan Dapatan kajian	150
5.3.1	Analisis Deskriptif	150

5.3.1.1	Amalan Pengajaran Guru	151
	a. Objektif Pengajaran dan Pembelajaran	151
	b. Tahap Murid	152
	c. Set Induksi	153
	d. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	155
	e. Bahan Bantu Mengajar	156
	f. Pujian dan Peneguhan	158
	g. Rumusan dan Penilaian	160
	h. Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan	162
5.3.1.2	Tahap Pencapaian Murid	163
5.3.2	Analisis Inferensi	165
5.3.2.1	Analisis Perbezaan	166
5.3.2.2	Analisis Hubungan	168
5.4	Rumusan dan Implikasi	168
5.5	Cadangan	188
5.5.1	Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	188
5.5.2	Cadangan kepada Sekolah	189
5.5.3	Cadangan kepada Guru	190
5.5.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	190
5.6	Penutup	191
	<b>RUJUKAN</b>	192
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Tajuk Kemahiran Bidang Ibadah	43
3.1	Taburan Skor Mengikut Skala Likert	73
3.2	Item Demografi Guru	74
3.3	Item Amalan Pengajaran Guru	75
3.4	Item Demografi Murid	76
3.5	Item Amalan Pengajaran Guru Berdasarkan Persepsi Murid	77
3.6	Item Ujian Penilaian Penguasaan Ibadah	78
3.7	Senarai Panel Rujukan	79
3.8	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	82
3.9	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	83
3.10	Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Efektif	87
3.11	Nilai Pekali Korelasi	88
3.12	Kaedah Analisis Statistik Inferensi	89
4.1	Profil Guru SJKC	92
4.2	Profil Murid SJKC	95
4.3	Amalan Pengajaran Guru Berdasarkan Persepsi Guru dan Murid	98
4.4	Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Guru	99
4.5	Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Murid	100
4.6	Tahap Murid Berdasarkan Persepsi Guru	102
4.7	Tahap Murid Berdasarkan Persepsi Murid	104
4.8	Set Induksi Berdasarkan Persepsi Guru	107

4.9	Set Induksi Berdasarkan Persepsi Murid	109
4.10	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Guru	111
4.11	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Murid	114
4.12	Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Persepsi Guru	117
4.13	Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Persepsi Murid	119
4.14	Pujian dan Peneguhan (Motivasi) Berdasarkan Persepsi Guru	121
4.15	Pujian dan Peneguhan (Motivasi) Berdasarkan Persepsi Murid	123
4.16	Rumusan dan Penilaian Berdasarkan Persepsi Guru	126
4.17	Rumusan dan Penilaian Berdasarkan Persepsi Murid	129
4.18	Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan Berdasarkan Persepsi Guru	132
4.19	Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan Berdasarkan Persepsi Murid	134
4.20	Tahap Pencapaian Murid Dalam Bidang Ibadah	137
4.21	Ujian-t Perbezaan Penguasaan Ibadah Murid Berdasarkan Lokasi Sekolah	139
4.22	Ujian-t Perbezaan Penguasaan Ibadah Murid Berdasarkan Jantina	140
4.23	Ujian-t Perbezaan Penguasaan Ibadah Murid Berdasarkan Belajar Di Sekolah Agama	141
4.24	ANOVA Sehala Penguasaan Ibadah Berdasarkan Bangsa	142
4.25	ANOVA Sehala Penguasaan Ibadah Berdasarkan Tinggal Bersama	143
4.26	Korelasi Antara Amalan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Murid	144

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Teori Pengajaran Al-Ghazali	23
2.1	Kerangka Konseptual Kajian	26

## SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
CD	<i>Compact Disk</i>
EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPK	Falsafah Pendidikan Negara
GCPI	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
GSTT	Guru Sandaran Tidak Terlatih
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PKSR	Penilaian Kendalian Sekolah Rendah
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	Sekolah Kebangsaan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

SMT/V Sekolah Menengah Teknik/Vokasional

SPM Sijil Pelajaran Malaysia

SPSS *Statistical Package for Social Science*

STPM Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Ibadah menurut Kamus Dewan (2007), bermaksud perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada Tuhan. Sementara menurut Wahbah Zuhaili (2005) ibadah mencakupi semua perkara yang disukai dan diredai oleh Allah sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan batin dan perbuatan zahir. Menurut Mustafa (1996), ibadah adalah daripada perkataan bahasa Arab yang bererti dari segi maknanya adalah merendah diri, memperhambakan diri, tunduk dan patuh serta taat kepada yang lain. Dari segi istilah syarak pula ibadah membawa maksud ketaatan, kepatuhan dan merendah diri kepada Allah. Kepatuhan ini perlu mengikut peraturan dan suruhan Allah sepenuhnya seperti di dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah.

Manakala menurut Haron Din (2002), ibadah adalah ikatan hubungan antara Tuhan dengan hamba bagi mengawal aqidah manusia. Ibadah merupakan nilai Islam yang penting dan berkesan untuk membina keperibadian muslim dan memajukan





masyarakat. Berdasarkan maksud-maksud ibadah di atas, bolehlah dikatakan bahawa ibadah bererti perbuatan dan amalan yang meliputi semua aspek kehidupan sama ada zahir atau batin yang dilakukan oleh hamba sebagai tanda tunduk dan patuh kepada Tuhannya.

Ibadah kepada Allah merupakan ibadah yang disukai dan diredai dan merupakan tujuan penciptaan makhluk. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada Aku.*



Dan firman Allah lagi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: *“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.”*

(Surah al-Baqarah, 2:21)

Ibadah pula mestilah hanya kepada Allah sahaja. Firman Allah:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿١٦﴾



Maksudnya: *Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu dan Akulah Tuhan kamu; maka hendaklah kamu semua sembahlah Aku.*

(Surah al-Anbiya' 21:92)

Ibadah kepada Allah mengandungi tujuan tertentu, sebagai contoh solat boleh mencegah perbuatan keji dan mungkar. Firman Allah:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ... ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.*

(Surah al-Ankabut 29:45)

Manakala puasa pula bertujuan untuk mendapat takwa. Firman Allah di dalam surah al-Baqarah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.*

(Surah al-Baqarah 2:183)

Di samping zakat bermatlamat menyucikan harta dan jiwa daripada sifat kedekut dan tamak. Firman Allah:



خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: *Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

(Surah at-Taubah 9:103)

Sementara ibadah haji pula adalah untuk mendidik seseorang hamba menahan diri daripada perkara-perkara yang tidak baik. Firman Allah:



الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمَهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٦٧﴾

Maksudnya: *(Masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (daripada keaiban meminta sedekah); dan*



*bertakwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).*

(Surah al-Baqarah 2:197)

Ibadah merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan manusia kerana ianya adalah hubungan di antara hamba dengan penciptaNya. Hubungan ini tidak boleh dibiarkan terputus kerana apabila terputus maka manusia akan hilang pedoman. Ibadah yang terpenting dan paling utama adalah solat yang merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Diikuti dengan ibadah-ibadah lain yang merupakan pelengkap kepada kedua-dua ibadah yang utama ini. Sebagai hamba, kesemua ibadah yang terpenting ini perlu dijaga dan diamalkan secara bersungguh-sungguh untuk mencapai kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat.

## 1.2 Latarbelakang kajian

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) adalah salah satu daripada aliran sekolah yang terdapat dalam sistem persekolahan di Malaysia. Sekolah Aliran Cina ini mula wujud sejak zaman penjajah British bersama-sama dengan sekolah-sekolah pondok dan madrasah, sekolah Melayu, sekolah Tamil dan sekolah Inggeris (Shahril, 1999). Sekolah aliran Cina mula dibuka oleh pelombong-pelombong Cina yang merasakan bahawa perlu diadakan pendidikan untuk anak-anak mereka (Sufean 1993). Pada mulanya kebanyakan sekolah Cina ini dikendalikan oleh saudagar-saudagar bijih timah yang kaya. Sukatan pelajaran di sekolah ini pada waktu itu adalah mengikut sukatan pelajaran dari negara asal mereka, iaitu negara China. Apabila terlalu banyak



sekolah Cina dibuka maka Inggeris merasakan satu sistem kawalan perlu diadakan bagi mengawal kewujudan sekolah-sekolah Cina (Mohd Ridhuan Tee 2010).

Di negeri Perak terdapat sebanyak 186 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (JPN Perak 2011). Kewujudan SJKC yang banyak ini menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama dan telah mendapat perhatian masyarakat Islam sebagai tempat untuk anak-anak mereka mendapatkan pendidikan. Menurut data dari Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Perak, bilangan murid Islam di SJKC seluruh negeri Perak pada tahun 2011 ialah seramai 2,545 orang.

Ibu bapa berminat untuk menghantar anak-anak mereka belajar di SJKC adalah kerana berharap anak-anak mereka akan dapat menguasai bahasa Mandarin apabila tamat belajar selama enam tahun. Kebolehan menguasai bahasa Mandarin adalah satu kelebihan dalam dunia masa kini. Bahasa Cina (Mandarin) mempunyai nilai komersial yang tinggi di samping bahasa Inggeris dan kebolehan menguasainya merupakan aset untuk pasaran kerja masa hadapan untuk anak-anak. Di samping itu anak-anak ini akan dapat bersaing dengan lebih baik terutama dalam menghadapi cabaran global (Asmahani 2009). Menurut kajian Asmahani (2009) minat terhadap bahasa Mandarin mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke SJKC. Seramai 98.2% responden bersetuju kerana ingin anak mereka menguasai lebih daripada satu bahasa.

Di samping itu *trend* ibu bapa menghantar anak-anak ke SJKC juga secara tidak langsung akan memupuk perpaduan di antara kaum. Perpaduan antara kaum akan lebih erat terjalin (Shahril 1993). Percampuran di antara tiga kaum utama yang





terdiri daripada Melayu, Cina dan India serta lain-lain bangsa akan menyumbang kepada kejayaan integrasi nasional. Kajian Asmahani (2009) mendapati bahawa 93.3% ibu bapa yang menghantar anak ke SJKC kerana inginkan anak mereka boleh berkomunikasi dengan bangsa lain. Bagi murid yang mempunyai latar belakang yang berbeza, sekolah boleh menyediakan ruang yang sesuai untuk mereka bercampur mengikut kumpulan yang sama sehingga melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Mohd Ridhuan Tee 2010). Percampuran di antara pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina dan India dan pelbagai agama menyebabkan persekitaran SJKC sesuatu yang menarik untuk dikaji. Kepelbagaian agama murid-murid di SJKC yang terdiri daripada Cina yang kebanyakannya menganut agama Buddha dan Kristian, India dengan agama Hindu dan Melayu tentunya dengan agama Islam merupakan satu ruang untuk melihat tahap sosialisasi mereka. Namun terdapat juga murid-murid Islam yang terdiri daripada kaum Cina dan India. Suasana ini menyebabkan murid terdedah dengan pengetahuan berkaitan agama lain rakan-rakan mereka. Pendedahan ini sesuatu yang baik namun dari satu sudut, pengetahuan agama dan akidah mereka perlu diperkukuhkan dahulu agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan fahaman rakan-rakan mereka yang berlainan agama.

Di sinilah pentingnya peranan mata pelajaran Pendidikan Islam diajar kepada murid-murid Islam bagi memperkukuhkan pengetahuan mereka berkaitan asas-asas Islam. Mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC adalah mengikut sukatan sebagaimana di sekolah kebangsaan. Menurut Akta Pendidikan 1996 “Jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri” (Akta Pendidikan 1996).





Mengikut akta ini, Pelajaran Pendidikan Islam wajib disediakan kepada murid-murid beragama Islam dan diajar oleh guru yang mempunyai tauliah, iaitu guru yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia atau Jabatan Pelajaran Negeri dan mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan Islam. Waktu yang diperuntukkan untuk pengajaran Pendidikan Islam ini adalah enam waktu, iaitu 180 minit seminggu.

Namun realitinya keadaan di SJKC tidak sama seperti di sekolah kebangsaan. Situasi SJKC yang kekurangan guru, waktu pengajaran yang dikurangkan daripada enam waktu kepada empat waktu, sesi pengajaran dan pembelajaran diadakan secara kelas bercantum, tiada kemudahan surau untuk amali solat dan tiada kemudahan kelas yang sempurna, maka murid-murid ini tidak mendapat kemudahan yang sepatutnya sebagaimana rakan-rakan mereka di sekolah kebangsaan (Omar 2011). Keadaan ini menyebabkan murid-murid Islam di SJKC agak ketinggalan dari segi pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam

### 1.3 Pernyataan masalah

Pernyataan masalah dalam kajian ini dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu aspek yang melibatkan amalan pengajaran guru, penguasaan kemahiran murid dalam bidang ibadah, perbezaan penguasaan dalam kalangan murid dan hubungan antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan murid.

Masalah yang dapat diperhatikan dalam kalangan murid-murid Islam di SJKC adalah tahap penguasaan mereka secara keseluruhannya dalam mata pelajaran





Pendidikan Islam. Berdasarkan data Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR) 2 tahun 2011, bagi murid-murid Islam di SJKC seluruh negeri Perak mendapati tahap penguasaan mereka berada pada tahap sederhana dan lemah. Sebanyak 80.1 % berada pada tahap sederhana dan 19.9 % pada tahap yang lemah atau gagal. Hasil daripada temubual dengan guru-guru Pendidikan Islam yang dilantik sebagai guru beredar ke SJKC di daerah Kinta Selatan mendapati bahawa 90% daripada murid-murid ini tidak dapat menguasai kemahiran dalam bidang ibadah, contohnya kemahiran wuduk, bacaan dalam solat dan perlakuan solat. Menurut Ustaz Omar (2011), seorang Guru Cemerlang yang dilantik sebagai guru beredar didapati ada di antara murid-murid Islam di SJKC tidak tahu cara berwuduk yang betul, tidak dapat menyebut lafaz niat solat lima waktu, malah tidak dapat menguasai bacaan tahiyyat. Guru Cemerlang ialah guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (Guru Cemerlang KPM, 2011).

Dari aspek yang berkaitan dengan amalan pengajaran guru pula, menurut Shamsul Arifin (2011) masalah utama di SJKC ialah kekurangan guru Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun sistem yang diamalkan bagi menampung kekurangan guru ini ialah dengan melantik guru beredar dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Guru Beredar ialah guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah kebangsaan. Guru-guru ini selalunya adalah dari sekolah-sekolah yang berhampiran dengan SJKC. Mereka akan beredar ke sekolah yang ditetapkan mengikut jadual yang disusun di antara dua buah sekolah iaitu sekolah induk (sekolah asal) dan sekolah yang mereka diedarkan (SJKC). Terdapat guru yang beredar sama ada ke sebuah





sekolah, dua atau tiga buah sekolah SJKC bergantung kepada keperluan dan jumlah waktu mengajar guru tersebut (Shamsul Arifin 2011).

Manakala Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) pula ialah guru-guru sementara yang dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah bagi menampung kekurangan guru di SJKC dan lantikan mereka berdasarkan kontrak selama setahun. Kontrak guru-guru ini akan diperbaharui bergantung kepada keperluan dan peruntukan kewangan Jabatan Pelajaran Negeri. Menurut Shamsul Arifin (2011) lagi kebanyakan GSTT mempunyai ijazah dalam bidang Pendidikan Islam ataupun lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam atau Bahasa Arab. Sebagaimana nama jawatan mereka, guru-guru ini tidak mendapat latihan perguruan dan lantikan mereka berdasarkan sedikit pengalaman mengajar tahun-tahun sebelumnya.

Situasi ini sudah tentu akan menjejaskan pembelajaran murid kerana guru mempunyai peranan yang amat signifikan terhadap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Ab. Halim, 2010). Guru merupakan sumber terdekat dalam penyampaian pengajaran dan bimbingan kepada murid. Ketiadaan guru akan menyebabkan murid tidak dapat mempelajari kemahiran yang sepatutnya dan ini akan menyebabkan mereka tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran yang diajar.

Selain daripada masalah guru, masalah yang dihadapi oleh murid-murid Islam di SJKC ialah tempoh waktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Menurut Omar (2011), waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam





di SJKC adalah sebanyak empat atau dua waktu sahaja iaitu 120 minit atau 60 minit seminggu. Waktu pembelajaran pula digabungkan dengan murid dari tahun atau kelas yang lain. Sebagai contoh, murid-murid tahap satu iaitu tahun 1 hingga tahun 3 digabungkan di dalam satu kelas di dalam waktu yang sama. Begitu juga dengan murid tahap dua yang terdiri daripada tahun empat hingga tahun enam digabungkan di dalam waktu yang sama.

Berdasarkan Modul Pengajaran Pendidikan Islam dari Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), isi kandungan Pendidikan Islam KSSR terbahagi kepada empat komponen utama, iaitu:

(1) Asuhan Tilawah al-Quran,

(2) Asas Ulum Syariah

- bidang akidah,

- bidang ibadah dan

- bidang sirah.

(3) Asas Akhlak Islamiah dan

(4) Pelajaran Jawi.

Keempat-empat komponen ini diajar kepada murid dalam tempoh enam waktu dalam seminggu. Satu waktu mengambil masa 30 minit. Peruntukan masa untuk Asuhan Tilawah al-Quran adalah dua waktu iaitu 60 minit. Manakala baki empat waktu lagi iaitu 120 minit diperuntukkan untuk tiga komponen yang lain, iaitu Asas Ulum Syariah, Asas Akhlak Islamiah dan Pelajaran Jawi. Ini bermakna keempat-empat komponen itu diagihkan waktunya untuk diajar kepada murid dalam tempoh 180 minit seminggu. Walau bagaimanapun bagi tahun satu, waktu yang diperuntukkan





untuk Asuhan Tilawah al-Quran bagi tempoh enam bulan pertama penggal persekolahan adalah sebanyak empat waktu.

Situasi di SJKC berbeza dengan situasi di sekolah kebangsaan. Di SJKC waktu yang diperuntukkan untuk Pendidikan Islam kadangkala akan dikurangkan menjadi empat waktu sahaja kerana pelbagai kekangan. Contohnya jumlah murid yang sedikit, tiada kemudahan bilik darjah, dan lain-lain lagi (Omar 2011). Situasi ini menyebabkan waktu untuk murid belajar kemahiran bidang ibadah tidak mencukupi, iaitu hanya sekali dalam tempoh tiga atau empat minggu kerana diagihkankan dengan kemahiran bidang akidah dan sirah. Sedangkan menurut Omar (2011) pembelajaran bidang ibadah sepatutnya memerlukan tumpuan waktu yang tertentu khususnya kerana murid perlu masa untuk menghafal bacaan-bacaan dalam solat serta melakukan amali wuduk



Waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam tidak diperuntukkan kelas khusus. Semasa waktu Pendidikan Islam murid-murid Islam akan bergerak ke kelas terapung yang diadakan di bilik atau kelas lain. Kelas terapung atau bercantum ini mengikut keperluan atau bergantung pada bilangan murid (Abdul Rafie 2005). Jika bilangan murid sedikit kelas akan digabungkan dari tahun 1 hingga tahun 6 tetapi jika bilangan murid agak ramai maka kelas akan digabungkan mengikut tahap, iaitu tahap 1 (tahun 1 hingga tahun 3) dan tahap 2 (tahun 4 hingga tahun 6) pada waktu yang berasingan. Semasa waktu Pendidikan Islam murid-murid bukan Islam akan belajar Pendidikan Moral di dalam kelas mereka (Abdul Rafie 2005).





Pembelajaran di dalam suasana di mana murid-murid dari tahun yang berbeza dikumpulkan di dalam satu kelas yang sama dan diajar oleh guru yang sama secara serentak tentunya menimbulkan keadaan yang tidak kondusif. Guru terpaksa mengajar beberapa kemahiran berbeza secara serentak kepada murid-murid dari kelas yang berbeza. Tumpuan guru dan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran akan terganggu dan menjadi kurang berkesan.

Dari aspek perbezaan penguasaan dalam kalangan murid pula masalah yang akan dikaji adalah berkaitan dengan latar belakang demografi iaitu lokasi sekolah, jantina, belajar di sekolah agama, bangsa dan tinggal bersama. Tiada kajian berkaitan dengan perkara-perkara di atas dilakukan terhadap murid-murid Islam di SJKC setakat ini kecuali kajian oleh Asmahani (2009) berkaitan faktor ibu bapa Islam menghantar anak mereka ke SJKC. Berdasarkan kajian oleh Asmahani (2009) didapati di antara faktor kenapa ibu bapa Islam menghantar anak-anak mereka ke SJKC ialah kerana berpendapat bahawa guru di SJKC lebih berdedikasi berbanding guru di sekolah kebangsaan. Pendapat ini mewakili 74.4 % daripada keseluruhan responden. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini adalah secara umum merangkumi keseluruhan guru-guru di SJKC bukan khusus kepada guru Pendidikan Islam.

Sementara aspek ingin dikaji adalah berkaitan dengan hubungan amalan pengajaran guru dengan penguasaan murid dalam kemahiran ibadah murid di SJKC. Menurut Ab. Halim (2010) isu pengurusan masa yang berkesan dan strategik dalam melaksanakan program pendidikan agama juga mempunyai kaitan dengan isu pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan di beberapa negeri



di Malaysia menunjukkan, bahawa kaedah yang paling disukai oleh guru semasa mengajar adalah kaedah syarahan atau kuliah (Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi 2010).

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Hatifah (2000) dalam Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), mendapati bahawa alat pandang dengar amat kurang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran. Sebagai bukti penggunaan komputer hanya 72%, manakala televisyen hanya 54%. Selain ini kajiannya juga mendapati 52% guru tidak pernah menggunakan video dan 50% tidak pernah menggunakan kaset, manakala 46% guru tidak pernah menggunakan pita rakaman dalam sesi pengajaran mereka. Dalam kajian ini jelas menunjukkan guru lebih kerap menggunakan buku teks (82%) selain penggunaan papan putih yang menjadi amalan paling popular iaitu 88%. Secara keseluruhannya ini jelas menunjukkan guru amat kurang menggunakan alat audio dan video dalam proses pengajaran dan lebih memberi tumpuan kepada penggunaan buku teks, papan putih atau papan gulung.

Secara keseluruhannya daripada beberapa kajian yang dilakukan terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam mendapati guru-guru masih kurang memberi penekanan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Sebaliknya, guru-guru masih cenderung menggunakan pendekatan yang berpusatkan guru seperti kaedah kuliah dan syarahan (Hatifah 2000; Ab. Halim et al. 2004).

Sedangkan di antara aktiviti pendidikan Islam yang diminati oleh murid ialah aktiviti lawatan (56.6%), penggunaan komputer (42.76%), kuiz (35%), tayangan video

(32.7%), permainan (28.22%), melayari laman web (26.54%), bercerita (24.67%), projek secara kumpulan (23.04%), perbincangan kumpulan (20%) dan menghafal doa dan ayat al-Quran (19.77%).

Dapatan daripada kajian-kajian berkaitan dengan penggunaan BBM di kalangan guru-guru Pendidikan Islam ini adalah secara umum. Tiada kajian berkaitan dengan amalan pengajaran guru dalam bidang ibadah yang semestinya dilaksanakan dengan teknik atau kaedah pengajaran secara amali khususnya di SJKC yang kekurangan kemudahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dengan kekangan yang sedemikian semestinya impak pengajaran guru terhadap pembelajaran murid kurang berkesan. Pembelajaran murid pula di dalam suasana yang tidak kondusif akan memberikan kesan kepada penguasaan kemahiran yang diajar oleh guru.

Dengan kemudahan yang kurang sempurna dan tidak kondusif akan menyebabkan murid-murid tidak berminat atau bermotivasi untuk mengikuti pelajaran. Kesannya minat mereka terhadap mata pelajaran khususnya mata pelajaran pendidikan Islam akan hilang dan ini tentunya menjejaskan penguasaan kemahiran mereka. Ini bertepatan dengan kajian oleh Azhar (2010) berkaitan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan mata pelajaran pendidikan Islam di Malaysia ialah kurangnya motivasi terhadap pendidikan Islam, masalah mutu pengajaran guru yang rendah, kelemahan sikap dan sahsiah guru, pengajaran berpusatkan guru, kurangnya penghayatan ajaran Islam di kalangan guru Pendidikan Islam, kurangnya penghayatan Islam di kalangan murid, bilangan murid di dalam kelas yang terlalu ramai, kurang



kemahiran ICT dan masalah persekitaran sekolah yang tidak menggalak dan membantu terhadap penghayatan nilai Islam di kalangan murid.

Hasil daripada kajian-kajian yang lepas berkaitan dengan sikap murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dapatlah dirumuskan bahawa faktor kekurangan guru, keadaan kelas bercantum, waktu pelaksanaan yang tidak sesuai dan kurangnya penghayatan Islam di kalangan murid merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan murid tidak dapat menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam dan seterusnya tidak dapat mengamalkan kemahiran-kemahiran yang diajar oleh guru sama ada di sekolah ataupun di rumah.

Selain itu, penyelidikan ini dirasakan perlu dilakukan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bidang ibadah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam untuk mengoptimumkan tujuan utama pengajaran pendidikan Islam di sekolah rendah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru itu, kajian berkaitan tahap amalan pengajaran bidang ibadah dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) negeri Perak ini adalah untuk memberi maklumat mengenal pasti masalah dalam amalan pengajaran guru, menilai tahap penguasaan kemahiran bidang ibadah, mengenalpasti perbezaan penguasaan di kalangan murid dan memberi cadangan bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul.



## 1.4 Objektif kajian

1.4.1 Mengenalpasti amalan pengajaran guru dalam bidang ibadah di SJKC.

1.4.2 Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran bidang ibadah mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid di SJKC.

1.4.3 Mengkaji perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan latar belakang demografi.

1.4.4 Mengenal pasti hubungan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian murid dalam bidang Ibadah mata pelajaran Pendidikan Islam.

## 1.5 Soalan kajian

Untuk memenuhi matlamat kajian ini maka, kajian ini dirangka bagi menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:

### Objektif 1

**SK1** *Bagaimanakah amalan pengajaran guru dalam bidang ibadah di SJKC.*



## Objektif 2

**SK2** *Bagaimanakah tahap penguasaan kemahiran bidang ibadah matapelajaran Pendidikan Islam di kalangan murid-murid Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).*

## Objektif 3

**SK3** *Adakah terdapat perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan latar belakang demografi.*

## Objektif 4

**SK4** *Adakah terdapat hubungan di antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan ibadah.*



## 1.6 Hipotesis kajian

Bagi soalan kajian (SK) pertama dan kedua, data yang diperolehi bagi soalan ini akan dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif dengan menggunakan skor min, sisihan piawai dan peratus. Manakala persoalan kajian ketiga dan keempat pula akan dihuraikan secara inferential. Bagi mencapai tujuan ini sebanyak 6 hipotesis nol seperti berikut akan diuji.



Hipotesis Nol bagi Soalan Kajian 3:

Ho<sub>1</sub> *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah dalam kalangan murid SJKC berdasarkan lokasi sekolah.*

Ho<sub>2</sub> *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah dalam kalangan murid SJKC berdasarkan jantina.*

Ho<sub>3</sub> *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah dalam kalangan murid SJKC berdasarkan belajar di sekolah agama.*

Ho<sub>4</sub> *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah dalam kalangan murid SJKC berdasarkan bangsa.*

Ho<sub>5</sub> *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah dalam kalangan murid SJKC berdasarkan tinggal bersama.*

Hipotesis Nol bagi Soalan Kajian 4:

Ho<sub>6</sub> *Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi skor min di antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan ibadah murid-murid.*



## 1.7 Kerangka konseptual kajian

Kajian yang dijalankan merupakan kajian untuk mengenal pasti amalan pengajaran bidang Ibadah dalam kalangan guru Pendidikan Islam di SJKC. Amalan pengajaran guru adalah berdasarkan lapan konstruk amalan pengajaran guru iaitu objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM), pujian dan peneguhan, rumusan dan penilaian, dan keperibadian/ amalan profesional keguruan.

Tahap penguasaan kemahiran bidang ibadah merujuk kepada penguasaan murid di dalam tiga aspek penting iaitu bidang kognitif yang merujuk kepada aktiviti-aktiviti mental seperti berfikir, menaakul, menganalisis, membentuk konsep menyelesaikan masalah dan sebagainya (Ee Ah Meng 1993); bidang afektif yang merupakan sikap, nilai, minat dan perasaan seseorang individu dan bidang psikomotor iaitu kebolehan murid-murid melakukan aktiviti-aktiviti yang memerlukan koordinasi pergerakan otot (Ee Ah Meng 1993) seperti kemahiran dalam bentuk amali berwuduk dan melaksanakan solat dengan perlakuan-perlakuan yang betul.

Penguasaan kemahiran murid yang menjadi fokus kajian ini adalah merujuk kepada kebolehan murid memahami dan menguasai seterusnya mengamalkan semua kemahiran yang diajar oleh guru di dalam kehidupan harian mereka. Kebolehan murid menguasai kemahiran-kemahiran ini sebenarnya bergantung kepada banyak faktor. Di antara faktor yang terpenting adalah faktor pengajaran guru, faktor pembelajaran murid dan faktor latar belakang murid. Bagi mengkaji permasalahan-permasalahan ini, penyelidik menggunakan teori al-Ghazali dan Standard 4 Pencerapan





Pembelajaran dan Pengajaran serta Model Penaziran Kemenjadian Murid dalam Dokumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) 2010 oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti bagi mengkaji berkaitan dengan aspek pengajaran guru dan aspek penguasaan murid.

### 1.7.1 Teori Al-Ghazali

Berdasarkan teori al-Ghazali, tujuan pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan tentang pencipta dan mengaitkannya dengan makhluk yang diciptakan Allah. Ini bermaksud pendidikan merupakan proses untuk memperoleh ilmu secara lebih berfokus kepada perkembangan diri dan personaliti murid. Melalui pendidikan yang berkesan murid akan dapat menilai perbuatan yang baik dan yang buruk untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum yang baik dan sempurna sangat penting dalam proses pendidikan agar dapat menanam di hati anak-anak dengan keperibadian yang murni, akhlak yang terpuji, mengamalkan sifat-sifat mahmudah dan menjauhi sifat-sifat mazmumah.

Dalam konteks kajian ini, guru adalah sebagai seorang yang menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang lain. Ilmu yang disampaikan itu merupakan perkara yang baik, positif dan dapat membina diri seseorang menjadi insan yang baik tanpa mengira peringkat umur. Dalam proses menyampaikan ilmu guru boleh menggunakan pelbagai cara dan kaedah untuk menarik murid mendalami ilmu yang diajar itu. Manakala murid pula bermaksud seseorang yang berada di tempat untuk menuntut ilmu pengetahuan sama ada ilmu duniawi atau ukhrawi.





Untuk melaksanakan amalan pengajaran Pendidikan Islam, terdapat tiga perkara yang perlu dimiliki oleh seseorang guru. Asas utama ialah seseorang guru mesti memiliki ilmu kepakaran di dalam bidangnya. Ilmu-ilmu yang perlu dikuasai dan dimiliki secara mendalam ialah seperti dalam bidang Pendidikan Islam, ilmu berkaitan al-Quran, ilmu hadis, ilmu syariah dan sebagainya. Justeru, guru perlulah bersedia untuk menambah ilmu pada bila-bila masa bagi memperkukuh dan menambahbaik ilmu pengetahuan mereka dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman.


Guru juga perlu memiliki kemahiran penguasaan berkaitan strategi, kaedah, teknik dan pendekatan mengajar. Penguasaan kemahiran guru dalam bidang ini akan dapat membantu guru untuk melaksanakan pengajaran yang menarik perhatian murid dan memberikan impak yang berkesan. Guru juga perlu mengamalkan pengajaran secara berperingkat dan bertahap supaya ilmu dan kemahiran yang disampaikan itu dapat dikuasai sepenuhnya oleh murid secara berkesan. Selain itu kemahiran dalam berkomunikasi juga turut perlu dimiliki oleh seseorang guru. Kemahiran ini penting agar guru dapat berkomunikasi dan berinteraksi di samping mengawal komunikasi murid di sepanjang pengajarannya secara pelbagai hala, iaitu komunikasi di antara guru dengan murid dan komunikasi murid dengan murid. Komunikasi yang baik di dalam proses pengajaran akan dapat memastikan ilmu dan kemahiran disampaikan dengan secara berkesan.

Perkara yang ketiga pula ialah keperibadian guru juga menjadi tonggak penting dalam proses pengajaran Pendidikan Islam. Guru mestilah ikhlas dalam



menyampaikan ilmu, pengajaran yang dipenuhi dengan nasihat dan kasih sayang serta penuh berhikmah. Guru juga perlu mengamalkan ilmu yang dimiliki dalam kehidupan seharian supaya menjadi contoh teladan kepada murid-murid. Selain itu juga, guru mestilah berupaya untuk memotivasikan murid agar mereka berminat dan bersemangat untuk belajar.

Pengkaji menghasilkan satu teori berdasarkan pandangan al-Ghazali berkaitan Pendidikan melalui rajah 1.



Rajah 1 Teori pengajaran al-Ghazali (1967)



### 1.7.2 Standard 4 Pencerapan Pembelajaran dan Pengajaran SKPM

Standard 4 Pencerapan Pembelajaran dan Pengajaran, dan Model Penaziran Kemenjadian Murid yang dirangka oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) adalah berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan tugas, kepakaran, pengalaman serta amalan penaziran. Berdasarkan model tersebut, semua sumber dan kekuatan yang ada di sekolah adalah saling berkerjasama agar matlamat kemenjadian murid dapat dicapai (JNJK 2010). Di antara aspek penting yang perlu ada di dalam proses pembelajaran yang bermatlamat kemenjadian murid ialah profesionalisme keguruan, sumber pendidikan pembangunan sahsiah, pembelajaran dan pengajaran serta penilaian.



kepada duabelas aspek kritikal yang perlu diberi perhatian oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar potensi murid dapat ditingkatkan ke tahap yang optimum. Di dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran guru mesti memberi perhatian kepada aspek-aspek penglibatan murid, penguasaan pembelajaran, hasil kerja murid, perancangan dan persediaan guru, kaedah penyampaian, komunikasi, penggunaan sumber pendidikan, penilaian berterusan, teknik penyooalan, penguasaan ilmu, pengurusan kelas dan amalan profesional keguruan.

Sementara Model Penaziran Kemenjadian Murid (2010) pula menekankan matlamat akhir pendidikan di sekolah rendah ialah melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. Di dalam proses bagi mencapai hasrat ini murid






diharapkan mampu berfikir secara kreatif dan kritis; menguasai kemahiran belajar; mengasah bakat kepimpinan; menunjukkan keprihatinan kepada alam; menguasai kemahiran membaca, menghafal dan memahami al-Quran; mengukuhkan asas aqidah dan amalan nilai murni; dan membangunkan sikap positif.

Berdasarkan daripada teori al-Ghazali dan Standard 4 Pencerapan Pembelajaran dan Pengajaran serta Model Penaziran Kemenjadian Murid pengkaji telah menggabungkan kedua-duanya sebagai kerangka konseptual kajian untuk dijadikan panduan dalam kajian ini bagi proses amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dan penguasaan pembelajaran murid Islam di SJKC khususnya. Kerangka konseptual kajian ini terdiri daripada dua jenis kumpulan faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran murid.



Faktor pertama ialah amalan pengajaran guru yang terdiri daripada objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian/ amalan profesional keguruan. Sementara faktor kedua pula ialah faktor demografi murid yang merangkumi lokasi, jantina, bangsa, belajar di sekolah agama dan tinggal bersama. Rajah 2 menunjukkan kerangka konsep kajian.





Rajah 2 Kerangka Konseptual kajian ubahsuai Teori Al-Ghazali dan Standard 4 SKPM serta Model Penaziran Kemenjadian Murid 2010.



## 1.8 Kepentingan kajian

Kajian mengenai amalan pengajaran bidang ibadah yang merupakan salah satu komponen dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan guru Pendidikan Islam di SJKC ini perlu dilakukan bagi menilai keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran di SJKC khususnya. Kajian ini diharapkan dapat memberikan satu dimensi baru kepada pengajaran guru dan penguasaan kemahiran murid-murid Islam di SJKC yang selama ini tidak begitu diberikan tumpuan.

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan atau pemangkin bagi kajian-kajian lain dalam usaha memahami secara lebih mendalam bagaimanakah sebenarnya amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di SJKC. Dapatan-dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada dunia pendidikan agar dapat menggunakan hasil dapatan kajian ini bagi mengatur strategi membangunkan modal insan yang seimbang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam.

Hasil daripada dapatan kajian ini juga diharapkan dapat digunakan oleh pihak-pihak berwajib agar memberi perhatian yang serius kepada keperluan-keperluan murid Islam di SJKC supaya mereka mendapat hak yang sempurna terutamanya di dalam mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam bertepatan dengan Akta Pendidikan 1996. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pelbagai pihak, seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam membuat keputusan melaksanakan dasar pendidikan Islam khususnya kepada murid Islam di SJKC. Begitu juga agar dapat





dijadikan panduan kepada guru-guru Pendidikan Islam dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid-murid Islam di SJKC khususnya dalam memastikan kemahiran ibadah dikuasai sepenuhnya.

Dan diharapkan hasil daripada kajian ini juga dapat dijadikan asas dalam pembinaan modul sebagai rujukan kepada guru-guru dalam menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersesuaian dengan situasi murid di SJKC.

## 1.9 Batasan kajian

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru beredar dan guru sandaran terlatih dan guru sandaran tidak terlatih yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam negeri Perak sahaja. Kajian ini juga dilaksanakan hanya terhadap murid-murid Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dalam negeri Perak sahaja. Sampel yang dipilih adalah terdiri daripada murid-murid yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza. Kajian ini hanya melibatkan bidang ibadah sahaja dan tidak melibatkan tajuk-tajuk yang lain.

## 1.10 Huraian istilah

Pengkaji perlu memperjelaskan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Takrifan istilah ini adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang dibuat iaitu: Amalan





Pengajaran Bidang Ibadah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Negeri Perak.

Definisi ini perlu dijelaskan kerana mungkin terdapat kekeliruan dalam pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut ialah:

### **1.10.1 Amalan**

Maksud amalan adalah perbuatan yang baik atau perbuatan yang biasa dilakukan. Menurut Kamus Dewan (2007), amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan. Dalam konteks kajian ini, amalan bermaksud sesuatu tindakan atau kebiasaan yang dilakukan oleh guru Pendidikan Islam sama ada sebelum, semasa atau selepas sesuatu proses pengajaran bidang ibadah di SJKC negeri Perak.

### **1.10.2 Pengajaran**

Menurut Mok (2000), pengajaran merupakan aktiviti menyampaikan isi pengajaran di samping memotivasikan pelajar supaya bersedia untuk belajar, mengurus mereka supaya mempunyai disiplin diri serta menggerakkan mereka dengan aktiviti dan interaksi yang positif. Bagi maksud kajian ini, pengajaran merujuk kepada pengajaran bidang ibadah oleh guru Pendidikan Islam di SJKC berdasarkan lapan elemen pengajaran iaitu objektif, tahap murid, set induksi, kaedah, bahan bantu mengajar, pujian dan peneguhan, rumusan dan penilaian, dan keperibadian atau amalan profesional keguruan.





### 1.10.3 Ibadah

Ibadah membawa maksud perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada Allah. (Kamus Dewan 2007). Ibadah meliputi semua perkara yang disukai dan diredai oleh Allah sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan batin dan perbuatan zahir (Wahbah Zuhaili 2005). Ibadah dalam maksud kajian ini ialah salah satu bidang di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah yang mengandungi kemahiran-kemahiran asas ibadah seperti bersuci, solat dan puasa yang dipelajari oleh murid-murid di sekolah rendah (sukatan KBSR/KSSR).

### 1.10.4 Guru-guru Pendidikan Islam

Guru-guru Islam yang mendapat latihan perguruan dari universiti atau Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda atau diploma pendidikan dalam bidang Pendidikan Islam atau bahasa Arab. Guru-guru ini ditempatkan secara tetap di SJKC atau beredar dari sekolah-sekolah lain untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

### 1.10.5 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ialah salah satu jenis aliran sekolah rendah yang namanya diberikan untuk sekolah bukan sekolah kebangsaan yang mendapat bantuan modal daripada kerajaan. Sekolah ini menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama di samping bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah SJKC dalam negeri Perak.





## 1.11 Penutup

Bab ini membentangkan tentang pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan takrifan istilah. Di dalam bahagian pengenalan telah diterangkan secara sepintas lalu tentang pelaksanaan sukatan pelajaran Pendidikan Islam berkaitan dengan permasalahan yang dikaji. Bahagian pernyataan masalah dan persoalan kajian telah diterangkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi dan persoalan-persoalan yang memerlukan tindakan penyelesaian. Sementara di dalam bahagian objektif kajian pula diterangkan tentang apakah matlamat sebenarnya kajian ini dijalankan.

Pada bahagian kepentingan kajian diterangkan tentang betapa pentingnya kajian ini perlu dilakukan bagi mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul agar ianya tidak berlarutan yang akan merugikan semua pihak. Bahagian batasan kajian pula dinyatakan tentang kemungkinan keterbatasan hasil kajian ini untuk digunakan sebagai rujukan kepada lain-lain permasalahan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji.

Penguasaan kemahiran amalan pengajaran bidang ibadah amat penting kepada guru-guru. Ini kerana ibadah merupakan manifestasi ketaatan seseorang hamba terhadap penciptanya. Di samping itu matlamat untuk melahirkan manusia yang seimbang bergantung pada amalan ibadah seseorang. Jika sempurna ibadahnya maka semua perkara berkaitan dengan kehidupan di dunia ini akan menjadi lebih teratur dan sempurna. Masalah penguasaan kemahiran ini merupakan batu penghalang ke arah melahirkan manusia yang seimbang seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan



Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Maka persoalan ini amat menarik untuk dikaji dan seterusnya diharapkan dapat mencari jalan penyelesaian bagi membetulkan keadaan.



## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan



Bab ini akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai sorotan daripada kajian dan pembacaan yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap ibadah dan kepentingannya dalam membentuk insan yang kamil. Tumpuan perbincangan adalah berkisar terhadap pengertian ibadah, kepentingan ibadah dalam membentuk peribadi mukmin sejati, masalah-masalah yang timbul akibat pengabaian ibadah dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar dan remaja hari ini. Selain itu, pengkaji juga akan melihat faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya masalah yang dikaji.

Kajian terdahulu yang berkaitan ataupun terdapat persamaan dengan kajian yang dijalankan akan dijadikan sebagai landasan empirikal bagi pengkaji untuk membantu kajian yang dijalankan. Setiap faktor yang dikaji adalah berdasarkan rujukan dari buku-buku, majalah dan kajian terdahulu.





## 2.2 Konsep Pendidikan Islam

Pendidikan merupakan asas penting bagi setiap manusia. Menurut Islam pendidikan yang meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bermula sejak dari kandungan hinggalah ke akhir hayat seseorang. Sejarah Pendidikan Islam bermula seiring dengan kedatangan wahyu pertama kepada Rasulullah (Gamal Zakaria, 2003). Pendidikan Islam adalah satu proses sepanjang hayat yang berlaku secara formal atau tidak formal. Ianya bukan hanya boleh berlaku di dalam bilik darjah sahaja, malah pendidikan Islam boleh berlaku di mana-mana sahaja melalui tunjuk ajar dan teladan yang ditunjukkan oleh guru-guru (Kamarudin Kachar, 1989).

Pendidikan Islam adalah satu proses mendidik akal, jasmani dan roh manusia berasaskan nilai-nilai insaniah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith.

Pendidikan Islam melatih perasaan halus pelajar supaya sikap, tindakan dan keputusan mereka ditadbir oleh nilai-nilai kerohanian dan etika Islam. (Abdullah Jusuh, 1990). Wan Zahid Wan Nordin (1994) menyatakan bahawa dalam konteks dunia moden hari ini, Pendidikan Islam amat penting untuk memastikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar daripada landasan nilai etika dan kerohanian. Hal ini amat relevan dengan ciri-ciri Pendidikan Islam yang sentiasa sesuai dengan pelbagai situasi dalam kehidupan manusia. Dalam pelaksanaan sistem pendidikan Negara, Pendidikan Islam juga mempunyai peranan utama kerana aspek pembangunan insan yang menyeluruh dan seimbang adalah penting dan bersesuaian dengan tuntutan dan cabaran abad ke-21, khususnya dalam merealisasikan wawasan 2020.



Di Malaysia, usaha murni ini sebenarnya telah dimulakan dengan penggubalan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) pada tahun 1987, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukunegara (1970). Matlamat pendidikan negara ke arah mewujudkan generasi yang memiliki peribadi mulia, sahsiah yang seimbang dan bersepadu telah dinyatakan dengan jelas di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan juga Falsafah Pendidikan Guru (FPG). (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Falsafah Pendidikan Kebangsaan menggariskan bahawa:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara. (Akta Pendidikan, 1996).*

Kurikulum Pendidikan Islam digubal dengan mengambil kira pelbagai aspek yang penting untuk pembinaan negara pada masa akan datang. Para cendekiawan Pendidikan Islam berpendapat tujuan Pendidikan Islam adalah amat luas. Ia bukan



sahaja untuk memenuhi keperluan kognitif anak-anak dengan segala ilmu yang ada, tetapi juga untuk mendidik akhlak dan jiwa mereka menjadi insan kamil di dunia dan akhirat. Tugas guru kini semakin penting dan mencabar kerana tugas mereka bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi juga terlibat secara langsung untuk membangunkan insan yang seimbang.

### 2.2.1 Definisi Pendidikan Islam

Pendidikan Islam sebenarnya mencakupi erti yang sangat luas. Ianya bukan sekadar mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah, malah maknanya meliputi satu konsep ilmu yang boleh membawa perubahan secara total kepada seseorang sama ada secara luaran atau dalaman. Dan perubahan yang berlaku itu pula adalah perubahan tingkah laku, akhlak dan kejiwaan yang berpandukan kepada hukum-hukum Islam sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah (Mohd Yusuf Ahmad, 2002).

Pendidikan dalam bahasa Arab disebut sama ada ta'lim, tarbiah atau ta'dib. Istilah-istilah tersebut, walaupun mempunyai pengertian masing-masing, namun ia sebenarnya menjurus kepada maksud pendidikan (Samsul Nizar, 2001). Istilah at-ta'lim membawa erti menyampaikan pengetahuan. Istilah at-tarbiyah pula bererti mendidik. Sementara istilah at-ta'dib pula pengertiannya lebih kepada menyempurnakan akhlak atau adab murid. Daripada maksud ketiga-tiga istilah ini dapatlah dibuat satu rumusan bahawa istilah at-ta'dib adalah lebih tepat bagi





menerangkan maksud pendidikan yang sebenar. Ini kerana istilah ta'dib mempunyai kaitan dengan ilmu pengetahuan dan adab.

Ini jelas menerangkan kepada kita bahawa tujuan pendidikan Islam adalah untuk membentuk anak-anak mematuhi ajaran Islam. Mereka akan memahami semua perkara-perkara asas di dalam ajaran Islam sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadah, sistem akhlak dan juga syariat. Rentetan daripada kefahaman ini akan membawa manusia kepada kebahagiaan hakiki di dunia dan di akhirat (Haron Din & Sobri Salamon, 1998).

Sebagai rumusannya dapatlah disimpulkan bahawa tujuan akhir pendidikan Islam itu sendiri adalah untuk mengembangkan fitrah semula jadi manusia bersesuaian dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah bagi mewujudkan masyarakat yang bertamadun tinggi, mendapat limpahan rahmat dan kebahagiaan serta diredai Allah

### **2.2.2 Kurikulum Pendidikan Islam**

Kurikulum membawa maksud rancangan pengajian (Sharifah, 1986). Sementara menurut Hassan (1991), kurikulum dimaksudkan sebagai satu rancangan yang digunakan oleh guru untuk mengembangkan pengetahuan, keterampilan dan sikap murid. Pengertian kurikulum dalam Pendidikan Islam membawa maksud satu rangkuman pelbagai ilmu, kemahiran, nilai dan norma kebudayaan serta kepercayaan sesuatu masyarakat untuk diajar kepada generasi seterusnya. Rancangan pendidikan ini adalah bagi keperluan individu dan negara. Bagi tujuan tersebut Laporan Kabinet





Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 telah menggariskan peranan kurikulum adalah bagi membina perkembangan murid yang menyeluruh dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta memupuk nilai-nilai akhlak yang baik dan menyampaikan ilmu. Bagi konteks keperluan negara pula kurikulum memainkan peranan bagi membentuk rakyat yang bersatu padu berteraskan Rukunegara di samping mewujudkan sumber manusia yang berkemahiran untuk keperluan negara.

Kandungan kurikulum ini adalah bertepatan dengan tujuan Falsafah Pendidikan Islam, iaitu untuk mendidik murid agar dapat menguasai ilmu, amalan dan kemahiran dalam hidup yang telah ditetapkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam dapat menyumbang ke arah pembentukan diri muslim yang berilmu, beriman, beradab, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertakwa. Untuk itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa ciri utama kurikulum Pendidikan Islam iaitu, kesinambungan dan keseimbangan di peringkat rendah dan menengah dikekalkan; kesepaduan ilmu dijelmakan; ilmu Fardu Ain dan Fardhi Kifayah digabungkan; penekanan kepada pembangunan insan untuk pembangunan bangsa dan negara; buku teks ditulis dengan tradisi penulisan ilmu Islam. (Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1988).

Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kurikulum pendidikan Islam diperlukan untuk mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri yang mana ianya mestilah bersesuaian dengan umur, tahap perkembangan rohani dan kemampuan murid.





### 2.2.3 Falsafah Pendidikan Islam

Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah kepada seluruh manusia. Islam adalah merupakan satu pakej cara hidup yang lengkap dan menyeluruh sebagai cara kehidupan yang terbaik. Nabi Muhammad membangunkan Islam menggunakan pendekatan pendidikan untuk mencapai matlamat pengutusannya. Kejayaan yang dicapai oleh baginda amat membanggakan peradaban manusia kerana baginda satu-satunya contoh kejayaan dalam pencapaian pendidikan dalam Islam kepada bangsa yang dahulunya terkenal dengan kehidupan jahiliah. Di sebalik kejayaan ini, terkandung falsafah pendidikan yang boleh dijadikan kerangka konsep falsafah pendidikan sebagai panduan kepada umat Islam pada masa akan datang.



berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Melalui pendidikan ia mampu memenuhi keperluan hidup manusia sebaik mungkin sebagai khalifah di muka bumi ini. Falsafah Pendidikan Islam sebenarnya mengandungi pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif sehingga mampu menghasilkan generasi yang berfikiran kritis, inovatif dan kreatif. Ini amat penting untuk melahirkan masyarakat yang mampu memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Pembentukan masyarakat madani adalah berteraskan kepada generasi yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Intipati Falsafah Pendidikan Islam adalah proses pendidikan yang menekankan pendekatan pengajaran guru dalam menitikberatkan keseimbangan keperluan rohaniah, akal dan jasmaniah. Ini amat penting untuk pembangunan duniawi dengan





pembangunan ukhrawi murid-murid (Ahmad, 2004). Pembentukan sahsiah dan peribadi mulia dengan ilmu dan kemahiran mampu melahirkan generasi dan masyarakat madani yang dapat membangunkan sebuah negara yang terbilang.

Jika dilihat secara mendalam Falsafah Pendidikan Islam ini adalah selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara, iaitu untuk melahirkan pelajar yang cemerlang sepenuhnya yang memerlukan perhatian dan tindakan susulan yang teliti untuk memupuk nilai-nilai yang diharapkan. Perkara ini amat jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Islam, iaitu: “Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membentuk diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”(Falsafah Pendidikan Islam, 2011)

Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Islam ini, ada tiga aspek penting yang terkandung di dalamnya. Pertama, sifat-sifat individu muslim yang dikehendaki, iaitu individu muslim yang memiliki keperibadian sebagai hamba Allah; kedua, kepentingan sifat-sifat tersebut daripada pelbagai sudut, iaitu, untuk keperluan membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara bagi mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat; dan ketiga, kaedah bagi memperolehi sifat-sifat tersebut iaitu, berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan ikhtiar secara berpanjangan bagi menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Falsafah Pendidikan Islam turut menggariskan keperluan utama sifat-sifat seperti ini diwujudkan dalam kalangan individu muslim adalah untuk melahirkan





insan yang mampu membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan sekaligus membangunkan negara. Kesemua pembangunan tersebut mestilah dicapai bukan sahaja untuk memperolehi kebaikan dan keuntungan di dunia bahkan di akhirat.

#### 2.2.4 Matlamat Pendidikan Islam

Matlamat Pendidikan dalam Islam membawa maksud sebagai suatu hasil yang dikehendaki pada akhir sesuatu program yang dirancang. Matlamat pendidikan adalah membentuk keperibadian yang mulia, sahsiah yang terpuji dan akal yang sempurna. Pendidikan juga bermatlamat untuk mempergunakan ilmu yang dimiliki untuk diajar kepada orang lain atau sekurang-kurangnya dapat digunakan untuk



keperluan dirinya melalui kemahiran-kemahiran yang ada. (Kamarul Azmi Jasmi, 2007)

#### 2.2.5 Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam

Dalam pelaksanaan pendidikan Islam, pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting. Tumpuan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam seharusnya bukan sahaja kepada bidang kognitif malah sepatutnya juga kepada bidang afektif dan psikomotor (Wan Zahid, 1993). Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kognitif pula hanya ditumpukan pada tahap menyampaikan maklumat dan hafalan sahaja. Kemahiran berfikir yang lebih kritis dan kreatif kurang diberi penekanan oleh guru.



Ini terbukti daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, berkaitan pelaksanaan dasar pelajaran menyatakan mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berada pada tahap yang tidak memuaskan. Kebanyakan guru masih menggunakan kaedah *chalk and talk* atau pengajaran yang berpusatkan guru dan tidak dapat menarik perhatian murid kepada pelajaran yang diajar. Guru lebih suka mengambil pendekatan pengajaran secara sehalu dan tidak mengambil berat tahap kefahaman murid. Begitu juga dengan penggunaan bahan bantu mengajar dan latihan amali kurang diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hakikatnya pendekatan amali amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam khususnya dalam bidang ibadah. Suatu usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan oleh guru bagi memaksimumkan kefahaman murid dengan menggunakan

kaedah atau pendekatan yang menarik dan berkesan.

## 2.2.6 Prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam

Keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada pelbagai aspek. Di antaranya adalah objektif pengajaran, tahap murid, set induksi, kaedah, bahan bantu mengajar, motivasi, penilaian dan keperibadian guru itu sendiri. Al Syaibani (1997) menyatakan beberapa prinsip ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ialah memberi motivasi, memahami minat murid, mengetahui tahap murid, melaksanakan kaedah amali, membuat rumusan dan penilaian, dan melatih kemahiran berfikir murid.

Berdasarkan perbincangan di atas, menunjukkan guru perlu memberi fokus kepada keperluan murid untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Guru mesti peka terhadap minat dan keperluan murid bagi memastikan mereka bermotivasi untuk belajar.

## 2.3 Organisasi kandungan Pendidikan Islam

Kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam telah dibahagikan kepada bidang-bidang tertentu seperti Tilawah al-Quran, Akidah, Ibadah, Adab dan Akhlak Islamiah serta Sirah Nabawiyyah. Walau bagaimanapun di sini hanya disentuh tentang bidang Ibadah sahaja kerana ia merupakan fokus kajian ini.

### 2.3.1 Bidang Ibadah

Bidang ibadah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah menekankan kepada kemahiran-kemahiran istinjak, wuduk, bacaan dan perlakuan dalam solat, bersuci daripada najis, bersuci daripada hadas, rukun solat, azan, iqamah, solat berjemaah, solat Jumaat, perkara sunat dalam solat, puasa dan solat sunat hari raya. Tajuk-tajuk kemahiran bidang ibadah sekolah rendah adalah seperti dalam jadual 2.1:

Jadual 2.1

*Tajuk-tajuk Kemahiran Bidang Ibadah*

Tahun	Tajuk
1	Konsep Ibadah Istinjak Wuduk Mengetahui waktu solat

(bersambung)

Jadual 2.1 (*bersambung*)

Tahun	Tajuk
	Lafaz niat solat
	Menghafaz bacaan dalam solat
	- Takbir
	- Salam
2	Perlakuan solat
	Bacaan dalam solat
	- Doa Iftitah
	- Rukuk
	- Iktidal
	- Sujud
	- Duduk antara dua sujud
	Perkara-perkara yang membatalkan wuduk
3	Perlakuan solat dengan betul
	Bacaan Tahiyat
	Doa Qunut
4	Amali solat
	Bersuci daripada najis
	Bersuci daripada hadas
	Syarat-syarat sah solat
	Rukun solat
	Perkara-perkara yang membatalkan solat
	Menunaikan solat dengan sempurna
5	Azan dan Iqamah
	Jawab Azan dan Iqamah serta doa
	Solat berjemaah
	Solat Jumaat
	Sunat Ab'adh dan Haiat
	Menunaikan solat berjemaah
	Falsafah solat
6	Ibadah puasa Ramadan
	Perkara-perkara yang membatalkan puasa
	Perkara-perkara sunat dan adab puasa
	Sebab yang mengharuskan berbuka puasa
	Qada' puasa
	Solat hari raya dan hikmahnya

Kemahiran-kemahiran ini hanya merangkumi sebahagian kecil sahaja daripada konsep ibadah yang lebih luas. Walau bagaimanapun ianya merupakan asas yang penting agar murid dapat menguasai kemahiran-kemahiran ini sebagai persediaan untuk mereka mempraktikkan ibadah dalam Islam dengan erti kata yang lebih luas lagi.



Bidang Ibadah di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam melibatkan perkara-perkara fardu ain dan fardu kifayah (Kamarul Azmi 2007). Kemahiran ibadah yang dipelajari di peringkat sekolah merupakan langkah awal ke arah melahirkan insan yang patuh dan taat kepada perintah Allah dan Rasul-Nya. Kemahiran-kemahiran tersebut meliputi istinjaq, wuduk, solat dan puasa. Murid-murid telah didedahkan dengan kemahiran-kemahiran ibadah seawal tahun satu lagi, iaitu bermula dengan konsep ibadah, istinjaq, wuduk, mengetahui waktu solat, lafaz niat solat fardu lima waktu, bacaan takbir dan salam serta perlakuan solat. Kemudian pada tahun dua, murid akan belajar tentang bacaan doa iftitah dan bacaan-bacaan lain dalam solat seperti ruku', iktidal, sujud dan duduk di antara dua sujud serta perkara yang membatalkan wuduk dan perlakuan solat dengan betul.



Pada tahun tiga pula murid akan belajar kemahiran bacaan tahiyat dan doa qunut serta melakukan amali solat. Sementara pada tahun empat pula murid akan belajar berkaitan dengan bersuci daripada najis, bersuci daripada hadas, syarat sah solat, rukun solat, perkara-perkara yang membatalkan solat dan menunaikan solat dengan sempurna. Pada tahun lima murid akan belajar tentang kemahiran azan dan iqamah serta jawab azan dan iqamah, solat berjemaah dan solat Jumaat, sunat *Ab'adh* dan *Haiat*, menunaikan solat berjemaah dan falsafah solat. Akhir sekali pada tahun enam murid akan didedahkan dengan kemahiran ibadah berkaitan dengan puasa Ramadan, perkara-perkara yang membatalkan puasa, perkara sunat dan adab puasa, sebab yang mengharuskan berbuka puasa, qada' puasa dan solat hari raya dan hikmahnya.





Jika dilihat daripada sukatan pelajaran bahagian ibadah tahun satu hingga tahun enam yang berkaitan dengan kemahiran istinjaq, wuduk, solat dan puasa, ianya sudah meliputi semua kemahiran ibadah pada peringkat asas. Sudah semestinya apabila murid-murid telah mempelajari semua perkara tersebut maka mereka akan dapat menguasai semua kemahiran dalam asas dalam ibadah.

## 2.4 Pengertian Ibadah

Ibadah bermaksud tindakan menurut dan mengikat diri dengan sepenuhnya kepada segala perkara-perkara yang disyariatkan oleh Allah dan diseru oleh para Rasul, sama ada ia berbentuk suruhan atau larangan. Menurut Wahbah Zuhaili (2005) ibadah merangkumi setiap perkara yang disukai dan diredai Allah sama ada ia dalam bentuk perkataan, perbuatan batin dan perbuatan zahir.

Terdapat banyak dalil daripada al-Quran yang menunjukkan perintah supaya kita beribadah. Perintah supaya mendirikan solat dan menunaikan zakat (ayat 77, surah an-Nisa'), tujuan manusia diciptakan oleh Allah adalah untuk beribadah (ayat 56, surah az-Zaariyat), suruhan beribadah kepada Tuhan (surah al-Baqarah, ayat 21) dan banyak lagi dalil-dalil sama ada dari al-Quran atau hadis baginda Rasulullah s.a.w.





### 2.4.1 Pembahagian dan matlamat ibadah

Dalam Islam ibadah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: ibadah asas (fardu ain), ibadah fardu kifayah dan ibadah umum.

#### a. Ibadah asas

Ibadah asas ialah ibadah yang menjadi teras kepada seseorang Islam yang mencakupi soal-soal seperti dalam rukun iman dan rukun Islam. Ibadah asas adalah amalan fardu yang wajib ditunaikan oleh setiap orang muslim yang telah cukup syarat-syaratnya. Pelaksanaan ibadah asas ini adalah sebagai bukti kepatuhan hamba terhadap Penciptanya. Ianya juga sebagai penanda aras keimanan seseorang hamba kepada



Tuhan.



#### b. Ibadah fardu kifayah

Ibadah ini menitikberatkan kepada amalan-amalan sosial dalam kehidupan bermasyarakat atau dalam erti kata yang lain, ianya mengutamakan hubungan sesama manusia bagi memelihara keharmonian di dalam masyarakat. Keharmonian dan kesejahteraan hidup akan tercapai dengan pelaksanaan ibadah fardu kifayah ini. Antara ibadah yang dikategorikan fardu kifayah ialah pengurusan jenazah, melaksanakan jihad, membangunkan institusi pendidikan, melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi bagi memperkasa ummah dan sebagainya.





### c. Ibadah umum

Ibadah umum merupakan segala kegiatan manusia yang patuh kepada hukum-hukum dan nilai-nilai agama Islam. Segala amalan manusia sehari-hari yang dilakukan dengan niat yang ikhlas adalah dikira sebagai ibadah. Ibadah umum ini meliputi daripada menguruskan keperluan yang bersifat peribadi hinggalah kepada pengurusan sesebuah negara. Tetapi kesemua pengurusan tersebut mestilah berlandaskan kepada hukum-hukum Islam dan dilaksanakan dengan tujuan semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah.

#### 2.4.2 Syarat-syarat bagi sesuatu amalan menjadi ibadah



Islam amat mementingkan keikhlasan dalam sesuatu perkara. Rasulullah telah bersabda di dalam hadis yang bermaksud “sesungguhnya sesuatu amalan itu adalah dengan niat.” Niat yang ikhlas akan mendapat ganjaran pahala dari Allah. Justeru itu, semua perbuatan dan amalan kita boleh dikira sebagai ibadah dan mendapat ganjaran pahala jika dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah. Sebagai hamba Allah dan sebagai seorang manusia, kita perlu menjaga hubungan kita dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Kedua-dua hubungan ini perlu dipelihara dan dipertahankan tanpa mengabaikan salah satu daripadanya.

Amalan-amalan kita akan dikira sebagai ibadah dan mendapat ganjaran pahala jika; amalan itu mematuhi syariat Islam, dikerjakan dengan niat yang ikhlas, dilaksanakan dengan cara yang bersungguh-sungguh, tidak menzalimi dan





menganiayai semasa makhluk, dan tidak menyebabkan lalai daripada mengingati Allah. Jika syarat-syarat ini dapat dipenuhi dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan ia akan dikira sebagai ibadah.

### 2.4.3 Konsep ibadah

Konsep ibadah dalam Islam adalah amat luas dan menyeluruh, merangkumi tingkah laku dan amalan manusia seluruhnya yang dikerjakan menurut ajaran Islam. Ibadah mempunyai kaitan yang rapat dengan akhlak. Menerusi ibadah yang betul akan melahirkan kelakuan yang baik bersopan dan berakhlak mulia. Nilai akhlak berpunca daripada agama ditetapkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Setiap amalan yang



memenuhi syarat-syarat berkenaan boleh menjadi ibadah.

### 2.4.4 Kepentingan ibadah

Ibadah yang sempurna dapat menjadi penangkis yang paling berkesan menghindarkan seseorang daripada terjerumus ke lembah maksiat dan mungkar. Ibadah yang dilaksanakan dengan penuh keimanan dan ketakwaan akan merubah personaliti seseorang menjadi insan yang tunduk kepada perintah Allah dan takut melakukan sebarang penyelewengan dalam kehidupan di dunia ini. Ibadah yang sempurna mampu menjadi ubat yang paling mujarab menyembuhkan berbagai-bagai penyakit sosial yang melanda umat pada hari ini.





Orang yang tidak melakukan ibadah akan cenderung melakukan maksiat kerana hati mereka tidak diisi dengan ayat-ayat Allah. Lantas tidak timbul rasa gerun dan takut tentang peringatan azab Allah ke atas orang yang meninggalkan ibadah kepada Allah. Sebab itulah ada individu yang tidak berasa takut melakukan maksiat. Menurut Wahbah al-Zuhaili (2005) Ibadah khususnya ibadah solat menjadi institusi pendidikan akhlak yang amali dan berdisiplin yang dapat mengasuh sifat-sifat benar, amanah dan melarang perbuatan keji dan mungkar. Firman Allah s.w.t.:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا

تَصْنَعُونَ



Maksudnya:

*“Dan dirikanlah solat (dengan tekun) sesungguhnya solat itu menegah daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar “.*

(Surah al-‘Ankabut:29:45)

Dengan kata lain, ibadah yang dilakukan dengan ikhlas akan dapat menjadi banteng pertahanan yang kukuh kepada seseorang hamba untuk melakukan kejahatan. Ramai remaja hari ini terlibat dengan pelbagai masalah jenayah dan pelbagai kemungkaran lagi kerana tiadanya banteng pertahanan dalam diri mereka. Jati diri mereka amat lemah sehingga mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak baik.





Maka di sinilah pentingnya aspek ibadah yang diamalkan oleh seseorang individu muslim. Ibadah yang diamalkan secara berterusan dengan kepatuhan secara total tanpa kompromi akan menjamin jati diri muslim tidak mudah terpengaruh dengan sebarang perbuatan yang tidak baik. Ibadah yang terpenting kepada seseorang muslim seperti solat akan dapat mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar. Solat mesti dilaksanakan oleh setiap individu muslim yang memenuhi syarat walau dalam apa keadaan pun.

Ibadah yang sempurna merupakan tali penghubung antara seorang hamba dan pencipta. Kesempurnaan ibadah boleh menjadi perisai yang mampu menghalang seseorang daripada melakukan perkara-perkara yang menyalahi syariat. Ini kerana seseorang individu muslim akan yakin bahawa segala tindak tanduk yang dilakukan akan sentiasa diawasi oleh Allah dan sudah pasti akan wujud rasa takut untuk melakukan sesuatu perkara yang tidak baik yang dilarang oleh Allah..

Menurut Yusuf al-Qardawi (2000), tentang kesan solat ke atas aspek sosial masyarakat; Kesan solat bukan sahaja hanya terbatas kepada individu sahaja, sebaliknya ia adalah sistem yang lengkap meliputi pendidikan umat yang komprehensif. Solat dengan pergerakan jasmani serta waktunya yang teratur amat bermanfaat kepada tubuh badan. Dari sudut kerohanian, zikir-zikirnya, bacaan-bacaan serta doa-doanya amat baik untuk melatih jiwa serta melentur emosi. Bacaan dalam solat menyajikan akal dan membukakan minda terhadap banyak hakikat ilmu dan pengetahuan. Lantas lahirlah insan yang keluar daripada solat tersebut sebagai insan yang tekun, sihat tubuh badannya, lembut perasaannya dan penuh akalnya.





Sementara puasa pula adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima dan satu daripada asas ibadah yang sangat tinggi nilainya di sisi Allah swt. Puasa mempunyai banyak hikmah atau rahsia. Dari segi rohaniah ia boleh menundukkan nafsu yang jahat, iaitu naluri atau perasaan yang mendorong kepada kejahatan. Menurut Haron Din (1990), puasa boleh menguatkan peribadi dan meluhurkan kesusilaan dan membersihkan jiwa insan. Puasa adalah sebagai latihan rohaniah yang mana setiap muslim menahan diri daripada nafsu perut, nafsu jantina dan untuk mencegah moral yang rendah. Inilah cara yang paling berkesan untuk membentuk peribadi yang mulia.

Maka bagi merealisasikan hasrat tersebut, pelaksanaan solat mesti dilatih semenjak kecil lagi agar setiap individu muslim dapat melaksanakan kewajipan tersebut dengan betul. Ibu bapa memainkan peranan penting di samping guru-guru dalam membiasakan anak-anak dengan melaksanakan suruhan Allah. Anak-anak yang telah mencapai umur tujuh tahun mesti dilatih serta diajar mengerjakan solat. Manakala boleh dihukum jika enggan menunaikan solat apabila berumur sepuluh tahun. Ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w.: Daripada Umm bin Shuaib, daripada bapanya daripada datuknya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

Maksudnya:

*"Suruhlah anak kamu solat semasa umur mereka tujuh tahun dan pukullah mereka semasa umur 10 tahun dan asingkanlah tempat tidur mereka."*

(Riwayat Abu Daud, al-Hakim, al-Tirmizi dan al-Daruqutni)





Di sinilah letaknya peranan institusi keluarga dan institusi sekolah dalam mendidik anak-anak yang akan membesar menjadi remaja supaya sentiasa menjaga dan mengerjakan ibadah. Ibadah yang sempurna diperolehi hasil daripada ilmu yang dipelajari baik di sekolah melalui guru-guru mahupun di rumah melalui tunjuk ajar ibu bapa. Pentingnya ibu bapa memainkan peranan melahirkan generasi anak soleh dan solehah. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Setiap anak yang dilahirkan itu adalah dalam keadaan fitrah (bersih), ibu bapanya yang mencorakkan sama ada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi."*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini jelas meletakkan tanggungjawab ibu bapa mendidik anak-anak mematuhi ajaran Islam terutamanya dalam soal ibadah. Di samping itu peranan guru juga amat penting dalam mendidik murid agar belajar dan seterusnya mengamalkan ibadah dalam kehidupan harian mereka. Sekolah sebagai satu institusi penting dalam memberi ilmu secara formal harus memainkan peranan yang berkesan dalam melahirkan murid-murid yang bukan sahaja berilmu pengetahuan dan mempunyai kemahiran tetapi juga berakhlak mulia serta patuh dan taat kepada perintah Allah dan Rasul-Nya.

## 2.5 Sejarah dan Perkembangan SJKC

Semenjak awal kurun ke-19 hingga tercetusnya Perang Dunia Kedua, pentadbiran pendidikan kerajaan British di Tanah Melayu mengikut dasar *laissez faire*. Akibat dasar ini, telah wujud empat jenis aliran bahasa, iaitu Melayu, Cina, Tamil dan



Inggeris dalam empat jenis sekolah yang berasingan (Sia Keng Yek, 2005). Sejarah perkembangan sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu bermula sejak penghijrahan masuk orang Cina pada awal abad ke-19. Menurut Sia Keng Yek (2005) Imigran Cina bukan sahaja membawa bersama-sama adat, kepercayaan, agama dan kebudayaan, tetapi juga sistem pendidikan mereka ke Tanah Melayu. Masyarakat Cina amat mementingkan pendidikan dan memberikan penghormatan yang tinggi kepada pendidikan. Mereka telah mendirikan sekolah Cina melalui usaha orang perseorangan dan persatuan bagi mengekalkan warisan budaya dan bahasa mereka. Hal ini dapat dibuktikan dengan pembinaan sekolah Cina di mana sahaja terdapat penempatan orang Cina (Sufean, 1993).

Perkembangan pesat sekolah Cina pada tahun-tahun 1920an dan 1930an adalah didorong oleh pertumbuhan penduduk Cina di Tanah Melayu. Sambutan baik masyarakat Cina terhadap pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar juga menggerakkan perkembangan sekolah Cina. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui peratusan pendaftaran murid keturunan Cina yang tinggi di sekolah Cina berbanding dengan sekolah Inggeris (Sia Keng Yek, 2005). Pertumbuhan sekolah Cina bersama-sama dengan tiga jenis sekolah lain yang menggunakan kurikulum dan bahasa pengantar yang berbeza telah memecah-belahkan rakyat pelbagai kumpulan etnik. Dengan berlatarbelakangkan faktor ini, maka timbul satu keperluan yang mendesak untuk menyusun semula sistem pendidikan ke arah pencapaian matlamat perpaduan negara. Ordinan pelajaran 1952 yang bercorak kebangsaan cuba mengurangkan perbezaan dalam sistem persekolahan majmuk yang wujud dengan menubuhkan sekolah kebangsaan yang menjadikan bahasa rasmi

negara sebagai bahasa pengantar. Akan tetapi Ordinan tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib yang ditubuhkan selepas Ordinan Pelajaran 1952 mengekalkan sistem pendidikan majmuk yang diamalkan oleh penjajahan British. Kedua-dua laporan tersebut gagal membentuk satu sistem pendidikan tunggal yang menekankan pentingnya bahasa pengantar yang sama bagi semua sekolah. Sebaliknya bahasa Cina juga diiktiraf sebagai bahasa pengantar di sekolah. Semenjak penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961, semua SJKC, sama ada sekolah bantuan penuh milik kerajaan mahupun sekolah bantuan penuh bukan milik kerajaan diiktiraf dan diserapkan secara rasmi ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Malahan Seksyen 21(1) Akta tersebut memperakukan bahawa adalah menjadi kewajipan Kementerian Pendidikan, bukan sahaja untuk menubuhkan SK/SRK dan SRJK, tetapi juga menyelenggarakannya.

Begitu juga tanggungjawab untuk melatih guru-guru bagi semua sekolah rendah bantuan kerajaan juga terletak kepada Kementerian Pendidikan. Namun, masalah kekurangan guru di SJKC didapati agak kritikal walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini. Untuk memperbanyak bilangan guru terlatih bagi menampung keperluan yang meningkat secara mendadak khususnya selepas pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983, Kementerian Pendidikan membenarkan kekosongan guru terlatih di semua sekolah rendah bantuan kerajaan tanpa mengira aliran bahasanya diisi dengan guru sandaran yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Pengarah Pendidikan Negeri diberikan kuasa untuk melantik guru-guru tanpa latihan tertakluk kepada



persetujuan Kementerian Pendidikan. Guru-guru sandaran tidak terlatih ini didedahkan kepada teknik pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, dan pihak sekolah agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan (Sia Keng Yek, 2005).

Semua jenis sekolah dan institusi pendidikan tertakluk kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. semua jenis sekolah, sama ada yang dibiayai oleh kerajaan sepenuhnya atau sebahagiannya terikat kepada segala akta dan dasar pendidikan yang diputuskan oleh kerajaan. Sekolah Cina juga tidak terkecuali daripada tertakluk kepada segala akta dan dasar yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Ini termasuklah dalam aspek kurikulum yang menggunakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan yang terkini Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Sukatan pelajaran yang digunakan di semua aliran sekolah adalah sama. Begitu juga dengan bilangan mata pelajaran yang diajar termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam. Namun Pendidikan Islam hanya diajar kepada murid yang beragama Islam sahaja. Sementara murid-murid bukan beragama Islam belajar Pendidikan Moral.

Menurut Akta Pendidikan 1996, jika di dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang murid atau lebih menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Akta Pendidikan 1996). Mata pelajaran agama Islam mesti disediakan oleh sekolah kepada murid-murid beragama Islam dan diajar oleh guru yang mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan Islam. Akta Pendidikan 1996 ini adalah penambahbaikan daripada Akta Pelajaran 1961. Peruntukan di dalam Akta





Pelajaran 1961 berkaitan dengan pengajaran pendidikan Islam menyatakan bahawa Pelajaran Agama Islam hendaklah diberikan jika disesebuah institusi itu mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang murid. Dengan peraturan baru ini, maka hak untuk murid-murid belajar mata pelajaran Pendidikan Islam adalah lebih terjamin terutamanya jika mereka bersekolah di SJKC yang bilangan muridnya tidak ramai.

## 2.6 Kajian berkaitan

Berikut merupakan antara kajian terdahulu yang berkaitan tajuk yang dikaji. Kajian berkaitan dibahagikan kepada dua bahagian. pertama, kajian berkaitan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam. Kedua, kajian berkaitan penguasaan murid dalam



bidang Ibadah.

### 2.6.1 Kajian amalan pengajaran guru Pendidikan Islam

Sehingga kini belum ada sebarang inisiatif daripada kalangan pengkaji untuk menjalankan kajian berkaitan amalan pengajaran guru dalam bidang Ibadah mata pelajaran pendidikan Islam di SJKC. Sehingga kajian ini dilaksanakan, setakat ini hanya terdapat satu kajian yang melibatkan SJKC dilakukan. Kajian tersebut adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang mendorong ibu bapa berketurunan Melayu menghantar anak mereka ke SJKC di daerah Johor Bahru, iaitu tesis peringkat sarjana muda yang dilakukan oleh Asmahani (2009). Kajian tersebut adalah tentang faktor ibu bapa Melayu menghantar anak mereka ke SJKC bukannya berkaitan dengan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam. Daripada semakan kajian-kajian lepas yang





berkaitan dengan Pendidikan Islam terdapat beberapa kajian yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menjalankan kajian ini. Ianya hanya berkaitan dengan pengajaran guru Pendidikan Islam secara umum di sekolah-sekolah aliran Melayu atau sekolah kebangsaan dan sekolah menengah, bukannya khusus kepada pengajaran bidang Ibadah di SJKC.

Kamarul Azmi Jasmi (2011) telah menjalankan penyelidikan berkaitan amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah Menengah di Malaysia. Kajian dilaksanakan di lapan buah sekolah menengah di seluruh Malaysia melibatkan temu bual. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat 16 jenis BBM yang digunakan GCPI dalam PdP dengan penggunaan BBM yang utama adalah buku teks, komputer, LCD, kertas edaran dan modul, kertas mahjong, buku rujukan dan gambar.

Suhaimi (2007) telah menjalankan kajian untuk meninjau tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di 10 buah sekolah menengah di daerah Kota Tinggi, Johor. Seramai 50 orang guru telah dipilih sebagai sampel yang mewakili bandar dan luar bandar. Hasil kajian mendapati guru-guru Pendidikan Islam di luar bandar lebih bersedia untuk menggunakan kaedah simulasi dalam pengajaran mereka berbanding dengan guru-guru yang berkhidmat di kawasan bandar.

Sementara Jasmi dan Mohd Asyraf (2011) menjalankan kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di surau sekolah menengah di negeri Melaka. Kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan





mengumpulkan data daripada 400 orang pelajar Islam tingkatan empat dari duabelas buah sekolah menengah. Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati tahap minat pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di surau sekolah mencapai tahap sederhana tinggi. Namun tahap penggunaan surau sekolah dari aspek pendidikan berada pada tahap sederhana rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan surau sekolah dari aspek pendidikan dengan tahap minat pelajar menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di institusi tersebut.

Kajian oleh Mohd Aderi (2008), tentang amalan pengajaran tilawah al-Quran: tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia melibatkan 257 responden guru Pendidikan Islam tingkatan dua. Kajian berkaitan dengan amalan pengajaran tilawah al-Quran berdasarkan empat komponen, iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran dan alat bantu mengajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan amalan pengajaran tilawah al-Quran berada pada tahap sederhana. Kesimpulan kajian mencadangkan guru Pendidikan Islam sepatutnya sentiasa berusaha untuk menambahbaik pengajaran tilawah al-Quran dengan cara lebih berkualiti agar pelajar lebih mahir dalam tilawah al-Quran.

Rohani, Hazri dan Nordin (2010), telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar dengan persoalan adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan seramai 458 pelajar tingkatan empat. Borang soal selidik yang mengandungi empat



konstruk iaitu komitmen belajar pelajar, penguasaan isi kandungan mata pelajaran, kemahiran penyampaian pengajaran guru, dan hubungan guru pelajar telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif yang sederhana antara ciri guru yang dikaji dengan komitmen pelajar. Kajian ini juga mendapati hubungan guru-pelajar dikenal pasti sebagai ciri kualiti guru yang menjadi peramal terbaik bagi meningkatkan komitmen belajar pelajar. Hasil kajian juga menunjukkan pelajar perempuan menunjukkan komitmen belajar yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki, manakala status sosioekonomi pelajar didapati tidak mempengaruhi komitmen belajar pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa hubungan guru-pelajar adalah faktor yang signifikan dalam meningkatkan komitmen belajar pelajar.

Misnan (2008) telah menjalankan kajian berkaitan amalan pengajaran dan pembelajaran tilawah Al-Quran di sekolah-sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan amalan pengajaran Al-Quran di sekolah menengah kebangsaan dari aspek penggunaan BBM adalah pada tahap yang rendah. Sementara dari aspek set induksi, objektif, kaedah, penilaian dan rumusan serta penutup pengajaran berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun sahsiah guru berada pada tahap tinggi dan keseluruhan dapatan kajian berada pada tahap sederhana. Kajian ini juga mendapati wujud hubungan yang signifikan antara objektif dengan kaedah pengajaran, penilaian dan rumusan dengan kaedah pengajaran dan antara penilaian dan rumusan dengan objektif pengajaran.

Kajian oleh Ab. Halim, Amal Hayati dan Ahmad Munawar (2015) berkaitan dengan penggunaan bahan bantu pengajaran dalam pelaksanaan Asuhan Tilawah Al-Quran j-QAF menunjukkan secara keseluruhannya guru-guru mempunyai persepsi



yang positif terhadap tahap pelaksanaan Asuhan Tilawah Al-Quran program j-QAF. Namun kajian ini juga menunjukkan tahap penggunaan bahan bantu mengajar berada pada tahap kurang memuaskan. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan Asuhan Tilawah Al-Quran program j-QAF dengan penggunaan bahan bantu mengajar.

Che Pee, Siti Safariah, Mohd Mahzan dan Sayuti (2014) telah menjalankan kajian berkaitan efikasi-kendiri guru dan hubungannya dengan pencapaian pelajar sekolah menengah agama negeri Selangor. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti efikasi-kendiri guru iaitu kebolehan guru menyampaikan pengajaran, kebolehan guru mengurus bilik darjah dan kebolehan guru melibatkan pelajar dalam pelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini memberi tumpuan kepada pencapaian akademik dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi dan Pendidikan Al-Quran dan as-Sunnah, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang guru dan 565 orang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi-kendiri guru dengan pencapaian akademik pelajar bagi mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi, dan Pendidikan Al-Quran dan as-Sunnah. Manakala bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, tiada hubungan yang signifikan antara efikasi-kendiri guru dengan pencapaian akademik pelajar.

Sementara Ahmad Yunus dan Ab. Halim (2010) telah menjalankan kajian berkaitan pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah ke atas Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI). Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis kemahiran PPK GCPI dan bagaimana ianya dilaksanakan semasa proses





pengajaran akidah. Kajian ini melibatkan seramai lapan orang GCPI dan dilaksanakan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data diperolehi melalui temubual, senarai semak pemerhatian pengajaran dan analisa dokumen. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya GCPI didapati memiliki kefahaman yang jelas terhadap objektif pengajaran, menyampaikan pengajaran secara pedagogikal, melakukan tindakan pengajaran secara sistematik dan melaksanakan penilaian dan refleksi untuk memperoleh pengalaman pengajaran yang baru. Hasil kajian juga mendapati semua komponen PPK GCPI saling lengkap melengkapi, berintegrasi dan berkembang untuk membentuk pengalaman guru dalam pengajaran.

Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) pula mengkaji berkaitan persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. Kajian ini dijalankan ke atas 270 orang guru j-QAF yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di Sarawak. Hasil kajian mendapati bahawa guru j-QAF mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran secara umum. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia dalam kalangan guru berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bidang pengkhususan mereka.

Johari dan Aslinda (2010) mengkaji tahap penguasaan kemahiran pedagogi dalam kalangan pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan UTM. Seramai 186 orang responden terlibat dalam kajian ini dan dipilih secara rawak. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap keenam-enam aspek kemahiran pedagogi yang





dikaji iaitu kemahiran perancangan pengajaran, strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, pengurusan bilik darjah, penilaian pengajaran serta pengayaan dan pemulihan mencatatkan nilai min pada tahap tinggi dengan kemahiran perancangan pengajaran mencatatkan nilai min paling tinggi. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan di antara jantina responden dengan kemahiran pedagogi yang dikaji.

### **2.6.2 Kajian berkaitan penguasaan murid dalam bidang Ibadah.**

Seperti kajian berkaitan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di SJKC yang mana belum terdapat kajian seumpamanya, kajian berkaitan penguasaan murid Islam di SJKC juga belum ada inisiatif oleh mana-mana pengkaji yang mengkaji topik berkaitan setakat ini. Namun begitu terdapat beberapa kajian lepas mempunyai perkaitan dengan masalah yang hendak dikaji. Masalah penguasaan ibadah khususnya berkaitan dengan ibadah solat dalam kalangan murid-murid sekolah rendah, peringkat awal remaja di sekolah menengah dan peringkat remaja di pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta memang menjadi topik yang sering dibincangkan dan dijadikan bahan kajian. Ibadah solat merupakan bidang kemahiran yang dominan diajar pada peringkat sekolah rendah berbanding dengan bidang kemahiran ibadah yang lain. Begitu juga dengan kajian-kajian lepas berkaitan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak Islam dalam kalangan murid.





Hasil kajian oleh Siti Aminah (2001) ke atas mahasiswa Universiti Malaya berkaitan dengan peranan solat dalam membentuk peribadi muslim mendapati bahawa 100% responden setuju tentang pernyataan bahawa solat dapat membentuk peribadi muslim. Begitu juga responden bersetuju bahawa solat memainkan peranan yang besar dalam mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar kerana solat dapat mengingatkan kepada Allah; sentiasa merasakan Allah melihat apa yang kita lakukan dan solat menjadi benteng pertahanan diri.

Kajian oleh Rozila (1995) terhadap pelajar-pelajar Akademi Islam, Universiti Malaya mendapati kurangnya penghayatan dan pemahaman berkaitan dengan konsep solat menyebabkan ramai yang kecundang di medan penghidupan. Kelemahan iman dan ketidakkebalan benteng nafsu memudahkan kemasukan pengaruh dan gejala negatif dalam diri. Kesan daripada itu, para pelajar tewas dan tersungkur serta akur dengan arus yang melalaikan mereka. Realiti lemahnya diri dan kurangnya penghayatan terhadap ibadat solat ini terjelma daripada perlakuan dan fenomena buruk di kalangan pelajar dewasa ini.

Begitu juga dengan kajian oleh Mohd Suhardi (2004) berkaitan dengan pengabaian solat di kalangan remaja, mendapati 96.8% responden mengakui bahawa perbuatan meninggalkan solat fardu mendatangkan kesan negatif kepada diri mereka. Kesimpulannya, timbulnya gejala negatif dan gejala sosial yang membabitkan golongan remaja dewasa ini adalah sebahagiannya berpunca daripada diri mereka yang tidak mendirikan solat fardu.





Kajian lepas berkaitan dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam pula adalah kajian oleh Nik Rosila (2007) yang mengkaji penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah dan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Jawi dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. Kajian juga menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap Pendidikan Islam adalah rendah.

Kajian oleh Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim & Kamarulzaman (2011) berkaitan persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor pula menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih menghayati akhlak Islam daripada pelajar lelaki dan kumpulan pelajar dari bandar lebih baik penghayatan akhlak Islam daripada pelajar luar bandar. Sementara kedudukan kategori sekolah yang lebih tinggi dari segi penghayatan akhlak Islam adalah SMKA diikuti dengan SBP, SABK, SMK dan SMT/V.

Sementara kajian yang dijalankan oleh Mohd Fadzli dan Mohd Sukki (2012) berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab pula mendapati tiada hubungan yang signifikan antara faktor guru, pelajar dan buku teks terhadap pencapaian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Namun wujudnya peranan faktor lain dalam menentukan pencapaian akademik pelajar seperti faktor motivasi dan gaya pembelajaran.





## 2.7 Penutup

Di dalam bab 2 ini, pengkaji telah mengutarakan beberapa ulasan buku yang telah ditinjau berkaitan dengan pengertian ibadah, pembahagian dan matlamat ibadah, kemahiran bidang ibadah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam serta kepentingan ibadah khususnya solat fardu. Selain itu, pengkaji juga telah membuat tinjauan terhadap kajian lepas sebagai sokongan untuk mengukuhkan lagi persoalan kajian walaupun tajuk-tajuk kajian tersebut tidaklah dikhususkan kepada penguasaan ibadah di kalangan murid sebagaimana kajian yang dilakukan.





## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan



Metodologi adalah suatu sistem yang terdiri daripada kaedah dan prinsip yang digunakan dalam satu kegiatan contohnya dalam bidang penyelidikan. Maksud penyelidikan pula ialah tatacara tertentu yang digunakan oleh manusia untuk menambah pengetahuan (Ahmad Mahzan, 1983). Dalam penulisan ilmiah metodologi penyelidikan merupakan proses untuk memahami objektif yang menjadi penelitian. Metodologi penting dalam sesuatu kajian kerana dengan metodologi yang tepat dapat menentukan objektif dan tujuan penyelidikan dapat dicapai sepenuhnya atau tidak (Hilmi, 2010).

Kajian ini bermatlamat untuk menilai tahap amalan pengajaran guru dan mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran bidang ibadah dalam kalangan murid-murid Islam. Bagi mencapai matlamat kajian, beberapa perkara akan dibincangkan.





Perkara-perkara tersebut ialah reka bentuk kajian, lokasi, populasi, persampelan, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan penganalisan data.

### 3.2 Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan adalah merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif dan inferensi, iaitu satu tinjauan mengenai tahap amalan pengajaran guru dalam bidang ibadah. Ianya merangkumi amalan pengajaran guru, tahap penguasaan kemahiran murid, perbezaan penguasaan kemahiran murid dan hubungan di antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan kemahiran murid. Kajian ini bertujuan menerangkan min dan peratus sesuatu dapatan serta melihat perbezaan dan hubungan antara variabel. Pengumpulan data maklumat yang dikaji diperolehi melalui soal selidik dan ditafsirkan secara kuantitatif (Mohd Najib Ghafar, 1999). Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan soal selidik dan ujian yang dijalankan ke atas guru-guru dan murid Islam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negeri Perak.

Menurut Mohd Majid Konting (2004), kaedah soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas responden terhadap rangsangan item yang diberikan. Responden bebas untuk menyatakan jawapan terhadap item-item yang ditanya kerana pengkaji tidak turut serta. Ketidakhadiran pengkaji sekaligus mendorong responden memberi jawapan





yang lebih tepat dan benar kerana responden tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku pengkaji.

Selain itu, soal selidik amat berkesan dalam mendapatkan maklumat yang berbentuk afektif. Menurut Mohamad Najib Ghafar (1999), soal selidik ini akan mengukur persepsi, sikap, motivasi, emosi, perasaan, pandangan dan istilah-istilah yang boleh dirangkumkan sebagai nilai efektif. Selain itu, pemilihan soal selidik sebagai satu alat untuk kajian ini ialah kerana: a) ianya lebih praktikal kerana disediakan lebih awal dengan mengambil kira pelbagai perkara bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan; b) arahan dan soalan kepada responden adalah sama yang sekaligus akan meninggikan kesahannya; dan c) responden mempunyai masa yang panjang untuk menjawab dengan jujur dan benar tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor



### 3.3 Lokasi kajian

Kajian ini dilaksanakan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Kinta dalam negeri Perak yang mempunyai bilangan murid Islam yang ramai. Bagi sampel guru, pelaksanaan kajian turut dilaksanakan di dalam daerah yang sama bagi memenuhi kriteria penyelidikan secara kuantitatif yang memerlukan sekurang-kurangnya 30 sampel (Hishamuddin, 2005). Daerah Kinta dipilih kerana memenuhi kriteria kajian dari segi latar belakang responden di samping mampu menjawab soalan-soalan kajian dan hipotesis kajian yang telah disebutkan di dalam bab 1. Di samping itu daerah





Kinta merupakan daerah yang mempunyai bilangan SJKC paling banyak di dalam negeri Perak.

### 3.4 Populasi kajian

Populasi merujuk kepada semua ahli dalam suatu kelompok kajian (Noraini, 2010). Kelompok ini berperanan sebagai sasaran kajian untuk mendapatkan data atau maklum balas dalam suatu penyelidikan (Rohana, 2004). Dalam konteks kajian ini, seramai 85 orang sampel daripada jumlah populasi seramai 100 orang telah dipilih sebagai subjek kajian. Mereka yang terpilih ini merupakan murid-murid dari SJKC yang terdiri daripada murid-murid beragama Islam. Murid-murid yang dipilih adalah murid-murid tahun lima dan enam yang telah dianggap mahir dan sepatutnya dapat menguasai kemahiran-kemahiran dalam bidang ibadah yang telah dipelajari di dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam bermula dari tahun satu hingga tahun lima. Sementara, jumlah populasi bagi responden guru adalah seramai 30 orang guru dari sekolah yang sama dengan responden murid. Guru-guru ini terdiri daripada guru-guru beredar, Guru Sandaran Terlatih dan Guru Sandaran Tidak Terlatih.

### 3.5 Sampel dan kaedah persampelan

Menurut Gall, Gall & Borg (2005), pemilihan sampel berdasarkan populasi kajian sudah memadai untuk memahami keadaan sebenar suatu masalah atau fenomena yang ingin dikaji. Sampel kajian merujuk kepada sebahagian individu yang dipilih bagi





mewakili sesuatu populasi yang dikaji atau sebahagian individu dalam populasi. Manakala persampelan bermaksud cara untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah tanpa menggunakan seluruh ahli dalam suatu populasi (Mohd. Majid, 2004)

Dalam kajian ini, terdapat dua jenis sampel yang digunakan iaitu sampel murid dan sampel guru. Kaedah persampelan yang digunakan untuk memilih sampel dalam kajian ini ialah kaedah persampelan kelompok. Persampelan ini mengurangkan kesukaran menentukan rangka persampelan bagi menjalankan penyelidikan dan ianya menjadikan pentadbiran penyelidikan lebih kemas kerana menggunakan satu kelompok sampel sahaja (Mohd Majid, 2004).



Bilangan saiz sampel murid dan guru ditentukan dengan berdasarkan kaedah perkiraan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan sekaran (1992). Bagi sampel guru, penentuan saiz sampel adalah berdasarkan kepada kaedah persampelan secara seluruh populasi iaitu semua ahli dalam populasi digunakan iaitu seramai 30 orang guru yang mengajar di SJKC. Mohd. Majid (2004) menyatakan bahawa suatu kajian kuantitatif perlu dilaksanakan dengan saiz sampel sekurang-kurangnya 30 orang kerana andaian taburan normal bagi suatu kajian biasanya dipenuhi apabila saiz sampel adalah sama atau lebih daripada 30 orang sampel kajian.

Manakala bagi penetapan saiz sampel murid pula juga ditentukan dengan kaedah perkiraan Krejcie & Morgan (1970) dan Sekaran (1992). Populasi kajian seramai 100 orang diwakili oleh bilangan sampel seramai 85 orang. Untuk mengelakkan ralat, seperti soal selidik yang tidak sempurna atau tidak dikembalikan,





pengkaji menetapkan saiz sampel bagi murid yang terlibat adalah seramai 85 orang murid. Sementara bagi saiz sampel guru adalah seramai 30 orang. Tindakan ini adalah wajar bagi menjamin saiz sampel sebenar yang terlibat dalam kajian ini memenuhi saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Sekaran (1992) bagi sampel murid dan Mohd. Majid (2004) bagi sampel guru.

### 3.6 Instrumen kajian

Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam suatu penyelidikan (Mohd. Majid, 2004). Penggunaan soal selidik dan ujian dalam kajian ini adalah untuk menganalisis data secara statistik deskriptif dan inferensi. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk satu set soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas. Soal selidik ini direka bentuk berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Set soal selidik terdiri daripada soal selidik untuk murid dan untuk guru. Melalui kaedah ini, responden lebih berani memberikan tindak balas terhadap aspek yang dikaji berbanding dengan kaedah temubual. Selain itu, kaedah ini juga cepat, menjimatkan masa serta perbelanjaan (Mohd. Majid, 2004). Dalam aspek kaedah pungutan data, pengkaji menggunakan kaedah pungutan data secara skala jawapan *Likert* lima mata di mana responden dikehendaki memilih dan menyatakan darjah persetujuan bagi lima pilihan dalam pengukuran skala Likert seperti Jadual 3.1 di bawah:



**Jadual 3.1:** Taburan Skor Mengikut Skala Likert

Nombor	Pernyataan Item	Item
1	Tidak Pernah	TP
2	Jarang-Jarang	JJ
3	Kadang-Kadang	KK
4	Kerap	K
5	Sangat Kerap	SK

Ini kerana, ia amat sesuai digunakan untuk mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruangan tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen et al., 2000). Item-item dalam soal selidik dibina berdasarkan tinjauan literatur dan pandangan daripada pakar rujuk yang dilantik.

### 3.6.1 Soal selidik guru

Soal selidik untuk guru dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A, demografi responden, dan bahagian B amalan pengajaran guru. Soal selidik ini diedarkan kepada 30 orang guru di SJKC di daerah Kinta. Daripada jumlah tersebut, semua set soal selidik telah berjaya dikembalikan. Kandungan soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:



## Bahagian A:

Mengandungi duabelas item berkaitan dengan demografi guru seperti lokasi, jantina, status guru, status beredar, pengalaman beredar, bilangan waktu mengajar, kelas beredar, tempat PdP dijalankan, tempat amali solat, kemudahan tempat berwuduk, bidang/*option* dan pengalaman mengajar. Item-item tersebut boleh dilihat pada jadual 3.2.

Jadual 3.2

### *Item Demografi Guru*

Bahagian A	No. Item	Jumlah Item
Lokasi	A01	1
Jantina	A02	1
Status Guru	A03	1
Status Beredar	A04	1
Pengalaman Beredar	A05	1
Bilangan Waktu Mengajar	A06	1
Kelas Beredar	A07	1
Tempat PdP dijalankan	A08	1
Tempat Amali Wuduk	A09	1
Kemudahan Tempat Berwuduk	A10	1
Bidang/Option	A11	1
Pengalaman Mengajar	A12	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>12</b>

## Bahagian B

Bahagian ini terdiri daripada 67 item untuk mengetahui tahap amalan pengajaran guru. Item-item ini dibina berdasarkan kepada standard 4 pencerapan pengajaran dan pembelajaran, dan model penaziran kemenjadian murid yang dirangka oleh Jemaah





Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) (JNJK, KPM, 2010). Bahagian ini disusun secara berturutan mengikut konstruk-konstruk yang terdapat di dalam standard dan model tersebut. Konstruk-konstruk yang dikaji adalah terdiri daripada objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM), pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian/ amalan profesional guru.

Jadual 3.3

*Item Amalan Pengajaran Guru*

<b>Elemen Amalan pengajaran Guru</b>	<b>No. Item</b>	<b>Jumlah Item</b>
Objektif Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	B01-B04	4
Tahap Murid	B05-B14	10
Set Induksi	B15-B20	6
Kaedah PdP	B21-B30	10
Bahan Bantu Mengajar (BBM)	B31-B38	8
Pujian dan Peneguhan (Motivasi)	B39-B45	7
Rumusan dan Penilaian	B46-B57	12
Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan	B58-B67	10
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>67</b>

### 3.6.2 Soal selidik murid

Soal selidik untuk murid dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, bahagian B berkaitan amalan pembelajaran murid, dan bahagian C merupakan soalan untuk menguji kemahiran penguasaan bidang Ibadah. Soal selidik untuk murid diedarkan kepada 100 orang murid tahun lima dan enam di 10 buah SJKC di daerah Kinta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 85 responden telah mengembalikan soal selidik.





## Bahagian A

Bahagian ini mengandungi lima item berkaitan dengan demografi murid, iaitu meliputi lokasi, jantina, bangsa, tinggal bersama dan belajar di sekolah agama pada waktu petang. Item-item tersebut boleh dilihat pada jadual 3.4.

Jadual 3.4

*Item Demografi Murid*

<b>Bahagian A</b>	<b>No. Item</b>	<b>Jumlah Item</b>
Lokasi	A01	1
Jantina	A02	1
Bangsa	A03	1
Tinggal Bersama	A04	1
Saya belajar di sekolah agama pada waktu petang	A05	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>6</b>



## Bahagian B

Bahagian ini terdiri daripada 67 item yang berkaitan dengan amalan pembelajaran murid dan amalan pengajaran guru bagi mengukur tahap penguasaan kemahiran responden. Item-item ini dibina berdasarkan kepada standard 4 pencerapan pengajaran dan pembelajaran, dan model penaziran kemenjadian murid yang dirangka oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) (JNJK, KPM, 2010). Bahagian ini disusun secara berturutan mengikut elemen-elemen yang terdapat di dalam standard dan model tersebut. Elemen-elemen yang dikaji adalah terdiri daripada objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan





bantu mengajar (BBM), pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian/ amalan profesional guru. Laras bahasa soalan dan pernyataan bagi setiap item soal selidik dibina berdasarkan kepada tahap kognitif murid sekolah rendah.

### Jadual 3.5

*Item Amalan pengajaran guru berdasarkan persepsi murid SJKC*

<b>Elemen Amalan pengajaran Guru berdasarkan Persepsi Murid SJKC</b>	<b>No. Item</b>	<b>Jumlah Item</b>
Objektif Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	B01-B04	4
Tahap Murid	B05-B14	10
Set Induksi	B15-B20	6
Kaedah PdP	B21-B30	10
Bahan Bantu Mengajar (BBM)	B31-B38	8
Pujian dan Peneguhan (Motivasi)	B39-B45	7
Rumusan dan Penilaian	B46-B57	12
Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan	B58-B67	10
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>67</b>

### Bahagian C

Bahagian ini terdiri daripada 25 soalan ujian yang dikemukakan kepada murid tahun lima dan enam SJKC untuk mengukur tahap penguasaan murid dalam bidang ibadah. Soalan ujian dibina berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam bidang Ibadah dengan taburan soalan berdasarkan aras rendah, sederhana dan tinggi. Aras soalan adalah berdasarkan Taksonomi Bloom dan Anderson (Lembaga Peperiksaan, 2013) yang meliputi konstruk kognitif. Aras soalan dipermudahkan mengikut aras kognitif murid tahun lima dan enam. Soalan ujian





meliputi sukatan bidang Ibadah mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun satu hingga tahun lima yang terdiri daripada tajuk-tajuk berkaitan konsep ibadah, istinjak, wuduk, bacaan dalam solat, perkara-perkara yang membatalkan wuduk, doa qunut, bersuci daripada najis, bersuci daripada hadas, syarat-syarat sah solat, rukun solat, perkara-perkara yang membatalkan solat, azan dan iqamah, solat berjemaah, solat jumaat, dan sunat ab'adh serta sunat haiat. Ujian ini merupakan item ujian berbentuk pilihan jawapan betul dan salah di mana murid menjawab pernyataan soalan dengan memilih jawapan betul atau salah.

Jadual 3.6

*Item Ujian Penilaian Penguasaan Ibadah*

Tajuk	No. Item	Jumlah Item
Falsafah Solat	C01,C08	2
Rukun Solat	C02,C09,C10,C14,C22	5
Wuduk	C03	1
Bersuci daripada Hadas	C04,C05,C12,C19,21	5
Doa qunut	C06,C07	2
Solat Berjemaah	C11	1
Solat Jumaat	C13	1
Bersuci daripada Najis	C15,C16,C17	3
Lafaz Niat Solat	C18	1
Konsep Ibadah	C20	1
Syarat wajib solat	C23	1
Azan dan Iqamah	C24	1
Solat Jumaat	C25	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>25</b>



### 3.7 Kesahan instrumen kajian

Penggunaan instrumen kajian di dalam sesuatu kajian perlu mendapat kesahan untuk mendapatkan hasil kajian terbaik dan boleh dipercayai. Kesahan merujuk kepada keupayaan sesuatu ujian dapat mengukur sesuatu yang sepatutnya diukur (Noraini, 2010). Menurut Ary (2002), dapatan kajian dengan menggunakan instrumen yang tidak mempunyai kesahan yang tinggi adalah tidak berguna. Hanya instrumen dengan kesahan tinggi sahaja akan mampu menunjukkan keadaan yang sebenar suatu fenomena perkara yang dikaji (Abu Bakar, 1989).

Dalam konteks kajian ini, kesahan kandungan instrumen soal selidik ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan yang terdiri daripada enam orang yang mempunyai kepakaran dalam pendidikan Islam, mahir dalam bidang penyelidikan dan berpengalaman luas dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam untuk memastikan kesahan kandungan. Dalam kajian ini, panel rujukan terdiri daripada seorang pensyarah Institut Pendidikan Guru, dua orang pegawai jemaah nazir pendidikan Islam, seorang pegawai di Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri, seorang guru besar dan seorang guru pendidikan Islam yang berpengalaman mengajar lebih daripada 19 tahun. Senarai panel rujukan adalah seperti berikut:

Jadual 3.7

*Senarai Panel Rujukan*

Bil	Jawatan	Institusi
1	Pensyarah	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

(bersambung)

Rajah 3.7 (*sambungan*)

Bil	Jawatan	Institusi
2	Pegawai Nazir	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Jabatan Pendidikan Negeri Perak
3	Pegawai Nazir	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Jabatan Pendidikan Negeri Perak
4	Penyelia Pendidikan Islam	Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Perak
5	Guru Besar/Guru Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Tanjung Rambutan Jalan Stesyen, Tanjung Rambutan , Perak
6	Guru Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Malim Nawar Malim Nawar, Perak

Panel rujukan yang dilantik bertanggungjawab untuk menentukan perkaitan antara item-item instrumen dengan perkara yang hendak diukur. Segala komentar yang diberi oleh panel rujukan dijadikan panduan oleh pengkaji untuk membuat pembetulan dan pengubahsuaian dalam beberapa aspek seperti istilah dan struktur ayat, kesesuaian item dan ketepatan sesuatu item dengan perkara yang hendak diukur. Persetujuan panel rujukan pakar terhadap setiap item yang dibina akan menghasilkan instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi (Abu Bakar, 1989).

### 3.8 Kajian rintis

Lazimnya alat kajian akan diuji secara rintis sebelum digunakan untuk memungut data kajian sebenar. Kajian rintis dilaksanakan untuk meneliti, memperbaiki, meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik sebenar dan mencegah pelbagai masalah



yang kemungkinan akan dihadapi ketika kajian sebenar dilaksanakan (Mohd. Majid, 2004). Soal selidik yang digunakan dalam kajian rintis merupakan soal selidik yang telah melalui proses kesahan daripada panel pakar rujukan sebelum diedarkan kepada responden yang mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan sampel kajian sebenar (Ahmad Munawar, 2009).

Pelaksanaan kajian rintis melibatkan seramai 15 orang guru di sekolah SJKC yang dipilih secara rawak. Sementara bagi responden murid pula terdiri daripada 20 orang murid tahun lima dan enam yang dipilih secara rawak daripada 10 buah sekolah di daerah Kinta. Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini dipilih kerana responden yang terlibat mempunyai ciri-ciri populasi dalam kajian sebenar. Semasa kajian rintis dijalankan, beberapa perkara diperhatikan dan dibuat catatan. Perkara-perkara tersebut adalah tempoh masa yang diperlukan untuk menjawab soalan, soalan-soalan yang menimbulkan masalah atau keraguan dan bentuk susunan instrumen yang digunakan. Segala bentuk permasalahan yang dikenal pasti kemudiannya diperbaiki untuk mendapatkan item yang lebih tepat sebelum menjalankan kajian sebenar.

Proses pelaksanaan kajian rintis dalam kajian ini dimulakan dengan mengemukakan surat kebenaran untuk menjalankan kajian rintis kepada pihak sekolah dengan melampirkan surat kebenaran menjalankan kajian yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD). Selepas mendapat kebenaran pihak sekolah, soal selidik kemudiannya diedarkan kepada responden guru dan murid. Kedua-dua kumpulan responden diberikan penerangan berkaitan dengan tujuan kajian dan cara-cara menjawab soal selidik yang diberikan. Seterusnya, soal selidik yang telah siap diisi





telah dikutip dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) V20*.

### 3.9 Kebolehpercayaan instrumen kajian

Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ketekalan dalam item-item yang digunakan dalam instrumen (Gall, Gall & Borg, 2005). Dalam konteks kajian ini, nilai ketekalan dalaman bagi setiap item instrumen diperolehi dengan menggunakan nilai pekali alpha *koefisien Cronbach*. Nilai pekali ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan kaedah soal selidik dalam kajian ini yang menggunakan skala Likert lima mata dengan data yang bersifat selang (Alias Baba, 1999). Chua (2006) menyatakan bahawa cara terbaik untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen soal selidik ialah dengan menggunakan nilai pekali *alpha Cronbach*. Jika nilai pekali alpha semakin hampir kepada nilai 1, maka nilai kebolehpercayaan juga semakin tinggi. Ini dapat dilihat daripada kebanyakan penyelidik yang mencadangkan bahawa nilai pekali alpha yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi yang boleh diterima sebagai satu instrumen kajian (Brymen & Cramer, 1999; Azhar, 2006; Zawawi, 2008; & Azmil, 2010) Rujuk jadual 3.8

Jadual 3.8

*Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan*

Indikator	Nilai alpha Cronbach
Sangat Tinggi	0.90-1.00
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.00-0.30

*Sumber.* Brymen & Cramer (1999)





Hasil analisis bagi nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini boleh dilihat pada jadual 3.9

Jadual 3.9

*Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach*

Instrumen	Soal Selidik Guru		Soal Selidik Pelajar	
	Bil.Item	Nil.Alpha	Bil.Item	Nil.Alpha
Objektif PdP	4	0.79	4	0.72
Tahap murid	10	0.84	10	0.78
Set induksi	6	0.81	6	0.66
Kaedah PdP	10	0.77	10	0.76
Bahan Bantu Mengajar (BBM)	8	0.82	8	0.80
Pujian & peneguhan	7	0.75	7	0.81
Rumusan & penilaian	12	0.88	12	0.81
Keperibadian amalan profesional keguruan	10	0.79	10	0.81
<b>Keseluruhan</b>	<b>67</b>	<b>0.81</b>	<b>67</b>	<b>0.77</b>

Hasil analisis menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang sederhana dan tinggi bagi instrumen-instrumen yang terlibat dalam kajian ini. Kesemua instrumen didapati mempunyai kebolehpercayaan yang sederhana dan tinggi ( $>0.66$ ), dengan itu instrumen-instrumen ini boleh digunakan dalam kajian sebenar. Walaupun instrumen-instrumen telah mencapai nilai alpha yang sederhana dan tinggi namun usaha-usaha penambahbaikan ke atas setiap item terus dilakukan dengan mendapatkan saranan daripada panel pakar rujukan yang dilantik.





### 3.10 Prosedur pengumpulan data

Proses pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan empat bahagian utama iaitu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang mempunyai murid Islam, guru-guru serta murid Islam. Pelaksanaan kajian hanya melibatkan keempat-empat aspek ini sahaja tanpa melibatkan responden yang lain.

#### 3.10.1 Pengumpulan soal selidik

Tatacara pengumpulan soal selidik dalam kajian ini dimulakan dengan membuat permohonan kebenaran untuk menjalankan kajian secara atas talian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Seterusnya membuat permohonan secara bertulis untuk menjalankan kajian di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan menggunakan surat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua permohonan turut disertakan dengan maklumat-maklumat tertentu seperti tujuan, objektif dan kepentingan kajian dilaksanakan di samping memberikan jaminan kepada responden bahawa maklumat-maklumat daripada data yang akan diperolehi akan dirahsiakan dan digunakan hanya untuk kajian ini sahaja.





Pentadbiran soal selidik dilaksanakan dengan mengedarkan soal selidik yang dibina untuk guru dan murid. Kaedah pentadbiran soal selidik bagi kedua-dua kumpulan responden ini adalah sama. Pada peringkat permulaan, kedua-dua kumpulan responden dikumpul terlebih dahulu dan diberikan penerangan ringkas oleh guru mengenai tujuan dan cara-cara menjawab soal selidik. Kemudian, kedua-dua kumpulan responden dikehendaki menjawab soal selidik dalam jangka masa yang fleksibel bagi memberi ruang secukupnya kepada responden bagi memilih jawapan pilhan mereka.

### 3.11 Tatacara analisis data



Data bermaksud maklumat yang diperoleh daripada subjek kajian dalam satu kajian (Fraenkel & Wallen, 1996). Menurut Mohd Nor (2000), data merujuk kepada angka, kejadian atau fakta kasar yang diolah mengikut keperluan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel kepada penyelidik. Dalam konteks kajian ini, data merujuk kepada data-data yang dipungut dengan menggunakan instrumen soal selidik ke atas dua kumpulan responden iaitu kumpulan guru dan murid Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negeri Perak. Data-data yang diperoleh dalam kajian ini secara sepenuhnya dipungut dengan menggunakan alat kajian soal selidik.



### 3.11.1 Analisis data kuantitatif

#### 3.11.1.2 Analisis deskriptif

Data-data dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences V20*. Statistik deskriptif dalam kajian ini digunakan untuk memberi huraian secara menyeluruh mengenai profil responden seperti lokasi, jantina, status guru, status beredar, pengalaman beredar, bilangan waktu mengajar, kelas beredar, tempat pengajaran dan pembelajaran dijalankan, bidang dan pengalaman mengajar bagi responden guru. Sementara bagi kumpulan responden murid pula, ianya digunakan untuk memberi huraian secara menyeluruh berkaitan dengan profil lokasi, jantina, bangsa, tinggal bersama, dan adakah belajar di sekolah agama. Analisis deskriptif juga digunakan untuk menghuraikan secara mendalam mengenai amalan pengajaran guru yang terdiri daripada lapan konstruk pengajaran dan pembelajaran, iaitu objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar, pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian serta keperibadian/ amalan profesional keguruan.

Huraian analisis deskriptif dalam kajian ini turut menggunakan interpretasi min tingkah laku yang telah dikemukakan oleh Nunally (1978) seperti dalam jadual 3.10. Jadual ini turut digunakan oleh penyelidik yang lain antaranya, Norasmah Othman (2001), Nik Mohd. Rahimi (2004), Azhar Ahmad (2006), Zawawi (2008), Mohd. Aderi (2008) dan Azmil (2010). Berdasarkan jadual tersebut, perolehan skor min bagi suatu isu yang menghampiri nilai empat dianggap mempunyai tahap



interpretasi yang semakin tinggi. Dengan kata lain, semakin tinggi nilai min, semakin tinggi interpretasi bagi suatu isu yang dikaji.

Jadual 3.10

*Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Efektif*

Skor min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

### 3.11.2.2 Analisis statistik inferensi



Analisis statistik inferensi turut digunakan dalam kajian ini untuk menguji hipotesis kajian pertama hingga keenam sekaligus menjawab soalan kajian ketiga dan keempat seperti yang digariskan pada bab 1. Analisis statistik inferensi sangat berguna untuk mengenal pasti sama ada suatu penemuan dalam suatu kajian berlaku secara semula jadi atau dipengaruhi oleh suatu pemboleh ubah (Ahmad Munawar, 2009). Statistik inferensi telah dilaksanakan dengan menggunakan ujian *independent-Sample T-test* bagi mengenal pasti aras perbandingan skor min pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang mempunyai dua kumpulan seperti lokasi sekolah, jantina dan belajar di sekolah agama rakyat. Manakala ujian ANOVA sehala telah digunakan untuk menguji kebarangkalian perbandingan skor min pemboleh ubah bebas yang mempunyai tiga atau lebih kumpulan iaitu bangsa dan tinggal bersama. Aras signifikan bagi



*independent-Sample T-test* dan analisis ANOVA sehalah dalam kajian ini ditetapkan pada aras 0.05 ( $p < 0.05$ ).

Analisis statistik korelasi *Spearman (r)* turut digunakan dalam kajian ini untuk mengukur tahap korelasi antara dua pemboleh ubah kuantitatif (Ary, 2002). Kaedah analisis ini dipilih kerana ia selaras dengan sifat taburan data bagi kumpulan responden guru yang tidak bertabur secara normal. Ia telah digunakan oleh ramai penyelidik terdahulu untuk melaksanakan analisis korelasi seperti: Chan Siok Gim & Rodziah (2012); Abd. Razak (2011); Zainudin & Fazliah (2011). Proses ini berguna untuk mengenal pasti faktor-faktor pemboleh ubah bebas (faktor-faktor peramal) yang telah dikenal pasti dapat diketahui melalui nilai koefisien penentuan pelbagai (Ahmad Munawar, 2009).

### Jadual 3.11

#### *Nilai Pekali Korelasi*

<b>Nilai Pekali Korelasi (r)</b>	<b>Interpretasi</b>
1.00	Sempurna
0.70-0.99	Sangat Tinggi
0.50-0.69	Kukuh
0.30-0.49	Sederhana
0.10-0.29	Rendah
0.01-0.09	Boleh Diabaikan

Keseluruhan analisis statistik inferensi dalam kajian ini adalah melalui proses ujian normaliti sebelum melalui proses analisis seterusnya.



### Jadual 3.12

#### *Kaedah Analisis Statistik inferensi*

<b>Kaedah Analisis</b>	<b>Hipotesis</b>
<i>independent-Sample T-test</i>	H <sub>01</sub> -H <sub>03</sub>
ANOVA Sehalu	H <sub>04</sub> -H <sub>05</sub>
<i>Spearman Rho's</i>	H <sub>06</sub>

### 3.12 Penutup

Secara ringkasnya, bab ini telah menghuraikan secara panjang lebar kesemua aspek mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini, iaitu reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, sampel dan kaedah persampelan, instrumen kajian, kesahan instrumen kajian, kajian rintis, kebolehpercayaan instrumen kajian, prosedur pengumpulan data kajian dan tatacara analisis data. Pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian yang telah dibina untuk membincangkan objektif, soalan-soalan kajian dan hipotesis kajian yang terdapat dalam bab 1.





## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan



Bab ini merupakan laporan dapatan kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran bidang Ibadah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di kalangan murid-murid Islam di SJKC di negeri Perak. Perbincangan dimulakan dengan mengemukakan profil responden kajian yang terdiri daripada guru dan murid Islam SJKC kemudian disusuli dengan dapatan kajian berkaitan amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran murid dalam bidang ibadah di SJKC berdasarkan lapan konstruk iaitu objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar, pujian dan peneguhan, rumusan dan penilaian, dan keperibadian atau amalan profesional keguruan. Seterusnya adalah perbincangan berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran bidang ibadah, perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid berdasarkan latar belakang demografi, huraian mengenai hubungan signifikan antara amalan pengajaran guru





dengan pencapaian murid dalam bidang Ibadah mata pelajaran Pendidikan Islam. Seterusnya diakhiri dengan rumusan keseluruhan kajian sebagai penutup bab.

## 4.2 Profil responden kajian

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada dua kumpulan iaitu kumpulan guru dan murid. Kedua-dua kumpulan responden ini merupakan guru dan murid Islam di SJKC di sekitar negeri Perak. Data mengenai profil responden diperoleh dengan menggunakan set borang soal selidik masing-masing untuk kumpulan responden guru dan murid. Perbincangan dalam tajuk ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu profil guru dan profil murid SJKC.



### 4.2.1 Profil guru SJKC

Perbincangan mengenai profil guru SJKC dalam kajian ini mencakupi aspek lokasi sekolah, jantina, status guru, status beredar, pengalaman beredar, bilangan waktu mengajar, kelas beredar, bidang (*option*) dan pengalaman mengajar. Perincian data bagi aspek-aspek ini dapat dilihat dalam Jadual 4.1.





Jadual 4.1

*Profil Guru SJKC*

Item		Kekerapan	Peratusan
Lokasi	Bandar	8	26.6%
	Luar Bandar	22	73.3%
Jantina	Lelaki	13	43.3%
	Perempuan	17	56.6%
Status Guru	Guru Beredar	16	53.3%
	Tidak Beredar	14	46.6%
Status Beredar	1 sekolah	17	56.7%
	2 sekolah	1	3.3%
	3 sekolah	0	0%
	Tidak Beredar	12	40%
Pengalaman Beredar	1 – 5 Tahun	15	50%
	6 – 10 Tahun	5	16.7%
	11 Tahun dan Lebih	1	3.3%
	Tidak Beredar	9	30%
Bilangan Waktu Mengajar	1 – 12 Waktu	0	0%
	13 – 24 Waktu	1	3.3%
	25 – 36 Waktu	29	96.7%
Kelas Beredar	Bercantum	16	53.3%
	Tidak Bercantum	9	30.0%
	Tidak Beredar	5	16.7%
Tempat PdP	Kelas	9	30.0%
	Bilik Khas	12	40.0%
	Lain-lain	9	30.0%
Bidang	Pendidikan Islam	29	96.7%
	Bahasa Arab	1	3.3%
Pengalaman Mengajar	1 – 5 Tahun	8	26.7%
	6 – 10 Tahun	14	46.7%
	11 Tahun dan lebih	8	26.7%





Berdasarkan jadual tersebut, jumlah responden guru yang terlibat dalam kajian ini berjumlah 30 orang. Profil guru dari aspek lokasi menunjukkan seramai 8 (26.6%) guru dari kawasan bandar dan 22 (73.3%) orang dari kawasan luar bandar. Data ini menunjukkan bahawa guru dari sekolah di kawasan luar bandar lebih ramai daripada guru dari kawasan bandar.

Pecahan daripada jumlah guru berdasarkan jantina menunjukkan terdapat 13 (43.3%) orang responden terdiri daripada guru lelaki manakala 17 (56.6%) orang adalah responden daripada kalangan guru perempuan. Dapatan ini menunjukkan jumlah responden daripada kalangan guru perempuan lebih ramai daripada responden daripada kalangan guru lelaki.



Profil guru dalam aspek status guru pula menunjukkan guru beredar berjumlah 16 (53.3%) orang, manakala guru tetap (tidak beredar) berjumlah 14 (46.6%) orang. Perbezaan jumlah responden bagi profil status guru tidak ketara dengan jumlah perbezaan hanya sebanyak 2 orang guru. Hal ini menjelaskan bahawa bilangan responden guru beredar lebih ramai daripada responden guru tidak beredar (tetap).

Dapatan data bagi profil guru yang seterusnya menunjukkan majoriti daripada responden guru didapati berstatus beredar ke sebuah sekolah. Perbandingan berdasarkan bilangan guru mendapati jumlah responden guru yang beredar ke 2 buah sekolah adalah sedikit iaitu hanya seorang guru (3.3%). Jumlah guru yang beredar ke sebuah sekolah adalah seramai 17 (56.7%) sementara yang tidak beredar adalah seramai 12 (40%) guru.





Manakala dapatan data bagi profil pengalaman beredar pula didapati guru-guru berpengalaman beredar di antara 1-5 tahun berjumlah 15 orang (50%). Guru-guru berpengalaman beredar di antara 6-10 tahun pula berjumlah 5 orang (16.7%). Jumlah ini berbeza dengan jumlah guru berpengalaman beredar dalam jangka waktu 11 tahun dan lebih iaitu seorang (3.3%). Sementara bilangan guru yang tidak beredar pula adalah seramai 9 orang (30%).

Profil guru dari aspek bilangan waktu mengajar pula menunjukkan guru yang bilangan waktu mengajarnya antara 13-24 waktu hanya satu orang (3.3%). Bilangan waktu mengajar antara 25-36 waktu seramai 29 orang (96.7%). Jumlah ini menunjukkan perbezaan yang amat ketara iaitu perbezaan sebanyak 28 orang guru.



Dapatan data bagi aspek kaedah kelas beredar pula mendapati pengajaran yang dilaksanakan dengan kaedah kelas bercantum adalah sebanyak 16 orang (53.3%). Pengajaran yang dijalankan dalam kelas tidak bercantum adalah 9 orang (30%). Sementara guru yang tidak beredar pula ialah 5 orang (16.7%).

Hasil analisis yang dibuat juga mendapati data bagi profil tempat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran adalah seramai 12 (40%) orang dilaksanakan di dalam bilik khas. Sementara masing-masing 9 orang (30%) melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan lain-lain bilik yang disediakan.

Profil guru dari aspek bidang atau *option* pula menunjukkan bahawa bilangan guru dalam bidang Pendidikan Islam adalah 29 orang (96.7%) lebih ramai daripada bidang bahasa Arab iaitu berjumlah seorang (3.3%).



Sementara dari aspek pengalaman mengajar pula didapati bilangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1 – 5 tahun adalah seramai 8 orang (26.7%). Pengalaman mengajar 6 – 10 tahun seramai 14 orang (46.7%), dan berpengalaman melebihi 11 tahun adalah seramai 8 orang (26.7%)

#### 4.2.2 Profil murid SJKC

Profil murid SJKC dalam kajian ini terdiri daripada empat aspek, iaitu lokasi, jantina, bangsa, dan latar belakang pendidikan sekolah rendah agama rakyat. Perolehan data bagi profil murid SJKC boleh dilihat dalam jadual 4.2 di bawah.

##### *Profil Murid SJKC*

Item		Kekerapan	Peratusan
Lokasi	Bandar	75	88.2%
	Luar bandar	10	11.8%
Jantina	Lelaki	42	49.4%
	Perempuan	43	50.6%
Bangsa	Melayu	69	81.1%
	Cina	14	16.4%
	India	1	1.2%
	Orang Asli	0	0%
	Lain-lain	1	1.2%
Sekolah Agama	Ya	17	20%
	Tidak	68	80%



Dapatan data menunjukkan jumlah responden daripada kalangan murid SJKC berdasarkan aspek jantina adalah seramai 42 orang (49.4%) murid lelaki dan 43 orang (50.6%) murid perempuan. Jumlah ini menunjukkan, bahawa bilangan responden berdasarkan jantina daripada kalangan murid SJKC dalam kajian ini adalah hampir sama.

Dapatan data bagi profil murid berdasarkan lokasi pula menunjukkan murid yang bersekolah di bandar adalah seramai 75 orang (88.2%) dan luar bandar seramai 10 orang (11.8%).Ini menunjukkan bahawa murid yang bersekolah di bandar lebih ramai daripada murid yang bersekolah di luar bandar.

Sementara data bagi profil murid dari aspek bangsa pula menunjukkan jumlah murid SJKC daripada kalangan bangsa Melayu adalah seramai 69 orang (81.1%).

Murid Islam dari kalangan bangsa Cina adalah seramai 14 orang (16.4%). Murid Islam dari kalangan bangsa India adalah seramai 1 orang (1.2%). Murid Islam dari kalangan lain-lain bangsa ialah 1 orang (1.2%) dan tiada murid Islam dari kalangan orang asli. Dapatan data ini menunjukkan bahawa murid Melayu merupakan kumpulan terbesar menjadi responden bagi kajian ini diikuti oleh murid Cina dan India serta lain-lain bangsa.

Hasil kajian juga mendapati bahawa profil murid yang belajar di sekolah rendah agama rakyat adalah seramai 17 orang (20%). Sementara yang tidak belajar di sekolah rendah agama rakyat adalah seramai 68 orang (80%). Perbezaan jumlah murid bagi profil belajar di sekolah rendah agama rakyat begitu ketara dengan jumlah perbezaan seramai 51 orang murid. Hal ini menunjukkan bahawa bilangan murid yang





bersekolah di sekolah rendah agama rakyat adalah sedikit berbanding dengan murid yang tidak bersekolah di sekolah rendah agama rakyat.

### 4.3 Analisis deskriptif

Bahagian ini merupakan perbincangan mengenai dapatan deskriptif bagi menjawab soalan kajian pertama dan kedua. Aspek perbincangan pertama dalam bahagian ini menjurus kepada perbincangan mengenai amalan pengajaran guru dalam bidang ibadah berdasarkan tujuh konstruk Model Kemenjadian Murid iaitu, objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar, pujian dan peneguhan, rumusan dan penilaian serta keperibadian atau amalan profesional keguruan. Seterusnya dapat menjawab soalan kajian pertama. Manakala aspek perbincangan kedua pula menjurus kepada tahap pencapaian murid dalam bidang ibadah dan seterusnya dapat menjawab soalan kajian kedua.

#### 4.3.1 Amalan pengajaran guru

Secara keseluruhannya, dapatan data daripada analisis berkaitan amalan pengajaran guru berdasarkan persepsi guru dan murid dapat dirujuk dalam jadual 4.3 di bawah.



Jadual 4.3

*Amalan Pengajaran Guru Berdasarkan Persepsi Guru dan Pelajar*

Amalan Pengajaran Guru	Persepsi Guru			Persepsi Pelajar		
	<u>Min</u>	<u>S.P</u>	<u>Interpretasi</u>	<u>Min</u>	<u>S.P</u>	<u>Interpretasi</u>
Objektif PdP	4.10	0.53	Tinggi	3.90	0.67	Sederhana Tinggi
Tahap Murid	3.93	0.38	Sederhana Tinggi	3.94	0.63	Sederhana Tinggi
Set Induksi	3.57	0.53	Sederhana Tinggi	3.90	0.66	Sederhana Tinggi
Kaedah PdP	3.96	0.34	Sederhana Tinggi	3.75	0.71	Sederhana Tinggi
Bahan Bantu Mengajar	2.71	0.57	Sederhana Rendah	2.96	0.77	Sederhana Rendah
Pujian dan Peneguhan	3.65	0.42	Sederhana Tinggi	3.74	0.84	Sederhana Tinggi
Rumusan dan Penilaian	3.53	0.45	Sederhana Tinggi	3.76	0.74	Sederhana Tinggi
Berikutnya adalah item memastikan murid melakukan pembetulan bagi tugas atau latihan secara konsisten ( $\text{min}=3.69$ ,  $\text{sp}=1.13$ ) dengan peratus responden pernah adalah 95.3%. Seterusnya item berusaha merumuskan isi pengajaran yang telah disampaikan ( $\text{min}=3.67$ ,  $\text{sp}=1.06$ ) dengan peratus responden pernah 95.3%. Manakala item dengan skor paling rendah adalah item memaklumkan pencapaian ibadah murid kepada ibu bapa ( $\text{min}=2.55$ ,  $\text{sp}=1.57$ ) dengan peratus responden menyatakan pernah adalah 58.8%.

Data ini menunjukkan bahawa konstruk rumusan dan penilaian mendapat skor min dan interpretasi daripada tinggi, sederhana tinggi, sederhana rendah hinggalah ke tahap rendah. Dapatlah dirumuskan secara keseluruhannya bahawa item-item di dalam konstruk ini tidak sepenuhnya diamalkan di dalam amalan pengajaran guru.

#### **4.3.1.8 Keperibadian/ amalan profesional keguruan**

##### **a. Berdasarkan persepsi guru**

Jadual 4.18 menunjukkan dapatan data bagi item konstruk keperibadian/ amalan profesional keguruan. Skor min keseluruhan item adalah 4.12, sisihan piawai 0.30 dan interpretasi pada tahap tinggi.

Jadual 4.18

*Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan Berdasarkan Persepsi Guru*

Keperibadian/ Amalan Profesional Keguruan	TP	JJ	KK	K	SK	Min	S.P	Interpretasi
Bersempang dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pelajaran.	0 0%	0 0%	3 10%	22 73.3%	5 16.7%	<b>4.06</b>	0.52	Tinggi
Berusaha menerangkan kelebihan kemahiran ibadah selaku seorang Muslim.	0 0%	1 3.3%	8 26.7%	17 56.7%	4 13.3%	<b>3.80</b>	0.71	Sederhana Tinggi
Bersikap adil dan bertimbang rasa terhadap setiap murid dalam kelas.	0 0%	0 0%	0 0%	23 76.7%	7 23.3%	<b>4.23</b>	0.43	Tinggi
Berusaha menepati masa semasa memulakan pengajaran ibadah.	0 0%	0 0%	1 3.3%	22 73.3%	7 23.3%	<b>4.20</b>	0.48	Tinggi
Bersikap mesra, sabar dan mudah didekati.	0 0%	0 0%	2 6.7%	25 83.3%	3 10%	<b>4.03</b>	0.41	Tinggi
Memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai murni yang boleh dicontohi murid.	0 0%	0 0%	1 3.3%	26 86.7%	3 10%	<b>4.06</b>	0.36	Tinggi
Memastikan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.	0 0%	0 0%	0 0%	17 56.7%	13 43.3%	<b>4.43</b>	0.50	Tinggi
Memastikan murid memberi respon terhadap soalan guru.	0 0%	0 0%	0 0%	18 60%	12 40%	<b>4.40</b>	0.50	Tinggi
Memastikan murid memberi pandangan atau idea yang sesuai dan berkaitan tajuk pelajaran.	0 0%	0 0%	14 46.7%	15 50%	1 3.3%	<b>3.56</b>	0.56	Sederhana Tinggi
Memastikan murid dapat mencapai objektif pembelajaran.	0 0%	0 0%	0 0%	16 53.3%	14 46.7%	<b>4.46</b>	0.51	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.12</b>	<b>0.30</b>	<b>Tinggi</b>



Item dengan perolehan skor tertinggi adalah item memastikan murid dapat mencapai objektif pembelajaran ( $\text{min}=4.46$ ,  $\text{sp}=0.51$ ) dengan peratus kekerapan amalan adalah 100%. Kemudian diikuti item memastikan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran ( $m=4.43$ ,  $\text{sp}=0.50$ ) dengan peratus kekerapan adalah 100%. Seterusnya item memastikan murid memberi respon terhadap soalan guru ( $\text{min}=4.40$ ,  $\text{sp}=0.50$ ), peratus kekerapan adalah 100%. Berikutnya adalah item berusaha menepati masa semasa memulakan pengajaran dengan skor ( $\text{min}=4.20$ ,  $\text{sp}=0.48$ ) dengan peratus sangat kerap, kerap dan kadang-kadang 100%. Item seterusnya adalah item bersikap adil dan bertimbang rasa terhadap setiap murid dalam kelas ( $\text{min}=4.23$ ,  $\text{sp}=0.43$ ) dengan peratus kekerapan adalah 100%. Seterusnya item bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pelajaran ( $\text{min}=4.06$ ,  $\text{sp}=0.52$ ) dengan peratus sangat kerap, kerap dan kadang-kadang mencapai 100%.



Item yang berikutnya adalah item memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai murni yang boleh dicontohi murid dengan skor ( $\text{min}=4.06$ ,  $\text{sp}=0.36$ ) dengan peratus kerap, sangat kerap dan kadang-kadang pada kadar 100%. Seterusnya item bersikap mesra, sabar, dan mudah didekati ( $\text{min}=4.03$ ,  $\text{sp}=0.41$ ) dengan peratus kekerapan juga 100%. Diikuti seterusnya dengan item berusaha menerangkan kelebihan kemahiran ibadah selaku seorang Muslim ( $\text{min}=3.80$ ,  $\text{sp}=0.71$ ) dengan peratus kekerapan adalah 100%. Item yang terakhir dengan skor min paling rendah adalah item memastikan murid memberi pandangan atau idea yang sesuai da berkaitan tajuk pelajaran ( $\text{min}=3.56$ ,  $\text{sp}=0.56$ ) dengan peratus sangat kerap, kerap dan kadang-kadang pada kadar 100%.



Kesimpulannya, berdasarkan analisis yang dibuat menunjukkan kekerapan bagi setiap item adalah pada tahap tinggi. Hal ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa guru sememangnya mengamalkan keperibadian dan amalan profesional guru dalam pengajaran.

### b. Berdasarkan persepsi murid

Jadual 4.19 merupakan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi konstruk keperibadian/ amalan profesional keguruan dalam amalan pengajaran guru. Skor min keseluruhan item ialah 4.10, sisihan piawai 1.12 dan interpretasi adalah tinggi.

Jadual 4.19

#### *Keperibadian/Amalan Profesional Keguruan Berdasarkan Persepsi Murid*

<b>Keperibadian/ Amalan Profesional Keguruan</b>	<b>TP</b>	<b>JJ</b>	<b>KK</b>	<b>K</b>	<b>SK</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Interpretasi</b>
Bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pelajaran.	2 2.4%	4 4.7%	13 15.3%	30 35.3%	36 42.4%	<b>4.10</b>	0.99	Tinggi
Berusaha menerangkan kelebihan kemahiran ibadah selaku seorang Muslim.	1 1.2%	6 7.1%	11 12.9%	28 32.9%	39 45.9%	<b>4.15</b>	0.98	Tinggi
Bersikap adil dan bertimbang rasa terhadap setiap murid dalam kelas.	0 0%	1 1.2%	9 10.6%	43 50.6%	32 37.6%	<b>4.24</b>	0.68	Tinggi
Berusaha menepati masa semasa memulakan pengajaran ibadah.	2 2.4%	5 5.9%	18 21.2%	33 38.8%	27 31.8%	<b>3.91</b>	0.99	Tinggi

(bersambung)



Jadual 4.19 (sambungan)

Keperibadian/ Amalan Profesional Keguruan	TP	JJ	KK	K	SK	Min	S.P	Interpretasi
Bersikap mesra, sabar dan mudah didekati.	2 2.4%	4 4.7%	10 11.8%	28 32.9%	41 48.2%	<b>4.20</b>	0.98	Tinggi
Memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai murni yang boleh dicontohi murid.	1 1.2%	5 5.9%	12 14.1%	36 42.4%	31 36.5%	<b>4.07</b>	0.92	Tinggi
Memastikan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.	1 1.2%	7 8.2%	18 21.2%	31 36.5%	28 32.9%	3.91	0.99	Sederhana Tinggi
Memastikan murid memberi respon terhadap soalan guru.	0 0%	1 1.2%	15 17.6%	29 34.1%	40 47.1%	<b>4.27</b>	0.79	Tinggi
Memastikan murid memberi pandangan atau idea yang sesuai dan berkaitan tajuk pelajaran.	0 0%	9 10.6%	16 18.8%	27 31.8%	33 38.8%	<b>3.98</b>	1.00	Sederhana Tinggi
Memastikan murid dapat mencapai objektif pembelajaran.	1 1.2%	10 11.8%	13 15.3%	16 18.8%	45 52.9%	<b>4.10</b>	1.12	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.10</b>	<b>1.12</b>	<b>Tinggi</b>

Item dengan perolehan skor tertinggi ialah item memastikan murid memberi respon terhadap soalan guru (min=4.27, sp=0.79) dengan 100% responden menyatakan pernah. Seterusnya ialah item bersikap adil dan bertimbang rasa terhadap setiap murid dalam kelas (min=4.24, sp=0.68) dengan peratus responden menyatakan pernah adalah 100%. Kemudian diikuti dengan item bersikap mesra, sabar dan mudah didekati (min=4.20, sp=0.98) dengan peratus menyatakan pernah adalah 97.6%. Diikuti berikutnya dengan item berusaha menerangkan kelebihan kemahiran ibadah selaku seorang Muslim (min=4.15, sp=0.98) dengan peratus responden menyatakan pernah adalah 98.8%. Item seterusnya adalah item bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pelajaran (min=4.10, sp=0.99) dengan peratus





responden menyatakan pernah adalah 97.6%. Kemudian item memastikan murid dapat mencapai objektif pembelajaran (min=4.10, sp=1.12) dengan responden pernah adalah 98.8%. Diikuti dengan item memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai murni yang boleh dicontohi murid (min=4.07, sp=0.92) dengan jumlah responden pernah adalah juga 98.8%.

Manakala item memastikan murid memberi pandangan atau idea yang sesuai dan berkaitan tajuk pelajaran (min=3.98, sp=1.00) dengan 100% responden menyatakan pernah. Seterusnya item berusaha menepati masa semasa memulakan pengajaran ibadah (min=3.91, sp=0.99) dengan responden menyatakan pernah adalah 97.6%. Diikuti seterusnya dengan item memastikan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran (min=3.91, sp=0.99) dengan peratus responden menyatakan pernah adalah 98.8%.



Hasil analisis data di atas mendapati skor min dan interpretasi bagi setiap item bagi konstruk ini berada pada tahap tinggi. Hal ini merupakan penjelasan terhadap nilai persetujuan murid yang tinggi terhadap item yang dibina sekali gus menunjukkan bahawa murid bersetuju dengan amalan pengajaran guru dalam konstruk keperibadian dan amalan professional keguruan.



### 4.3.2 Tahap pencapaian murid dalam bidang ibadah

Jadual 4.20 merupakan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi tahap pencapaian murid dalam bidang ibadah. Skor min keseluruhan adalah 2.69, sisihan piawai 0.74 dan interpretasi adalah sederhana rendah.

Jadual 4.20

*Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Bidang Ibadah*

Tahap Pencapaian	E	D	C	B	A	Min	S.P	Interpretasi
Skor	3 3.5%	31 36.5%	40 47.1%	11 12.9%	0 0%	2.69	0.74	Sederhana Rendah

yang memperolehi skor A (0%), skor B seramai 11 murid (12.9%), skor C seramai 40 (47.1%), sementara skor D seramai 3 orang (3.5%). Data ini menunjukkan bahawa bilangan murid yang memperoleh skor B dan C adalah seramai 51 murid (60%), skor D dan E seramai 61 murid (40%). Data ini memberi gambaran bahawa majoriti murid menguasai bidang ibadah pada tahap sederhana rendah.

### 4.4 Analisis statistik inferensi

Bahagian ini merupakan perbincangan mengenai dapatan statistik inferensi (ujian- $t$ , ANOVA dan ujian korelasi *Spearman* ( $r$ )) bagi menjawab soalan kajian ketiga dan keempat. Persoalan kajian ketiga dianalisis dan dilaporkan dengan menggunakan

ujian- $t$  dan ANOVA, manakala persoalan kajian keempat dianalisis dan dilaporkan dengan menggunakan ujian korelasi *Spearman* ( $r$ ).

#### 4.4.1 Analisis perbezaan

Perolehan data berkaitan perbezaan dalam kajian ini dilakukan dengan melaksanakan analisis data secara inferensi. Analisis ini dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan pemboleh ubah bersandar iaitu penguasaan ibadah murid berdasarkan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu demografi murid. Pelaksanaan analisis bagi mendapatkan data inferensi dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah analisis ujian- $t$  dan analisis varian sehala (one-way ANOVA).

##### 4.4.1.1 Analisis perbezaan berdasarkan demografi

Analisis perbezaan tahap penguasaan murid dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor demografi yang terdiri daripada lokasi sekolah, jantina, belajar di sekolah agama, bangsa, tinggal bersama dan faktor ke SJKC. Proses perolehan data bagi analisis ini dimulakan dengan membina empat hipotesis nol. Hipotesis ini kemudiannya diuji bagi mendapatkan data mengenai perbezaan seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Hasil analisis ini nanti berguna untuk menjawab soalan kajian ketiga iaitu,

**SK3** *Adakah terdapat perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan latar belakang demografi.*

a. Perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan lokasi sekolah

$H_{01}$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah murid SJKC berdasarkan lokasi sekolah.*

Jadual 4.21 merupakan paparan hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan faktor lokasi sekolah. Hasil analisis mendapati, tidak terdapat skor min yang signifikan ( $P=0.249$ ,  $p<0.05$ ) di antara tahap penguasaan murid dengan lokasi sekolah bandar (Min=2.69, sp=0.71) dengan sekolah luar bandar (Min=2.70, sp=0.94). Dengan ini,  $H_{01}$  diterima. Analisis mengenai perbandingan skor min di antara murid bandar dan luar bandar pula menunjukkan tahap penguasaan murid di luar bandar lebih tinggi daripada tahap murid di bandar.

Jadual 4.21

*Ujian-t Perbezaan Penguasaan Ibadah Dalam Kalangan Murid di SJKC Berdasarkan Lokasi Sekolah*

Lokasi Sekolah	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Bandar	75	2.69	0.71	0.027	0.249
Luar Bandar	10	2.70	0.94	0.021	

\*Signifikan pada aras  $p<0.05$

b. Perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan jantina

$H_{02}$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah SJKC berdasarkan jantina.*

Jadual 4.22 merupakan paparan hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan jantina. Hasil analisis mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $P=0.163$ ,  $p<0.05$ ) di antara tahap penguasaan murid lelaki (Min=2.66, sp=0.78) dengan murid perempuan (Min=2.72, sp=0.70). Dengan ini,  $H_{02}$  diterima.

Jadual 4.22

*Ujian-t Perbezaan Penguasaan Ibadah Dalam Kalangan Murid di SJKC Berdasarkan Jantina*

Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Lelaki	42	2.66	0.78	-0.336	0.163
Perempuan	43	2.72	0.70	-0.336	

\*Signifikan pada aras  $p<0.05$

c. Perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan belajar di sekolah agama

$H_{03}$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah murid SJKC berdasarkan belajar di sekolah agama.*

Jadual 4.23 merupakan paparan hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min tahap penguasaan ibadah murid berdasarkan belajar di sekolah agama. Hasil analisis Ujian-t mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $P=0.396$ ,  $p<0.05$ ) tahap penguasaan murid yang belajar di sekolah agama (Min=2.58, sp=0.79) dengan murid yang tidak belajar di sekolah agama (Min=2.72, sp=0.72). Berdasarkan hasil analisis ini,  $H_{03}$  diterima.

Jadual 4.23

*Ujian-t Perbezaan Penguasaan Ibadah Dalam Kalangan Murid di SJKC Berdasarkan Sekolah Agama*

Sekolah Agama	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Ya	17	2.58	0.79	-0.65	0.386
Tidak	68	2.72	0.72	-0.62	

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$ 

d. Perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan bangsa

$H_{04}$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah murid SJKC berdasarkan bangsa.*

Jadual 4.24 merupakan paparan hasil analisis varian sehala ANOVA bagi menguji perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan bangsa. Hasil analisis mendapati, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $P=0.831$ ,  $p < 0.05$ ) tahap penguasaan murid berdasarkan bangsa. Hasil analisis ini menerima  $H_{04}$ . Justeru ujian post-hoc tidak perlu dijalankan kerana ujian ini hanya akan dijalankan sekiranya wujud perbezaan di antara kumpulan yang diuji.

Jadual 4.24

*ANOVA Sehala Penguasaan Ibadah Dalam Kalangan Murid di SJKC Berdasarkan Bangsa*

	<b>Jumlah Kuasa Dua</b>	<b>Darjah Kebebasan</b>	<b>Min Kuasa Dua</b>	<b>F</b>	<b>Sig. P</b>
Antara Kumpulan	0.493	3	0.164	0.292	0.831
Dalam Kumpulan	45.554	81	0.562		
<b>Jumlah</b>	<b>52.988</b>	<b>84</b>			

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$ 

e. Perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan tinggal bersama

$H_{05}$  *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min penguasaan ibadah*

*murid SJKC berdasarkan tinggal bersama.*

Jadual 4.25 merupakan paparan hasil analisis varian sehala ANOVA bagi menguji perbezaan skor min tahap penguasaan murid berdasarkan tinggal bersama. Hasil analisis mendapati, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $P=0.739$ ,  $p < 0.05$ ) tahap penguasaan murid berdasarkan tinggal bersama. Hasil analisis ini menerima  $H_{05}$ . Justeru ujian post-hoc tidak perlu dijalankan kerana ujian ini hanya akan dijalankan sekiranya wujud perbezaan di antara kumpulan yang diuji.

Jadual 4.25

*ANOVA Sehala Penguasaan Ibadah Dalam Kalangan Murid di SJKC Berdasarkan Tinggal Bersama*

	<b>Jumlah Kuasa Dua</b>	<b>Darjah Kebebasan</b>	<b>Min Kuasa Dua</b>	<b>F</b>	<b>Sig. P</b>
Antara Kumpulan	1.544	5	0.309	0.548	0.739
Dalam Kumpulan	44.503	79	0.563		
<b>Jumlah</b>	<b>46.047</b>	<b>84</b>			

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$ **4.4.2 Analisis hubungan**

Analisis hubungan dalam kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan antara elemen-elemen amalan pengajaran guru dengan pencapaian murid. Elemen-elemen tersebut ialah elemen objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM), pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian/ amalan profesional keguruan. Pelaksanaan analisis inferensi dalam kajian ini adalah dengan menggunakan analisis korelasi *Spearman (r)*. Hasil analisis ini nanti digunakan untuk menjawab soalan kajian keempat iaitu,

**SK4** *Adakah terdapat hubungan yang di antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan ibadah.*

a. Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan ibadah

$H_{06}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi skor min antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan ibadah murid-murid.

Jadual 4.26 merupakan paparan hasil analisis korelasi *Spearman* ( $r$ ) antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian penguasaan ibadah murid. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang sederhana dan rendah antara enam daripada lapan konstruk amalan pengajaran guru dengan pencapaian penguasaan murid. Konstruk amalan pengajaran guru dengan korelasi paling tinggi adalah konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran ( $r=0.341$ ,  $p<0.05$ ) kemudian diikuti oleh konstruk keperibadian/ amalan profesional keguruan ( $r=0.332$ ,  $p<0.05$ ). Seterusnya ialah konstruk pujian dan peneguhan (motivasi) ( $r=0.325$ ,  $p<0.05$ ), konstruk set induksi ( $r=0.316$ ,  $p<0.05$ ), elemen rumusan dan penilaian ( $r=0.268$ ,  $p<0.05$ ) dan konstruk dengan nilai korelasi paling rendah ialah konstruk tahap murid ( $r=0.250$ ,  $p<0.05$ ).

Jadual 4.26

*Korelasi Antara Amalan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Murid Dalam Bidang Ibadah*

	<b>r</b>	<b>Sig. P</b>
Objektif pengajaran dan pembelajaran* Pencapaian pelajar	0.173	0.114
Tahap murid * Pencapaian pelajar	0.250	0.021
Set induksi * Pencapaian pelajar	0.316	0.003
Kaedah P d P * Pencapaian pelajar	0.341	0.001
Bahan bantu mengajar (BBM) * Pencapaian pelajar	0.057	0.603

(bersambung)

Rajah 4.26 (*sambungan*)

	r	Sig. P
Pujian & peneguhan (motivasi) * Pencapaian pelajar	0.325	0.002
Rumusan & penilaian* Pencapaian pelajar	0.268	0.013
Keperibadian/amalan profesional keguruan* Pencapaian pelajar	0.332	0.002
<b>Amalan Pengajaran (Keseluruhan) * Pencapaian pelajar</b>	<b>0.313</b>	<b>0.004</b>

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.05$  (2-tailed)

N=134

Perincian hasil analisis di atas menunjukkan setiap daripada konstruk amalan pengajaran guru mempunyai hubungan signifikan pada tahap yang rendah dengan pencapaian penguasaan ibadah murid-murid. Hasil analisis bagi keseluruhan konstruk tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan nilai korelasi bagi setiap konstruk amalan pengajaran guru ( $r=0.313$ ,  $p < 0.05$ ) dengan nilai korelasi pada tahap rendah.

Justeru,  $H_{06}$  adalah ditolak.

## 4.5 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini telah menghuraikan dengan terperinci dapatan-dapatan analisis data secara deskriptif dan inferensi bagi menjawab beberapa objektif yang telah digariskan dalam kajian ini. Sebanyak empat soalan kajian telah pun dijawab, manakala sebanyak enam hipotesis kajian telah pun diuji. Analisis secara deskriptif secara keseluruhan menunjukkan tahap penguasaan ibadah dalam kalangan murid adalah sederhana rendah. Manakala, analisis inferensi terhadap enam hipotesis pula mendapati lima daripada hipotesis diterima, sementara satu hipotesis ditolak.



## BAB 5

### PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan



Kandungan bab ini menjurus kepada perbincangan mengenai dapatan kajian yang telah dilaporkan pada bab empat. Perincian mengenai perbincangan ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu: a) ringkasan kajian meliputi metodologi, pemilihan sampel dan lokasi kajian, b) perbincangan dapatan kajian merangkumi aspek analisis deskriptif dan inferensi, c) rumusan dan implikasi kajian dan d) cadangan kepada pihak berwajib seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pentadbir institusi pendidikan, guru-guru dan penyelidikan lanjutan.





## 5.2 Ringkasan kajian

Kajian kuantitatif (deskriptif dan inferensi) ini secara umumnya dilaksanakan untuk mengetahui tahap amalan pengajaran bidang Ibadah dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam dan hubungannya dengan penguasaan bidang Ibadah dalam kalangan murid Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) dalam negeri Perak. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada dua kumpulan responden, iaitu kumpulan responden guru yang mengajar di SJJC dan kumpulan responden murid Islam yang belajar di SJJC negeri Perak. Pelaksanaan kajian ini adalah berpandukan kepada teori al-Ghazali dan Model Penaziran Kemenjadian Murid, Dokumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (2010). Kedua-dua teori dan model ini digunakan sebagai kerangka konseptual kajian dengan beberapa pengubahsuaian dan penambahan sesuai dengan amalan pengajaran guru dan penguasaan kemahiran murid.

Amalan pengajaran guru dikenal pasti berpandukan kepada standard 4 pencerapan pembelajaran dan pengajaran guru Dokumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang terdiri daripada konstruk-konstruk objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM), pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian/amalan profesional keguruan. Tahap penguasaan kemahiran ibadah murid dikenal pasti melalui ujian kemahiran yang dilaksanakan berpandukan kepada sukatan bidang ibadah mata pelajaran Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. Sementara Kajian ini turut dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor demografi yang mempengaruhi perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid





dan perbezaan amalan pengajaran guru serta mengenalpasti hubungan antara amalan pengajaran dengan pencapaian murid.

Kajian ini dilaksanakan secara sepenuhnya dalam bentuk kajian kuantitatif. Mohamad Majid (2005) menjelaskan, reka bentuk kajian ini sesuai digunakan untuk mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah suatu fenomena tanpa mempersoalkan bagaimana pemboleh ubah itu wujud. Tambahan pula ia sangat sesuai digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar (Noraini, 2010). Dengan itu, reka bentuk kajian ini sangat sesuai digunakan dalam konteks kajian ini kerana ia dapat menjawab objektif dan soalan kajian yang telah digariskan dalam bab 1.



selidik. Masing-masing satu set soal selidik untuk kumpulan responden guru dan satu set soal selidik untuk kumpulan murid. Kedua-dua set soal selidik ini berfungsi untuk mengetahui persepsi kedua-dua responden mengenai tahap amalan pengajaran guru. Tambahan bagi soal selidik untuk kumpulan responden murid, soal selidik ini turut digunakan untuk menguji tahap penguasaan murid dalam bidang ibadah. Tatacara pembinaan bagi instrumen soal selidik ini adalah berpandukan kepada soal selidik kajian-kajian lepas, tinjauan literatur, standard 4 instrumen pencerapan pengajaran dan pembelajaran guru Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, dan pandangan daripada panel pakar yang dilantik. Bagi menjamin keupayaan instrumen ini dalam mengukur dan menjawab objektif dan soalan kajian, instrumen ini telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan daripada beberapa orang pakar sebelum diedarkan kepada kumpulan responden yang terlibat.



Penentuan bilangan sampel bagi kumpulan responden guru adalah berdasarkan kepada persampelan seluruh populasi (Mohamad Najib, 1999) manakala bilangan sampel bagi kumpulan responden murid ditentukan dengan menggunakan kaedah persampelan Krejcie dan Morgan (1970). Kaedah penentuan bilangan sampel bagi kedua-dua kumpulan adalah berbeza kerana bilangan guru yang mengajar di SJKC tidak ramai. Sementara kaedah persampelan Krejcie dan Morgan (1970) bagi menentukan bilangan sampel murid kerana kaedah ini memberikan bilangan sampel yang tepat dan mampu mewakili keseluruhan populasi bagi suatu kajian. Perkara ini sangat penting kerana bilangan responden yang tepat dapat memberikan gambaran sebenar, memahami suatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam suatu populasi.

Hasil penentuan bilangan sampel terhadap kedua-dua kumpulan responden masing-masing berjumlah 30 orang guru dan 85 orang murid. Bilangan sampel bagi kumpulan responden guru adalah mencapai saiz normal bagi sesuatu kajian apabila bilangan responden adalah sama atau melebihi 30 orang sampel kajian (Mohd. Najib, 2004). Bilangan soal selidik yang diedarkan kepada kedua-dua kumpulan responden diedarkan melebihi jumlah sampel kajian bagi mengelakkan ralat seperti murid gagal mengembalikan soal selidik dan lain-lain lagi. Sampel akhir bagi kedua-dua kumpulan responden masing-masing berjumlah seramai 30 orang guru dan 85 orang murid.

Data dalam kajian ini dikumpul daripada dua sumber iaitu soal selidik guru dan soal selidik murid. Selepas data selesai dikutip, ia ditadbir dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science V20 (SPSS)*. Penggunaan SPSS sebagai alat untuk mentadbir data dalam kajian ini berguna untuk mendapatkan analisis data secara deskriptif dan inferensi. Dengan adanya perisian ini, data seperti min, sisihan piawai,



kekerapan, peratusan, interpretasi min, perbezaan dan korelasi dapat diperolehi dengan mudah.

### 5.3 Perbincangan dapatan kajian

Perbincangan dapatan kajian dalam konteks kajian ini merujuk kepada perbincangan mengenai dapatan kajian amalan pengajaran guru berdasarkan kerangka teori al-Ghazali dan Model Penaziran Kemenjadian Murid, Dokumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (2010) dan tahap penguasaan bidang ibadah di kalangan murid. Aspek perbincangan berkisar kepada dua tema utama, iaitu: a) Analisis deskriptif iaitu perbincangan mengenai amalan pengajaran guru dan tahap penguasaan bidang ibadah di kalangan murid, dan b) analisis inferensi iaitu perbincangan mengenai amalan pengajaran guru dan tahap penguasaan ibadah murid berdasarkan demografi dan hubungan antara tahap penguasaan murid dengan amalan pengajaran guru.

#### 5.3.1 Analisis deskriptif

Perbincangan mengenai analisis deskriptif dalam kajian ini merupakan perbincangan mengenai amalan pengajaran guru dan tahap penguasaan murid dalam bidang ibadah berdasarkan lapan konstruk amalan pengajaran guru, iaitu objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM), pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian/amalan profesional keguruan.





### 5.3.1.1 Amalan pengajaran guru

#### a. Objektif pengajaran dan pembelajaran

Objektif pengajaran dan pembelajaran merupakan pernyataan mengenai perubahan yang diharapkan dalam pemikiran dan tindakan murid-murid hasil daripada sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran (Bloom, 1956). Objektif pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara utama yang perlu ditetapkan oleh guru sebelum sesuatu sesi pengajaran dilaksanakan. Penetapan objektif adalah penting bagi menentukan kaedah pengajaran yang sesuai dan dapat mencapai objektif. Guru perlu menjelaskan kepada murid objektif dan matlamat pembelajaran yang akan dicapai hasil daripada pengajaran yang dilaksanakan (Abdullah, 1994). Penjelasan berkaitan objektif pelajaran akan membantu murid lebih memahami pelajaran dan mengetahui hala tuju pelajaran atau kemahiran yang dipelajari.

Dalam konteks kajian ini, perbincangan mengenai konstruk objektif pengajaran dan pembelajaran menjurus kepada perbincangan terhadap empat item yang berkaitan. Catatan min bagi keseluruhan konstruk menunjukkan min bagi elemen objektif pengajaran dan pembelajaran berdasarkan persepsi guru dan murid berada pada tahap interpretasi tinggi dan sederhana tinggi (min=4.10, sp=0.53) dan (min=3.90, sp=0.67). Dapatan kajian ini sekali gus menunjukkan bahawa guru memang menitikberatkan objektif pengajaran dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.





Penetapan objektif pengajaran memainkan peranan yang penting kerana dapat membantu guru mengenal pasti apa yang hendak diajar dan sebagai panduan untuk membuat pemilihan kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran termasuk bahan-bahan bantu mengajar yang akan digunakan (Al-Kailany, 1986). Penetapan objektif juga akan memberi asas kepada guru dalam menilai pelaksanaan rancangan pengajaran, keberkesanan pengajaran dan pencapaian murid-murid. Perkara-perkara ini akan memberi asas kepada guru untuk perancangan bagi menjalankan proses aktiviti pemulihan atau pengayaan kepada murid-murid yang memerlukannya.

### **b. Tahap murid**

Dalam proses pengajaran, seseorang guru mesti prihatin terhadap kemampuan murid dalam menerima sesuatu pengajaran yang disampaikan. Prihatin terhadap kemampuan murid amat penting bagi mengelakkan berlaku salah faham dan kesilapan ketika memahami, memikir atau mengamalkan sesuatu ilmu atau maklumat yang disampaikan (Janzarli, 1991). Tahap murid merujuk kepada kesediaan belajar seseorang individu yang membolehkannya menikmati pembelajaran yang berkesan (Ee Ah Meng, 1993). Keadaan ini bergantung kepada kematangan dan pengalaman murid. Sebelum memulakan sesuatu pengajaran guru perlu memastikan bahawa kematangan dan pengalaman atau pengetahuan sedia ada murid terhadap sesuatu konsep atau kemahiran perlu ada pada murid-murid. Ini bagi mengelakkan guru memperkenalkan sesuatu konsep atau kemahiran yang tidak bersesuaian dengan tahap murid.





Dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan persepsi guru dan persepsi murid menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan responden memberikan nilai persetujuan yang sederhana tinggi bagi setiap item di dalam konstruk ini. Dapatan ini menunjukkan guru sememangnya sentiasa berusaha bagi mengenal pasti tahap murid sebelum memulakan sesuatu pengajaran. Guru memang menyedari perkara ini kerana pengetahuan sedia ada murid akan membantu perkembangan pembelajaran mereka seterusnya. Terdapat tiga jenis kesediaan belajar yang utama iaitu, kesediaan kognitif, kesediaan psikomotor dan kesediaan afektif iaitu kesediaan emosi dan sikap sebelum menerima pembelajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Kajian-kajian menunjukkan bahawa kesediaan belajar bergantung kepada faktor-faktor yang boleh dikategorikan kepada kematangan dan pengalaman (Ee Ah Meng, 1993).



### **c. Set induksi**

Set induksi adalah sebahagian daripada proses permulaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya bertujuan bagi menarik perhatian dan minat murid untuk lebih memberi tumpuan dan fokus kepada pengajaran dan pembelajaran yang hendak disampaikan. Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007), di antara kemahiran mengajar yang perlu dikuasai oleh guru ialah kemahiran memulakan pengajaran. Kemahiran ini perlu dikuasai oleh guru supaya dapat mengendalikan pengajaran yang tinggi mutunya di samping murid akan tertarik kepada pengajaran yang bermakna dan menyeronokkan.





Dapatan kajian bagi konstruk set induksi menunjukkan persepsi guru dan persepsi murid masing-masing menunjukkan setiap item bagi konstruk ini beroleh skor min dan interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru melaksanakan set induksi pada tahap sederhana tinggi dalam amalan pengajaran mereka. Dapatan ini bertepatan dengan kajian oleh Johari & Aslinda (2010), yang mendapati bahawa 91% responden bersetuju bahawa mereka boleh merancang set induksi yang unik sebelum memulakan pengajaran. Keberkesanan daripada penggunaan set induksi yang tinggi dalam sesuatu pengajaran antaranya akan dapat memotivasikan murid sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Selain itu penggunaan set induksi juga boleh menarik minat murid untuk mempelajari topik yang akan diajar oleh guru. Guru boleh menyediakan set induksi berdasarkan pengetahuan sedia ada murid. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk membina konsep yang baru dengan lebih mudah dan berkesan. Set Induksi yang berkesan juga akan menyebabkan murid akan lebih bersedia untuk mempelajari sesuatu yang baru serta melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan lebih aktif. Di samping itu juga masalah disiplin dapat dikurangkan kerana aktiviti set induksi dapat menarik minat pelajar menumpukan perhatian sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran yang selanjutnya.





#### d. Kaedah pengajaran dan pembelajaran

Di antara ciri-ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seseorang guru adalah guru tersebut tahu menggunakan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap murid. Kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada mutu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Allen, 1992). Tiga aspek penting yang perlu diberikan perhatian oleh seseorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah pendekatan, kaedah dan teknik. Seseorang guru yang dapat menguasai kemahiran mengajar menggunakan ketiga-tiga aspek ini akan dapat menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah (Ab. Halim, 2010). Kepentingan pemilihan sesuatu teknik mestilah berasaskan sesuatu kaedah yang berlandaskan sesuatu pendekatan (Ahmad, 1997).



Kaedah merupakan perancangan atau prosedur dalam melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Ianya merupakan langkah-langkah atau tahap-tahap pengajaran yang disusun dengan rapi dan mempunyai kesinambungan bagi mencapai sesuatu objektif pelajaran (Ahmad, 1997). Dalam konteks kajian ini, data yang diperolehi bagi konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran menunjukkan tahap interpretasi bagi nilai persetujuan guru dan murid pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan guru memang menyedari akan kepentingan penggunaan kaedah mengajar yang sesuai dengan bermatlamat maklumat yang disampaikan kepada murid dapat difahami. Guru juga memahami bahawa mereka perlu mengetahui kaedah atau cara penyampaian dalam pengajarannya supaya murid-murid dapat memahami apa yang hendak disampaikan. Dapatan ini bertepatan dengan kajian oleh Ahmad Yunus (2010) yang mendapati guru-guru memiliki



kefahaman yang jelas terhadap kaedah pengajaran yang digunakan bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar dan melaksanakannya di dalam amalan pengajaran mereka di bilik darjah.

#### **e. Bahan bantu mengajar**

Salah satu komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penggunaan bahan bantu mengajar. Penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tajuk pelajaran boleh menarik minat murid untuk mempelajari kemahiran yang akan disampaikan oleh guru (Ab. Halim, 2010). Penggunaan bahan bantu mengajar juga dapat membantu murid untuk lebih memahami sesuatu topik yang diajar. Dapatan data menunjukkan setiap item bagi konstruk ini beroleh skor min dan interpretasi pada tahap sederhana tinggi ke tahap rendah. Dapat dirumuskan bahawa persepsi guru dan murid bagi konstruk penggunaan BBM dalam amalan pengajaran guru berada pada tahap sederhana rendah. Kebanyakan guru tidak menggunakan BBM secara efektif dan maksimum dalam pengajaran dan pembelajaran mereka kerana ia memerlukan masa, kos dan tenaga (Kamarudin Husin & Siti Hajar, 1998; Sufean Hussin *et al*, 2005).

Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan mendapati bahawa masih terdapat guru-guru, khususnya guru Pendidikan Islam tidak memanfaatkan BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka dan masih mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang lebih berpusatkan guru (Khadijah & Shahrin, 2006 dalam Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010). Begitu juga dengan kajian yang dilakukan



oleh Misnan (2008) mendapati penggunaan BBM dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam yang mengajar Tilawah Al-Quran pada tahap yang rendah. Namun dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Fatimah (2010) berkaitan persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa guru j-QAF mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia. Perkara ini adalah mungkin disebabkan kebanyakan guru-guru j-QAF adalah dalam kalangan generasi muda yang banyak terdedah dengan penggunaan bahan-bahan teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini.

Menurut J.S. Farrant (1997), semakin berkurangnya penggunaan BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan fungsi BBM sering disalah tafsir.

Terdapat beberapa ciri yang perlu diambil kira dalam penyediaan BBM supaya dapat memberi kesan yang terbaik terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap penghasilan BBM perlulah bersesuaian dengan keadaan dan persekitaran. Antara ciri-ciri tersebut ialah BBM mestilah; menjelaskan idea yang kabur dan bahagian yang sukar difahami, besar dan jelas, warna yang menarik dan saiz yang tepat, tahan lama, paling memberi kesan, dan murah (Kamarul Azmi & Ab. halim, 2007). Ciri-ciri ini merupakan asas dalam pemilihan BBM yang akan digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran di sekolah. Ianya juga merupakan antara faktor yang mempengaruhi penggunaan BBM dalam pengajaran guru.

Faktor-faktor inilah dijadikan alasan oleh kebanyakan guru Pendidikan Islam yang tidak menggunakan BBM walaupun realiti kesan penggunaannya amat luas. Ini dapat dilihat daripada dapatan data kajian ini yang menunjukkan bahawa penggunaan





BBM di kalangan guru-guru pada tahap sederhana rendah. Penggunaan BBM yang berkesan dan menepati ciri-ciri yang sesuai dengan persekitaran dan keadaan akan dapat menarik minat murid serta meningkatkan motivasi untuk memberi sepenuh perhatian kepada pengajaran guru (Kamarul Azmi, Mohd Faez, Ab. Halim & Mohd Izham, 2011). Hal ini kerana BBM yang digunakan dapat menyatakan gambaran sebenar tajuk atau kemahiran yang dipelajari oleh murid. Murid akan menjadi lebih seronok dan tidak bosan dengan pengajaran guru kerana terdapat sesuatu yang baru setiap kali penyampaian pengajaran mereka.

#### **f. Pujian dan peneguhan (motivasi)**

Pujian dan peneguhan merupakan antara elemen penting yang perlu diambil kira oleh guru ketika melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Ianya merupakan pemangkin kepada minat murid untuk terus belajar. Apabila timbul minat untuk belajar, murid akan lebih bersedia. Hasilnya pembelajaran akan menjadi lebih menyeronokkan (Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010). Menurut Crow dan Crow (1980) motivasi merupakan aspek mengajar yang penting. Ini kerana keinginan untuk belajar bukan lahir secara semula jadi, malah ia perlu disemai dan dipupuk supaya murid mempunyai keinginan untuk belajar. Pujian dan peneguhan adalah salah satu cara untuk membangkitkan minat belajar murid kerana mereka akan merasakan diri mereka dihargai. Imam al-Ghazali pula menyatakan tingkah laku manusia terbahagi kepada dua: pertama, tingkah laku yang disebabkan oleh motivasi-motivasi tertentu, dan yang kedua tingkah laku yang lahir daripada kemahuan diri dan akal fikiran (Hassan, 1997).





Dapatan daripada kajian-kajian lepas mendapati wujud korelasi antara motivasi dengan penguasaan kemahiran murid (Saemah, 2006). Ini berdasarkan kajian oleh Haniza (2003) mendapati faktor motivasi yang tinggi dapat meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Begitu juga dengan kajian oleh Jahidih (2014) mendapati guru Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ) mempunyai kemahiran memotivasikan pelajar yang tinggi. Kemahiran ini perlu diamalkan kerana ianya mampu memupuk motivasi murid untuk terus berjaya dalam bidang akademik (Jahidih, 2014).

Dapatan data dalam konteks kajian ini menunjukkan bahawa skor min bagi konstruk pujian dan peneguhan atau motivasi berada pada tahap sederhana tinggi bagi kedua-dua kumpulan responden guru dan murid. Amalan memberi pujian dan peneguhan atau motivasi ini sememangnya diamalkan di dalam pengajaran guru. Ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan pujian dan peneguhan merupakan satu keperluan yang patut diamalkan oleh para guru. Ini kerana pujian dan peneguhan yang diterima akan menjadi motivasi kepada murid sekali gus merangsang minat murid untuk belajar (Shahabuddin et. al, 2003). Manakala menurut Kamarudin (1993), motivasi memerlukan rangsangan-rangsangan yang kuat yang melibatkan dua perkara penting, iaitu insentif dan motif penggerak. Insentif adalah unsur yang merangsangkan seseorang untuk bertindak, manakala motif pula ialah keinginan yang lahir secara semula jadi dalam diri. Dapatan data kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian oleh Rohani et al. (2010) yang menyatakan bahawa hubungan guru-pelajar dikenal pasti sebagai ciri kualiti guru bagi meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari sesuatu subjek..





### **g. Rumusan dan penilaian**

Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, rumusan dan penilaian adalah aspek terakhir yang dilalui oleh guru. Setiap guru perlulah memastikan setiap murid menguasai kemahiran yang dipelajari (Kubiszyn dan Borich, 1996). Guru perlu menyedari bahawa untuk menilai keberkesanan sesuatu proses pengajaran itu, pentaksiran dan penilaian perlu diadakan. Penilaian atau pentaksiran boleh dijalankan sama ada secara formatif atau sumatif. Penilaian formatif merujuk kepada penilaian atau pentaksiran yang dilaksanakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ianya boleh dilaksanakan sama ada di permulaan, pertengahan atau di penghujung sesuatu pengajaran. Pentaksiran atau penilaian pengajaran melibatkan beberapa peringkat. Pertama, sebelum pengajaran. Hal ini dilakukan dengan mengenal pasti tahap murid dari segi kognitif, sikap, minat dan perancangan amalan pengajaran yang sesuai. Kedua, semasa pengajaran. Guru bersedia dengan soalan yang sesuai kepada murid, fokus murid yang tepat dan kesesuaian masa untuk mengakhiri pengajaran. Sementara penilaian atau pentaksiran sumatif pula ialah penilaian yang dilaksanakan semasa sesi akhir sesuatu pengajaran iaitu dengan mengenal pasti sejauh mana tahap penguasaan kemahiran murid dan kesesuaian strategi pengajaran selanjutnya.

Dapatan data kajian bagi konstruk rumusan dan penilaian menunjukkan bahawa skor min dan interpretasi bagi kedua-dua kelompok responden berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menjelaskan bahawa amalan melaksanakan rumusan dan penilaian semasa pengajaran sememangnya diamalkan di dalam proses pengajaran





guru. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian oleh Johari & Aslinda (2010), yang mendapati bahawa 87% responden melaksanakan rumusan dan penilaian dengan mengulang isi-isi penting sebagai penutup pengajaran. Ini selaras dengan pandangan Lesley (2002) iaitu penutup pengajaran mestilah dapat memberikan gambaran keseluruhan bagi sesuatu pengajaran. Melalui pengulangan isi-isi penting, guru dapat membantu murid mengingati semula apa yang telah mereka belajar dan memberi gambaran keseluruhan pengajaran yang telah dilakukan.

Dalam konteks masa kini penggunaan istilah pentaksiran sering kali digunakan bagi menjelaskan penilaian yang dilaksanakan secara lebih holistik di dalam proses pendidikan. Pentaksiran haruslah dilihat sebagai; proses mendapatkan gambaran tentang prestasi seseorang dalam pembelajaran, aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran, aktiviti yang dijalankan secara berterusan dan aktiviti yang bertujuan untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang baik (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013).

Oleh itu, guru perlulah memahami dan menguasai kemahiran melaksanakan penilaian dan pentaksiran kepada murid di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran melaksanakan penilaian dan pentaksiran ini melibatkan guru memberikan soalan-soalan kepada murid bagi menilai tahap penguasaan sesuatu kemahiran di kalangan murid. Menurut Art Costa dan Benna Kallick (2000) dalam Bahagian Pembangunan Kurikulum, soalan yang berkesan perlu mempunyai ciri-ciri berikut, iaitu; mempunyai objektif, pernyataan yang jelas, ringkas, merangsang pemikiran, menyoal siasat, liputan yang terhad dan bersesuaian dengan tahap murid.





## h. Keperibadian dan amalan profesional keguruan

Pendidikan adalah satu asas penting dalam membentuk perubahan akhlak, sikap, sahsiah dan peribadi seseorang. Pendidikan boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Setiap guru mestilah mempunyai peribadi yang terpuji kerana ia menjadi *role model* atau contoh teladan kepada pembentukan sahsiah murid (Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010). Keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang sempurna secara tidak langsung akan memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan (Abdullah Ishak, 1989).

Di dalam konteks kajian ini, dapatan data kajian menunjukkan bahawa skor min dan interpretasi bagi setiap item dalam konstruk keperibadian dan amalan profesional keguruan berdasarkan persepsi kedua-dua kelompok responden guru dan murid berada pada tahap tinggi. Hal ini merupakan penjelasan terhadap nilai persetujuan kedua-dua kelompok responden terhadap item-item dalam konstruk tersebut dan sekaligus menunjukkan bahawa guru mengamalkan keperibadian yang tinggi dan menjaga amalan profesional keguruan. Menurut Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2010), amalan profesional keguruan merujuk kepada pematuhan etika kerja dan amalan nilai yang positif yang dipraktikkan oleh guru. Amalan ini seterusnya akan mewujudkan keyakinan dan kepercayaan murid terhadap guru. Di antara kriteria di dalam menilai seseorang guru itu sama ada mengamalkan profesion keguruan adalah; bersemangat dan bersungguh-sungguh, prihatin dan bersikap adil serta bertimbang rasa terhadap setiap murid, menepati masa, sabar, mesra dan mudah



didekati, dan memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh dicontohi murid.

Sebagai *role model* atau contoh ikutan, guru perlulah mempunyai akhlak dan peribadi yang baik agar dapat dicontohi dan dihormati. Tingkah laku dan sikap guru sentiasa menjadi perhatian dan dinilai oleh murid-murid sepanjang masa bukan sahaja di dalam bilik darjah atau di dalam sekolah malah juga ketika di luar kawasan sekolah. Perwatakan guru amat penting kerana ianya melambangkan personaliti mereka. Abdullah Ishak (1989) mengatakan perwatakan tersebut boleh dipupuk melalui sifat-sifat dalaman seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan takwa ataupun menerusi sifat-sifat yang zahir seperti tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain. Bagi mencapai personaliti yang unggul, Ashraf dan Husain (1989) menegaskan guru perlu mempunyai perasaan dedikasi terhadap tugasnya dan bersedia menerima tahap moral yang dipandang tinggi oleh masyarakat, dan mestilah seorang yang berbudi serta bertakwa.

### 5.3.1.2 Tahap pencapaian murid dalam bidang ibadah

Tahap penguasaan murid dalam bidang ibadah merujuk kepada kebolehan dan keupayaan murid menguasai kemahiran-kemahiran bidang ibadah yang dipelajari sepanjang berada di peringkat persekolahan rendah. Tahap penguasaan ini diuji dan ditaksirkan dengan menggunakan satu set soalan-soalan yang merangkumi kemahiran bidang ibadah yang dipelajari berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan di peringkat persekolahan rendah. Item-item terdiri daripada 25 soalan ujian yang



dikemukakan kepada murid untuk mengukur tahap penguasaan murid dalam bidang ibadah. Soalan ujian dibina berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam bidang Ibadah dengan taburan soalan berdasarkan aras rendah, sederhana dan tinggi. Aras soalan adalah berdasarkan Taksonomi Bloom dan Anderson (Lembaga Peperiksaan, 2013) yang meliputi konstruk kognitif.

Soalan ujian meliputi sukatan bidang Ibadah mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun satu hingga tahun lima yang terdiri daripada tajuk-tajuk berkaitan konsep ibadah, istinjak, wuduk, bacaan dalam solat, perkara-perkara yang membatalkan wuduk, doa qunut, bersuci daripada najis, bersuci daripada hadas, syarat-syarat sah solat, rukun solat, perkara-perkara yang membatalkan solat, azan dan iqamah, solat berjemaah, solat jumaat, dan sunat ab'adh serta sunat haiat. Ujian ini merupakan item



ujian berbentuk pilihan jawapan betul dan salah di mana murid menjawab pernyataan soalan dengan memilih jawapan betul atau salah. Dapatan data yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid Islam di SJKC dalam bidang ibadah berada pada tahap sederhana rendah. Data yang dianalisis menunjukkan bahawa 60% murid mendapat skor B dan C. Sementara 40% selebihnya mendapat skor D dan E. Tiada murid yang mendapat skor A di dalam ujian penguasaan kemahiran bidang ibadah ini.

Dapatan data ini adalah selaras dengan kajian oleh Nik Rosila (2007) yang mengkaji penguasaan Jawi murid dan hubungannya dengan minat dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa penguasaan murid dalam Jawi adalah lemah dan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Jawi dan pencapaian murid. Begitu juga





dengan minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam adalah rendah. Penguasaan Jawi murid sememangnya memberi kesan kepada penguasaan kemahiran murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Murid yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi akan semakin ketinggalan dalam Pendidikan Islam apabila alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru ditulis dalam tulisan Jawi (Muhammad Endut, 1992). Begitu juga dengan keupayaan murid untuk membaca dan menggunakan buku teks Pendidikan Islam kerana semuanya menggunakan tulisan Jawi.

### 5.3.2 Analisis inferensi



Perbincangan mengenai analisis inferensi merujuk kepada perbincangan mengenai faktor perbezaan tahap penguasaan ibadah dalam kalangan murid berdasarkan demografi yang merangkumi lokasi sekolah, jantina, belajar di sekolah agama, bangsa, dan tinggal bersama. Bahagian ini juga turut membincangkan mengenai korelasi antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian murid dalam bidang ibadah yang merangkumi lapan konstruk utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru. Konstruk-konstruk tersebut adalah; objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar, pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian atau amalan profesional keguruan.





### 5.3.2.1 Analisis Perbezaan

- a. Perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan lokasi sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan tahap penguasaan ibadah murid berdasarkan faktor demografi dari aspek lokasi sekolah. Ini menunjukkan bahawa lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar bukanlah faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan ibadah dalam kalangan murid Islam di SJKC.



- b. Perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan jantina.

Tinjauan mengenai perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan faktor jantina menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan. Ini bermakna, bahawa murid perempuan tidak semestinya lebih menguasai bidang ibadah daripada murid lelaki.

- c. Perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan belajar di sekolah agama.





Manakala dapatan kajian bagi perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan kehadiran atau belajar di sekolah agama pada sebelah petang menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan. Dapatan ini secara logiknya agak janggal kerana kehadiran atau belajar di sekolah agama tentunya memberi kelebihan pengetahuan atau kemahiran kepada murid-murid yang menghadirinya. Namun dapatan kajian ini mendapati sama ada murid menghadiri kelas agama selepas waktu persekolahan pada sebelah petang atau tidak, ternyata ianya tidak mempengaruhi penguasaan murid dalam bidang ibadah.

d. ANOVA sehala penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC



Tinjauan mengenai perbezaan penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC berdasarkan faktor bangsa mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan. Ini bermakna, bahawa aspek bangsa bukanlah penentu kepada penguasaan ibadah di kalangan murid-murid Islam di SJKC.

e. ANOVA sehala penguasaan ibadah dalam kalangan murid di SJKC  
berdasarkan aspek tinggal bersama.

Dapatan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan tahap penguasaan ibadah murid berdasarkan faktor demografi dari aspek tinggal bersama.





Aspek tinggal bersama di dalam kajian ini merujuk kepada murid tinggal bersama, sama ada dengan ibu bapa, ibu, bapa, datuk, nenek atau lain-lain. Dapatan ini menunjukkan bahawa penguasaan murid bukan dipengaruhi oleh faktor dengan siapa murid itu tinggal.

### 5.3.2.2 Analisis hubungan

- a. Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian penguasaan ibadah murid

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati wujud hubungan yang signifikan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian penguasaan ibadah dalam kalangan murid Islam di SJKC. Sebanyak enam daripada lapan konstruk amalan pengajaran guru iaitu tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian/ amalan profesional keguruan menunjukkan nilai hubungan adalah signifikan. Ini menunjukkan amalan pengajaran guru mempunyai kesan secara langsung terhadap penguasaan kemahiran murid di dalam sesuatu mata pelajaran.

## 5.4 Rumusan dan implikasi

Kesimpulan kajian menunjukkan, tahap amalan pengajaran bidang ibadah dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi. Ini dapat





dibukti daripada setiap konstruk dalam amalan pengajaran guru yang terdiri daripada objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar, pujian dan peneguhan, rumusan dan penilaian, dan keperibadian/ amalan profesional keguruan mendapat nilai kekerapan yang tinggi daripada kumpulan responden guru dan murid.

Dalam penetapan objektif pelajaran, didapati guru-guru berusaha melatih murid kemahiran ibadah dalam bentuk perlakuan. Sukatan pelajaran bidang ibadah mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya berkaitan solat terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bacaan dan perlakuan. Penetapan objektif pelajaran yang merangkumi kedua-dua aspek ini sememangnya memenuhi kriteria pemilihan objektif sesuatu pengajaran. Objektif pengajaran perlu ditulis atau ditetapkan berasaskan tingkah laku yang boleh dilihat kerana tingkah laku yang boleh dilihat sahaja yang boleh dinilai dan diukur. Selain itu, didapati juga guru-guru turut berusaha melatih murid menghafaz bacaan dalam bidang ibadah. Perkara ini dapat dinilai berdasarkan tahap interpretasi kedua-dua kumpulan responden guru dan murid yang tinggi dan sederhana tinggi. Selain itu didapati juga guru mengambil kira keupayaan murid dalam penetapan objektif pengajaran.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru sentiasa mengenal pasti tahap murid dalam proses pengajaran yang dilaksanakan. Didapati guru sentiasa berusaha menyesuaikan kaedah pengajaran yang digunakan dengan tahap murid. Ini dilakukan dengan mengemukakan soalan kepada murid pada permulaan pengajaran bagi menilai tahap murid. Guru juga melaksanakan penerangkan pengajaran berdasarkan keupayaan murid semasa proses pengajaran. Mengenal pasti keupayaan dan tahap





murid sebelum memulakan pengajaran merupakan satu perkara yang penting. Guru perlu mengetahui tahap murid bagi menyesuaikan kaedah dan teknik pengajaran agar objektif pengajaran tercapai. Kesediaan murid untuk menerima sesuatu kemahiran yang diajar adalah berbeza walaupun berada dalam kumpulan umur yang sama.

Guru haruslah mengambil kira kecenderungan, kebolehan serta kemampuan peringkat kematangan murid berdasarkan peringkat umur dan kemampuan berfikir. Dalam konteks kajian ini, guru sememangnya sentiasa berusaha untuk mengetahui latar belakang dan kemampuan murid dalam amalan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini berdasarkan kepada kadar kekerapan keseluruhan bagi konstruk yang menunjukkan tahap interpretasi sederhana tinggi bagi kedua-dua kumpulan responden guru dan murid. Pengetahuan sedia ada murid berkaitan sesuatu kemahiran yang hendak diajar oleh guru akan dapat membantu murid lebih bersedia untuk memahami dan menerima kemahiran tersebut.

Seterusnya dapatan data bagi konstruk set induksi menunjukkan interpretasi pada tahap sederhana tinggi bagi kedua-dua kumpulan responden. Ini memberi gambaran bahawa guru sememangnya menyedari kepentingan set induksi dalam pengajaran mereka dan mengamalkannya sekerap mungkin. Di dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam doa sebelum memulakan sesuatu pelajaran adalah penting. Di antara doa-doa yang dibaca adalah doa belajar. Pembacaan doa oleh semua murid sebelum memulakan pelajaran akan menyebabkan murid akan lebih bersedia untuk belajar. Ini kerana untuk membaca doa murid perlu duduk dalam keadaan tertib kerana ianya merupakan antara adab-adab membaca doa. Ketertiban murid dalam membaca doa akan menjadikan keadaan kelas terkawal dan guru akan mudah untuk





memulakan pengajaran mereka. Doa merupakan pra set induksi bagi sesuatu pengajaran. Dapatan data bagi konstruk ini menunjukkan bahawa memulakan pengajaran ibadah dengan bacaan doa mendapat skor min tertinggi dan tahap interpretasi pada tahap tinggi.

Set induksi merupakan sebahagian permulaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan tujuan untuk membina aliran fikiran murid serta menarik minat mereka untuk lebih memberi tumpuan dan fokus kepada pengajaran dan pembelajaran yang hendak disampaikan. Kebiasaannya guru menggunakan pelbagai cara untuk melaksanakan set induksi di dalam pengajaran sama ada nasyid, pantun, nyanyian, permainan, soalan yang menguji minda, lakonan atau lain-lain aktiviti yang dapat menarik perhatian murid. Guru seharusnya kreatif untuk mencipta pelbagai set induksi yang bersesuaian dengan tajuk pelajaran yang diajar. Set induksi yang menarik dan

bersesuaian dengan tajuk pelajaran akan menyebabkan murid memberikan perhatian dan tumpuan kepada kemahiran yang disampaikan oleh guru. Di dalam konteks kajian ini, didapati guru dan murid memberi kadar kekerapan yang sederhana tinggi bagi item melakukan aktiviti permulaan berbentuk nasyid atau bercerita bagi menarik perhatian murid untuk belajar ibadah. Guru juga didapati mengutamakan kepelbagaian set induksi dalam pengajaran mereka.

Guru juga selalu mengemukakan soalan pada permulaan pengajaran bagi merangsang semangat dan rasa ingin tahu murid untuk belajar. Kemahiran menyoal soalan-soalan yang berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) akan merangsang pemikiran murid dan mengasah kemahiran berfikir mereka. Ini bersesuaian dengan saranan Kementerian Pendidikan yang menggalakkan penyoalan yang dapat





merangsang kemahiran berfikir murid. Di dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 kemahiran ini memang amat dititikberatkan. Secara kesimpulannya penggunaan set induksi pada permulaan pengajaran akan menyebabkan murid lebih fokus dan secara tidak langsung guru lebih mudah mengawal kelas.

Kaedah pengajaran merujuk kepada perancangan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Kaedah merupakan langkah-langkah atau peringkat-peringkat pengajaran yang tersusun rapi dan kesinambungan yang harus dituruti bagi mencapai sesuatu pelajaran (Ahmad, 1997). Dalam konteks kajian ini didapati kedua-dua kumpulan responden guru dan murid memberikan kadar kekerapan pada tahap sederhana tinggi bagi konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran. Ini terbukti dengan guru menyatakan bahawa mereka mengajar dengan menggunakan pelbagai teknik pengajaran seperti soal jawab dan tunjuk cara. Tahap persepsi amalan ini berada pada tahap interpretasi yang tinggi bagi kedua-dua kumpulan responden.

Guru juga didapati mempelbagaikan kaedah pengajaran ibadiah sama ada secara kelas, kumpulan atau individu. Di antara ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan adalah kolaboratif atau berkumpulan. Pengajaran yang menggalakkan aktiviti berkumpulan akan menjadikan murid lebih aktif belajar dan guru hanya bertindak sebagai pemudahcara. Interaksi pelbagai hala di antara guru dengan murid dan murid dengan murid yang terkawal akan menggalakkan pembelajaran aktif dan meningkatkan keberkesanan pengajaran.





Seterusnya didapati guru juga kerap kali menggunakan kaedah amali dalam pengajaran ibadah yang dijalankan. Kaedah amali merupakan salah satu kaedah yang mesti dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran bidang ibadah mengikut tajuk kemahiran yang bersesuaian. Kebiasaannya kaedah ini dilaksanakan semasa mengajar kemahiran solat, wuduk, tayamum dan sebagainya. Penggunaan kaedah yang betul dan bersesuaian dengan kemahiran yang diajar akan meningkatkan kefahaman murid dan seterusnya objektif pengajaran akan tercapai. Ini menunjukkan guru memang menyedari akan kepentingan penggunaan kaedah mengajar yang sesuai dengan bermatlamat maklumat yang disampaikan kepada murid dapat difahami. Guru juga memahami bahawa mereka perlu mengetahui kaedah atau cara penyampaian dalam pengajarannya supaya murid-murid dapat memahami apa yang hendak disampaikan.



Penggunaan bahan bantu mengajar di dalam pengajaran akan membantu murid untuk memahami konsep sesuatu kemahiran atau tajuk dengan lebih mudah. Penggunaan bahan bantu mengajar yang kerap dan dengan kaedah yang betul akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menyeronokkan dan berkesan. Perkembangan terkini dalam pendidikan telah merubah keperluan prasarana dan kemudahan pendidikan termasuk dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi, 2010). Terdapat pelbagai bahan bantu mengajar sama ada yang bersifat tradisional ataupun yang menggunakan teknologi terkini yang boleh digunakan dalam pengajaran. Di antara bahan-bahan bantu mengajar tradisional yang boleh diperolehi dengan mudah pada masa kini ialah Al-Quran al-Karim, buku teks, buku kerja tambahan, buku rujukan, lembaran kerja kertas mahjung, kad imbasan, carta, kad manila dan sebagainya. Sementara bahan





bantu mengajar terkini pula ialah perisian komputer, projektor LCD, radio kaset, CD, komputer, televisyen, tablet, telefon pintar dan sebagainya.

Di dalam konteks kajian ini, berdasarkan analisis data didapati guru ada menggunakan bahan bantu mengajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi penggunaannya hanya kerap kepada bahan-bahan tradisional yang mudah diperolehi seperti buku teks, lembaran kerja dan carta sahaja. Dapatan data menunjukkan penggunaan buku teks paling kerap digunakan dengan tahap interpretasi paling tinggi berdasarkan persepsi kedua-dua kumpulan responden guru dan murid. Bahan bantu mengajar kedua paling kerap digunakan adalah lembaran kerja diikuti dengan penggunaan carta. Ini bertepatan dengan kajian Hatifah (2000) yang mendapati bahawa bahan bantu mengajar yang kerap digunakan adalah buku teks (82%). Dalam erti kata lain guru-guru lebih suka atau kerap menggunakan bahan bantu mengajar tradisional yang mudah diperolehi. Sesetengah bahan tersebut memang telah tersedia di sekolah seperti buku teks dan lembaran kerja di dalam buku-buku kerja murid.

Didapati juga kebanyakan guru hanya kadang-kadang menyediakan bahan bantu mengajar yang menarik semasa pengajaran ibadah. Begitu juga dengan penggunaan komputer/projektor LCD, radio kaset, televisyen/pemain cakera padat dan telefon pintar/tablet. Hasil kajian juga mendapati 66.6% guru menyatakan tidak pernah menggunakan radio dalam pengajaran mereka. Sementara 70% menyatakan tidak pernah menggunakan televisyen/pemain cakera padat sebagai bahan bantu mengajar. Sedangkan dalam keadaan tertentu penggunaan televisyen atau bahan video khususnya boleh mendorong motivasi murid. Menurut Pulley (1992) penglihatan merupakan medium utama dalam proses pembelajaran manusia. Apa yang didengar



dan dibaca biasanya akan divisualkan dalam pemikiran mereka untuk mendapatkan konsep atau makna yang lebih jelas lagi. Pembelajaran yang berkesan biasanya dapat dicapai apabila bahan pengajaran yang digunakan lebih bersifat ikonik, realistik, konkrit dan menghampiri murid.

Kurangnya penggunaan bahan-bahan di atas mungkin disebabkan dengan situasi di sekolah yang kurang menyediakan kemudahan untuk pengajaran Pendidikan Islam. Kebanyakan guru bukanlah ditempatkan secara tetap di sekolah, malah mereka mengajar di beberapa buah sekolah secara beredar sebagaimana telah dinyatakan di dalam bab 1. Oleh sebab itu akses guru-guru ini kepada bahan-bahan tersebut adalah terhad, dan kesannya mereka tidak dapat menggunakan bahan bantu mengajar terkini di dalam pengajaran mereka. Namun tidak dinafikan kemungkinan segelintir guru-guru mengambil kesempatan dengan sukarnya mendapat bahan-bahan tersebut, maka tidak perlulah menggunakan bahan-bahan lain yang boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas. Sikap ini seharusnya diubah kerana guru seharusnya rajin dan sentiasa memikirkan cara-cara untuk melaksanakan proses pengajaran yang menarik dan bermakna dan memberi impak yang positif kepada murid.

Merujuk kepada konstruk pujian dan peneuhan pula, dapatan data menunjukkan skor min bagi setiap item daripada kedua-dua kelompok responden mendapat interpretasi di antara tinggi dan sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru mengamalkan pujian dan peneuhan atau memberi motivasi kepada murid di dalam amalan pengajaran mereka. Guru-guru didapati sentiasa berusaha memberikan dorongan kepada murid agar meningkatkan pengetahuan ibadah. Sentiasa memberikan pujian dan hadiah kepada murid yang menguasai kemahiran. Pujian dan peneuhan



atau dalam istilah lain disebut motivasi adalah komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Guru juga menegur salah laku murid dengan serta merta tanpa menjejaskan maruah murid. Rasulullah s.a.w. juga menggunakan pujian dan sentuhan kepada para sahabat bagi memberi galakan dan peneguhan (M. Abdel Haleem, 2002). Penekanan khusus yang diberikan oleh Rasulullah terhadap kepentingan aspek niat dalam melakukan sesuatu amalan juga membawa implikasi motivasi yang tinggi terhadap penentuan hala tuju serta perkembangan yang tekak ke arah pencapaian matlamat sesuatu amalan. Perkara ini didapati memang diamalkan oleh guru-guru dalam amalan pengajaran mereka dengan item guru kerap mengingatkan murid tentang kelebihan melaksanakan ibadah dengan ikhlas berada pada tahap interpretasi tinggi.

Dua orang tokoh Pendidikan Islam abad pertengahan al-Zarnuji dan al-Shaukani pula melihat faktor motivasi dan kesediaan ini sebagai elemen mental efektif yang harus ada pada murid supaya dapat belajar dengan lebih baik. Syarat dan komponen yang terkandung dalam aspek ini termasuk niat, usaha gigih dan tawakal kepada Allah.

Amalan pengajaran guru berkaitan dengan rumusan dan penilaian juga menunjukkan nilai kekerapan adalah pada tahap tinggi dan sederhana tinggi. Amalan merumus isi pelajaran pada akhir pengajaran perlu dilaksanakan bagi menilai kefahaman murid terhadap sesuatu kemahiran yang dipelajari. Tinjauan terhadap amalan membuat rumusan dan penilaian dalam pengajaran sememangnya diamalkan secara kerap di dalam pengajaran guru. Guru didapati menyoal semula isi pelajaran yang baru diajarkan kepada murid. Penilaian adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran, bukannya semata-mata dijalankan melalui ujian dan





peperiksaan sahaja. Ia merupakan satu proses pengumpulan maklumat berkenaan dengan kemajuan dan prestasi murid. Penilaian juga merupakan satu proses bagi guru untuk menentukan keberkesanan pengajaran. Proses ini dapat memberi maklumat tentang pencapaian objektif pelajaran, dan kaedah mengajar seorang guru.

Penilaian di dalam pengajaran dan pembelajaran boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif merujuk kepada penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maklumat yang diperoleh daripada penilaian formatif dapat memberi maklum balas tentang sejauh mana sesuatu hasil pembelajaran telah dikuasai. Penilaian ini dilaksanakan sepanjang proses pengajaran berlangsung. Guru boleh melaksanakan penilaian ini dengan menyoal murid setelah memberi penerangan tentang tajuk pelajaran atau penerangan berkaitan isi pelajaran. Dengan itu guru dapat mengetahui tahap kefahaman murid dan menjalankan aktiviti pengukuhan dan pengayaan. Aktiviti pengukuhan boleh diberikan kepada murid yang masih belum dapat mencapai objektif pelajaran, sementara aktiviti pengayaan diberikan kepada murid yang telah mencapai objektif pelajaran dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka berikatan tajuk yang dipelajari.

Sementara penilaian sumatif pula adalah penilaian yang dilaksanakan di akhir sesuatu pelajaran bagi menilai kefahaman murid berkaitan keseluruhan isi pelajaran. Dalam konteks kajian ini, guru membuat penilaian di akhir pelajaran dengan memastikan murid menghasilkan tugas atau latihan dengan kemas. Guru juga memastikan murid menyiapkan tugas atau latihan dalam masa yang diberikan di akhir pengajaran. Setiap hasil kerja murid dinilai dan disemak di akhir pelajaran dan





jika berlaku kesilapan dalam memberi jawapan latihan guru akan meminta murid untuk membuat pembetulan secara konsisten. Dengan cara ini murid akan dapat mengetahui kelemahan dan kekuatan mereka dan secara tidak langsung akan memotivasikan diri mereka untuk lebih berusaha pada pelajaran akan datang. Guru juga didapati membimbing murid untuk merumus pelajaran. Seterusnya guru juga meminta murid menjelaskan semula isi pelajaran berkaitan tajuk yang dipelajari. Bagi memperkukuhkan lagi kemahiran dan pengetahuan murid guru memberikan latihan sebagai kerja rumah susulan kepada murid. Amalan ini adalah baik kerana pemberian kerja rumah dengan bilangan yang terhad akan meningkatkan lagi ingatan murid berkaitan dengan isi pelajaran untuk jangka masa panjang.

Seterusnya bagi konstruk yang terakhir di dalam amalan pengajaran guru, iaitu keperibadian/ amalan profesional keguruan, hasil analisis data yang diperolehi menunjukkan skor min dan interpretasi bagi setiap item adalah pada tahap tinggi dan sederhana tinggi. Kebanyakan item memperoleh skor min dan interpretasi pada tahap tinggi. Ini membuktikan bahawa guru sememangnya mengamalkan konstruk keperibadian dan amalan profesional mereka dengan baik. Profesion guru terikat dengan etika dan peraturan sebagai seorang pendidik dan sebagai penjawat awam. Etika dan peraturan ini perlu dipatuhi setiap masa bagi menjaga kemuliaan profesion keguruan itu sendiri. Guru perlu sedar bahawa tugas sebagai seorang guru mempunyai tanggungjawab yang besar. Guru sebagai seorang yang menyebarkan ilmu pengetahuan mempunyai tanggungjawab terhadap murid, ibu bapa, masyarakat dan negara serta tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion.





Tinjauan terhadap konstruk terakhir dalam amalan pengajaran guru pula mendapati guru sentiasa mengamalkan keperibadian/amalan profesional keguruan dengan memastikan mereka sentiasa bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pelajaran. Guru yang bersemangat dalam menyampaikan ilmu akan memotivasikan murid untuk lebih rajin belajar. Guru juga menyedari tanggungjawab mereka dengan berusaha menerangkan kelebihan ibadah selaku seorang muslim. Bersikap adil dan bertimbang rasa terhadap setiap murid di dalam kelas. Didapati juga guru kerap berusaha menepati masa semasa memulakan pengajaran. Masa pengajaran digunakan sepenuhnya untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan tidak melakukan aktiviti lain yang tidak berkaitan dengan pelajaran yang diajar. Ini bertepatan dengan komponen menjaga masa instruksional di dalam pendekatan kepimpinan instruksional yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan bagi mengoptimumkan keberkesanan pembelajaran dalam kalangan murid. Di antara objektif program ini diperkenalkan adalah untuk memastikan peningkatan masa pembelajaran berkesan dalam kalangan murid, dan memastikan guru mesti berada di kelas dan melaksanakan pembelajaran dengan berkesan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Oleh itu, ketepatan waktu masuk ke kelas untuk memulakan sesi pengajaran adalah satu tindakan yang seharusnya diamalkan secara berterusan.

Guru juga didapati bersikap sabar dan mudah didekati serta memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai murni yang boleh dicontohi oleh murid. Di antara nilai-nilai positif yang boleh diamalkan adalah ikhlas, sabar, kasih sayang, warak dan takwa, tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, penampilan dan lain-lain sifat mahmudah. Begitu juga dengan sikap memastikan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan memberi respon terhadap soalan guru. Dapatan





data menunjukkan skor min dan interpretasi berada pada tahap tinggi dan sederhana tinggi berdasarkan kepada respon daripada kedua-dua kumpulan responden guru dan murid. Guru juga memastikan murid memberi pandangan atau idea yang sesuai dan berkaitan dengan tajuk. Guru seharusnya memastikan kawalan ke atas setiap tingkah laku murid sentiasa dijaga agar murid tidak melakukan perkara lain selain daripada memberi tumpuan terhadap isi pelajaran yang disampaikan. Perkara ini dapat dilaksanakan dengan sikap menghormati guru yang sentiasa dipupuk di dalam diri murid.

Dapatan kajian ini turut menunjukkan tahap pencapaian atau penguasaan murid dalam bidang ibadah pada tahap sederhana rendah. Ini memberikan gambaran bahawa murid tidak sepenuhnya menguasai kemahiran yang diajar oleh guru.

Walaupun hasil dapatan kajian ini berkaitan dengan amalan pengajaran guru menunjukkan skor min dan tahap interpretasi sederhana tinggi dan tinggi, namun pencapaian murid berada pada tahap sederhana rendah. Perkara ini berlaku kerana banyak faktor lain selain daripada pengajaran guru mempengaruhi penguasaan kemahiran murid dalam bidang ibadah (Mohd Fadzli et al., 2012). Di antaranya adalah; peruntukan masa untuk mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC adalah kurang daripada di sekolah-sekolah kebangsaan, kekurangan guru, tempat yang tidak kondusif dan kurang kemudahan prasarana untuk pengajaran Pendidikan Islam. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan bagi mengkaji faktor-faktor tersebut secara terperinci.

Dapatan data berdasarkan profil guru di SJKC boleh dijadikan asas kepada permasalahan penguasaan murid pada tahap yang rendah. Secara umumnya bilangan guru yang mempunyai pengalaman beredar dan tidak beredar adalah setara. Situasi





beredar dengan pengalaman mengajar di sesebuah sekolah secara tetap adalah berbeza. Tambahan pula jika kelas yang diajar pada waktu guru beredar itu dilaksanakan secara bercantum dengan menggabungkan beberapa kelas secara serentak. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah kelas bercantum mendominasi cara pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dilaksanakan. Begitu juga dengan tempat pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Didapati bahawa tempat kelas pendidikan Islam dijalankan kebanyakannya di dalam bilik khas atau bilik-bilik lain yang disediakan oleh pihak pentadbiran sekolah, bukannya di dalam kelas biasa. Hal ini memberi kesan kepada proses PdP kerana pergerakan murid ke kelas-kelas khas tersebut sudah tentu mengambil waktu PdP yang sudahpun kurang. Begitu juga dengan suasana kelas yang kurang kondusif akan menyebabkan murid berada dalam keadaan yang tidak selesa dan memberi kesan kepada pembelajaran mereka.



Tinjauan seterusnya adalah berkaitan dengan analisis perbezaan berdasarkan demografi murid. Analisis perbezaan tahap penguasaan murid dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor demografi yang terdiri daripada lokasi sekolah, jantina murid, belajar di sekolah agama, bangsa dan tinggal bersama. Enam hipotesis nol telah dibina bagi menjawab soalan kajian. Hasil analisis pertama mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan murid dengan lokasi sekolah bandar dan luar bandar. Sementara hasil analisis kedua berkaitan dengan faktor demografi jantina murid, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan murid lelaki dan murid perempuan dalam bidang ibadah. Kedua-dua kumpulan jantina lelaki dan perempuan menunjukkan penguasaan bidang ibadah yang hampir sama. Begitu juga dengan hasil analisis ketiga berkaitan dengan perbezaan penguasaan murid dengan faktor belajar di sekolah





agama. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi penguasaan ibadah murid dengan belajar di sekolah agama. Pencapaian murid sama ada yang belajar di sekolah agama atau tidak belajar di sekolah agama adalah hampir sama.

Analisis keempat pula berkaitan perbezaan penguasaan murid berdasarkan bangsa. Dapatan data menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan dengan kategori bangsa murid-murid. Tiada perbezaan penguasaan ibadah di antara murid Melayu, Cina, India atau lain-lain bangsa. Sementara analisis perbezaan kelima pula adalah perbezaan antara penguasaan ibadah murid berdasarkan tinggal bersama. Maksud tinggal bersama adalah bermaksud dengan siapa murid tinggal sama ada dengan ibu bapa, bapa, ibu, datuk, nenek dan lain-lain. Hasil analisis mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penguasaan murid berdasarkan tinggal bersama. Keseluruhan hipotesis berkaitan dengan ujian perbezaan yang dibuat mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara penguasaan kemahiran ibadah murid dengan faktor demografi.

Penguasaan murid Islam di SJKC dalam bidang ibadah adalah sama tanpa mengira faktor demografi murid. Secara keseluruhannya sama ada murid daripada sekolah bandar atau luar bandar, jantina lelaki atau perempuan, belajar di sekolah agama atau tidak, terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India atau lain-lain, dan sama ada tinggal bersama ibu bapa, bapa, ibu, datuk, nenek atau lain-lain ternyata tiada perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut. Dapatlah dibuat kesimpulan bahawa penguasaan murid Islam di SJKC dalam bidang ibadah tidak dipengaruhi oleh faktor demografi. Maka kesemua hipotesis nol yang dibina berdasarkan soalan kajian ketiga adalah diterima.



Tinjauan berikutnya adalah berkaitan dengan analisis hubungan bagi mengenal pasti hubungan antara konstruk amalan pengajaran guru dengan penguasaan murid dalam bidang Ibadah. Konstruk-konstruk tersebut adalah objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM), pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, dan keperibadian atau amalan profesional keguruan. Dapatan data hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tahap rendah dan sederhana di antara amalan pengajaran guru dengan tahap penguasaan ibadah murid.

Konstruk amalan pengajaran guru dengan korelasi paling tinggi adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengajaran yang dipilih dan digunakan oleh guru dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran akan memberikan impak positif atau negatif. Jika pemilihan kaedah yang digunakan telah mengambil kira pelbagai faktor seperti tahap murid, kesediaan murid, isi pelajaran dan objektif pengajaran maka sudah tentu hasilnya akan memberi kesan yang positif. Murid akan dapat menguasai isi pelajaran dan kemahiran yang diajar. Namun jika perkara sebaliknya berlaku, iaitu guru tidak mengambil kira faktor-faktor yang disebutkan di atas, maka sudah tentu murid tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar.

Konstruk seterusnya yang mempunyai korelasi yang tinggi adalah keperibadian/ amalan profesional keguruan. Perkara ini berkaitan dengan contoh ikutan atau teladan yang boleh dijadikan *role mode* oleh murid. Sikap dan sahsiah guru yang baik tentunya mempengaruhi sikap dan amalan murid seterusnya penguasaan kepada sesuatu kemahiran yang diajar. Minat murid terhadap



keperibadian seseorang guru akan menyebabkan mereka berminat dengan apa yang diajar oleh guru tersebut. Seterusnya akan meningkatkan penguasaan isi pelajaran.

Konstruk berikutnya yang memperoleh nilai korelasi yang tinggi adalah pujian dan peneguhan. Motivasi memainkan peranan yang signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid yang bermotivasi mempunyai lebih kesungguhan untuk belajar dan menguasai kemahiran isi pelajaran berbanding murid yang tidak bersemangat dan bermotivasi. Malah murid yang tidak bermotivasi mungkin mencetuskan masalah lain pula seperti masalah ponteng sekolah. Murid yang tidak berminat dengan isi pelajaran atau kaedah yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan pelajaran akan menyebabkan mereka tidak bermotivasi untuk hadir ke sekolah dan belajar. Di sinilah pentingnya pujian dan peneguhan atau motivasi yang



diberikan oleh guru. Di antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan motivasi murid untuk hadir dan belajar di sekolah adalah program Guru Penyayang. Program ini boleh dijadikan sebagai panduan oleh guru dalam amalan pengajaran mereka bagi meningkatkan motivasi murid untuk belajar.

Seterusnya adalah konstruk set induksi yang memperoleh nilai korelasi yang tinggi. Set induksi yang menarik pada permulaan pelajaran akan menarik minat murid untuk belajar. Minat untuk belajar yang dicetuskan oleh penggunaan set induksi yang menarik akan menyebabkan murid memberi perhatian kepada isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dan seterusnya objektif pengajaran guru akan tercapai. Set induksi yang menarik tidak perlu masa yang panjang. Cukup sekadar untuk guru menarik perhatian murid kepada isi pelajaran. Sebagaimana yang disebut terdahulu





doa adalah antara salah satu perkara yang boleh digunakan oleh guru untuk menarik perhatian murid kepada proses pengajaran guru. Guru boleh meminta murid diam dan duduk dalam keadaan yang tertib sebelum membaca doa. Selepas bacaan doa guru boleh terus dengan set induksi tajuk pelajaran yang akan diajar.

Konstruk rumusan dan penilaian pula berkaitan dengan guru membuat rumusan di akhir pelajaran dan menilai penguasaan murid dalam kemahiran yang disampaikan. Penilaian di dalam proses pengajaran tidak terhad kepada penilaian di akhir pelajaran sahaja. Penilaian terbahagi kepada dua, iaitu penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif boleh berlaku di sepanjang proses pengajaran sama ada di permulaan, pertengahan atau penghujung pengajaran. Sementara penilaian sumatif dilakukan setelah sesuatu topik pelajaran dipelajari oleh murid. Hasil daripada rumusan dan penilaian ini dapat dijadikan panduan oleh guru bagi menilai keberkesanan pelajaran yang disampaikan. Daripada proses ini, guru dapat mengenal pasti murid yang memerlukan aktiviti pengayaan atau pengukuhan.

Konstruk berikutnya yang mempunyai korelasi yang rendah dengan penguasaan murid. Dapatan data menunjukkan konstruk yang memperolehi nilai korelasi yang rendah adalah konstruk tahap murid. Tahap murid bermaksud tahap kesediaan murid untuk menerima sesuatu kemahiran yang diajar. Walaupun murid mungkin terdiri daripada kumpulan umur dan kelas yang sama, kesediaan mereka menerima sesuatu kemahiran yang diajar oleh guru adalah berbeza. Faktor perbezaan ini antara lainnya disebabkan faktor-faktor persekitaran dan faktor murid itu sendiri. Guru perlu mengetahui tahap kesediaan murid sebelum memulakan proses pengajaran





dan seterusnya dapat menyesuaikan kaedah dan teknik pengajaran agar murid dapat menguasai kemahiran.

Sebagai rumusan berkaitan dengan analisis korelasi bagi mengenal pasti hubungan amalan pengajaran guru dengan penguasaan murid dalam bidang Ibadah, dapatlah disimpulkan bahawa setiap daripada konstruk amalan pengajaran guru mempunyai hubungan yang signifikan pada tahap yang rendah dengan penguasaan pencapaian ibadah murid-murid. Dengan kata lain apa yang diamalkan oleh guru dalam pengajaran mereka akan memberi kesan kepada penguasaan kemahiran murid. Jika amalan pengajaran dilaksanakan dengan mengikut prosedur dan peraturan dan semua faktor diambil perhatian maka tidak mustahil murid akan dapat menguasai kemahiran yang diajar oleh guru. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa guru sememangnya memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran murid.

Guru yang mengamalkan semua konstruk dalam amalan pengajaran guru akan dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna kepada murid-muridnya.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini penting sebagai gambaran mengenai tahap amalan pengajaran guru dalam bidang Ibadah di SJKC. Dengan adanya maklumat ini, diharapkan agar guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di SJKC khususnya mengambil perhatian dan tindakan yang serius untuk meningkatkan tahap amalan pengajaran mereka kepada tahap yang lebih baik dan berkesan. Setiap konstruk dalam amalan pengajaran guru haruslah diambil kira secara serius semasa guru merancang sesi pengajaran dan pembelajaran.





Merujuk kepada dapatan kajian yang diperoleh, dapatlah disimpulkan bahawa guru memang mengamalkan amalan pengajaran mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan. Cuma amalan-amalan ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh dan bersungguh-sungguh oleh segelintir guru yang terlibat. Sebagai contoh dalam penggunaan bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran didapati tahap penggunaan bahan teknologi yang terkini adalah amat kurang. Sedangkan penggunaan bahan-bahan inilah yang dapat menarik perhatian murid kepada kemahiran yang dipelajari. Ini terbukti daripada kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini berkaitan dengan bahan bantu mengajar di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Minat murid terhadap peralatan atau gajet yang canggih pada masa kini perlu dimanfaatkan oleh guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan.



Selain itu dapatan-dapatan kajian ini juga berguna kepada pihak-pihak berwajib untuk mengambil tindakan susulan yang bersesuaian bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru agar dapat meningkatkan penguasaan bidang Ibadah dalam kalangan murid. Akhirnya, usaha-usaha ke arah pemantapan amalan pengajaran di kalangan guru-guru Pendidikan Islam tidak akan tercapai jika dipikul oleh satu pihak tertentu sahaja tetapi sebaliknya usaha ini pasti akan berjaya jika mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak.





## 5.5 Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menggambarkan dengan jelas mengenai tahap amalan pengajaran bidang Ibadah guru-guru Pendidikan Islam yang terdiri daripada objektif pengajaran dan pembelajaran, tahap murid, set induksi, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar, pujian dan peneguhan (motivasi), rumusan dan penilaian, keperibadian/amalan profesional keguruan. Dapatan data menunjukkan tahap amalan pengajaran guru berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan masih ada kelemahan-kelemahan dalam amalan pengajaran guru yang perlu diperbaiki. Justeru, usaha-usaha berterusan perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh untuk meningkatkan tahap amalan pengajaran guru dari semasa ke semasa. Dengan cara ini tidak mustahil tahap penguasaan murid dalam bidang



Ibadah turut sama akan ditingkatkan.

### 5.5.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Penguasaan kemahiran bidang Ibadah di peringkat sekolah rendah merupakan asas kepada bidang ibadah khusus dan umum yang lebih luas kepada seseorang individu muslim. Kemahiran di sekolah rendah adalah bergantung sepenuhnya kepada usaha dan tunjuk ajar daripada guru. Kekurangan guru dan kekangan waktu pengajaran Pendidikan Islam di SJKC wajar diberi perhatian yang serius. Waran perjawatan guru perlu diselaraskan agar sama dengan perjawatan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. Setiap SJKC yang mempunyai murid Islam walaupun bilangan sedikit





perlu ditempatkan guru Pendidikan Islam secara tetap bagi memelihara hak murid untuk belajar Pendidikan Islam.

Amalan pengajaran guru seharusnya mendapat perhatian pihak-pihak berwajib yang berautoriti untuk memantau perjalanan proses pengajaran yang berkesan. Pihak jemaah nazir seharusnya membuat pemantauan yang berkala dan bersistematik bagi membantu guru-guru meningkatkan kemahiran amalan pengajaran mereka. Pemantauan dan pencerapan oleh pihak sekolah tentulah tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana pihak pentabiran sekolah terdiri daripada guru-guru bukan Islam. Maka tanggungjawab ini adalah terletak kepada pihak Jemaah Nazir, pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.



### **5.5.2 Cadangan kepada sekolah**

Walaupun kajian ini memperlihatkan dapatan bahawa tahap amalan pengajaran guru-guru pada tahap sederhana tinggi namun usaha daripada pihak sekolah dan pihak pentadbiran untuk membantu guru-guru meningkatkan kemahiran mereka perlu ada kesungguhan dan keikhlasan. Pihak sekolah dicadangkan menyediakan tempat yang lebih kodusif untuk sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Begitu juga dengan akses kepada guru-guru untuk menggunakan peralatan dan teknologi terkini sebagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru perlu diberi kebenaran untuk menggunakan peralatan-peralatan tersebut tanpa sebarang halangan.





### 5.5.3 Cadangan kepada guru

Tahap kemahiran guru dalam apa sahaja bidang adalah bergantung kepada kesungguhan guru itu sendiri. Begitu juga dengan kemahiran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu melaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan menggunakan segala sumber yang ada di dalam pengajaran Ibadah agar murid dapat menguasai kemahiran yang sepatutnya mereka kuasai mengikut tahap masing-masing. Guru sepatutnya mencari inisiatif sendiri di samping inisiatif yang disediakan oleh pihak KPM dan pihak sekolah, bagi memahirkan diri mereka dengan kaedah dan teknik terbaru dalam pengajaran Pendidikan Islam.



### 5.5.4 Cadangan penyelidikan lanjutan

Kajian ini merupakan perintis kepada kajian amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam di SJKC. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan asas kepada perkembangan kajian berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di SJKC seterusnya. Antara kajian yang dicadangkan adalah mengkaji amalan pengajaran murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara menyeluruh kerana ekosistem pembelajaran di SJKC dan di SK adalah berbeza. Murid-murid di SJKC lebih terdedah kepada kepelbagaian agama dan kepelbagaian budaya. Di samping itu juga dicadangkan agar kajian amalan pengajaran guru mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC dijalankan secara menyeluruh bukan terhad kepada bidang tertentu sahaja. Kajian yang akan dibuat boleh dilaksanakan dalam bentuk sama ada kuantitatif, kualitatif atau gabungan





antara kualitatif dan kuantitatif. Dengan adanya kajian-kajian yang lebih menyeluruh diharapkan tahap kualiti pengajaran Pendidikan Islam di SJKC dapat diperkasakan dan tahap penguasaan murid dapat ditingkatkan.

## 5.6 Penutup

